

Bil. 20

**Khamis
26 September 2013**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 20	Khamis	26 September 2013
----------------	---------------	--------------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013 <u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual:-</u> Maksud B.1, B.6, B.7 dan B.9	(Halaman 38)
USUL: Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 133)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN: ■ Langkah Drastik Mempercepatkan Projek Pembinaan Sekolah dan Prasekolah di Negeri Sabah – <i>Datuk Madius bin Tangau (Tuaran)</i> ■ Sebab Kerajaan Tidak Mematuhi Hak Asasi Manusia Sedunia PBB Secara Penuh – <i>Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)</i>	(Halaman 133) (Halaman 137)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Khamis, 26 September 2013

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan rasional langkah kerajaan ingin membawa masuk 1.4 juta pekerja Bangladesh yang hampir menyamai jumlah seluruh kakitangan awam di Malaysia kononnya beberapa sektor perkhidmatan dan industri mengalami kekurangan pekerja di negara ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:
Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum itu, izinkan saya mengucapkan selamat datang kepada anak-anak, para pelajar dan guru-guru mereka serta tetamu kita di Dewan yang mulia ini daripada Pasir Mas. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan khusus Yang Berhormat Paya Besar, saya ucapkan tahniah soalan nombor satu. Beberapa orang Ahli Parlimen juga mengemukakan soalan yang inti pati dan jawapannya hampir sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Paya Besar iaitu Yang Berhormat Taiping pada 30 September, Yang Berhormat Kampar pada 1 Oktober dan Yang Berhormat Kluang pada 2 Oktober 2013.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Paya Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kerana amat prihatin tentang nasib masa depan pekerja kita dengan kebanjiran pekerja asing dan pendatang asing di negara kita ini. Dalam konteks soalan khusus ini, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang

mulia ini dan juga Yang Berhormat Paya Besar bahawa berhubung dengan isu 1.4 juta pekerja Bangladesh.

Kementerian Sumber Manusia ingin menjelaskan bahawa angka 1.4 juta adalah merujuk kepada jumlah pencari kerja Bangladesh yang telah berdaftar dengan Kerajaan Bangladesh untuk menawarkan diri bekerja di Malaysia. Inilah Tuan Yang di-Pertua, amannya negara kita, makmurnya. Sebanyak 1.4 juta daripada bilangan penduduk Bangladesh yang lima, enam kali ganda lebih besar daripada kita. Bangladesh mempunyai penduduk 161,83,804 maknanya enam kali ganda. Jadi, sebab itulah tidak ada sebab kenapa kita hendak lari ke negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, dasar kemasukan pekerja dari Bangladesh pada masa sekarang adalah berasaskan kepada MoU di antara Kerajaan Malaysia dan Bangladesh yang telah ditandatangani pada tahun 2012. MoU tersebut menetapkan bahawa kemasukan pekerja Bangladesh hanya dibenarkan melalui mekanisme kerajaan kepada kerajaan, *G2G agreement* dengan izin. Di mana proses kemasukan diluluskan oleh agensi kerajaan yang berkaitan di kedua-dua negara dan tidak membabitkan penglibatan ejen atau pihak ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin jawapan saya agak panjang sedikit untuk memastikan Yang Berhormat lain juga diliputi jawapan ini. Pencari-pencari kerja ini akan menjalani pemeriksaan kesihatan dan latihan induksi bagi memastikan hanya data calon yang berkelayakan dan menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia sahaja disenarai pendek untuk dihantar ke Malaysia.

Selain itu, data-data calon ini juga akan melalui proses saringan keselamatan, jenayah dan imigresen di Malaysia. Sehingga 23 September 2013, seramai 8,703 senarai pekerja telah dihantar oleh Kerajaan Bangladesh untuk ditapis oleh Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,288 orang telah ditapis oleh PDRM dan seramai 75 orang dikesan memiliki rekod jenayah. Jadi dakwaan 1.4 juta mengatakan bahawa kita hendak mengambil Bangladesh ini adalah tidak tepat. Cuma mereka bersedia, mungkin lebih ramai daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, terkini sejumlah 11 syarikat perladangan telah memohon 1,640 pekerja Bangladesh melalui mekanisme ini. Bagaimanapun, sehingga sekarang hanya tiga syarikat iaitu Sime Darby Plantation seramai 200 orang, UP Plantations seramai 262 orang dan Kulim Plantation seramai 683 orang, melibatkan seramai 1,145 pekerja yang telah diluluskan.

■1010

Manakala ada syarikat perladangan telah ditolak oleh kerajaan kerana tidak mematuhi syarat penetapan gaji minimum, penyediaan rumah standard kepada pekerja dan mempunyai rekod pelanggaran pematuhan undang-undang. Dalam usaha memastikan keberkesanan pelaksanaan mekanisme ini, kerajaan juga meletakkan syarat-syarat khusus yang antaranya adalah agensi kawal selia perlu memastikan hanya majikan yang benar-benar layak sahaja diberi kelulusan untuk memohon pekerja Bangladesh.

Bagi memastikan syarat-syarat perburuhan dipatuhi, pelaksanaan kontrak perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan majikan serta bon jaminan sebagai langkah mewajibkan majikan hadir mengambil pekerjanya pada masa yang telah ditetapkan. Pekerja yang tidak dituntut oleh majikan ditempatkan sementara di *processing house*, dengan izin sehingga proses penggantian majikan dilaksanakan. Kos di *processing house*, ini dengan izin ditanggung melalui bon jaminan yang dikenakan kepada majikan dan kerajaan juga mensyaratkan pekerja Bangladesh menjalani saringan kesihatan untuk 18 jenis penyakit di Bangladesh sebelum masuk ke Malaysia dan pengeluaran kad pekerja asing berwarna mengikut sektor pekerjaan akan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen, Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya percaya kerajaan tidak dapat menafikan kesan-kesan baik dan tidak baik dengan kehadiran pekerja-pekerja asing ke negara ini termasuklah pekerja-pekerja dari Bangladesh. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia dalam menjamin masa depan pekerja tempatan dan bilangan pekerja asing dapat dikurangkan dan kalau boleh dihapuskan seterusnya? Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Saya hendak berikan sedikit maklumat tambahan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Hari ini kita mempunyai tenaga pekerja di negara kita adalah 13.6 juta, pekerja di sektor awam mempunyai 1.6 juta manakala pekerja asing kita mempunyai 2.1 juta. Pada bulan Jun dan Mac dahulu, kita mempunyai 2.2 juta, maknanya dengan usaha yang dibuat oleh pelbagai kementerian secara *blue ocean strategy* ini termasuk Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri, kita telah dapat menurunkan jumlah pekerja asing di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang langkah-langkah yang perlu dan akan terus diambil oleh kerajaan dalam menjamin pekerja-pekerja tempatan ini, saya hendak memberitahu secara undang-undangnya bahawa kita mempunyai lima undang-undang

yang berkaitan dengan pekerja-pekerja asing ini yang mungkin saya tidak sebutkan. Antaranya adalah Akta Kerja, Akta Pampasan Pekerja, Akta Imigresen di bawah Kementerian Dalam Negeri, Akta Anti Pemerdagangan Orang dan beberapa akta yang lain. Ini antara pendekatan yang diambil oleh kerajaan melalui undang-undang di mana kita mengenakan syarat yang cukup ketat dalam mengambil pekerja-pekerja asing ini.

Bagi Kementerian Sumber Manusia, meletakkan syarat ketat dalam permohonan untuk menggaji pekerja asing melalui pengeluaran sijil sokongan dengan menggunakan cop *clearance system (JCS)*. Setiap pemohon akan disiasat bagi memastikan ketulenan permohonan, kewujudan premis dan lokasi majikan, pematuhan ke atas undang-undang berkaitan perburuhan, keperluan sebenar tenaga kerja dan majikan serta keutamaan terlebih dahulu diberi kepada pekerja tempatan.

Jadi sebab itulah kita hendak setiap majikan yang hendak mengambil pekerja, kita minta mereka menawarkan tawaran kerja ini kepada pekerja-pekerja tempatan. Surat sokongan JCS yang saya sebutkan tadi hanya akan dikeluarkan kepada majikan yang dikenal pasti benar-benar memerlukan pekerja asing dan bilangan pekerja asing yang diluluskan adalah berdasarkan keperluan sebenar mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh agensi-agensi kawal selia.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak pendekatan-pendekatan lain yang kita ambil dalam memastikan supaya tawaran kerja di negara kita ini diberikan keutamaan kepada pekerja tempatan terlebih dahulu. Antaranya majikan yang berkeupayaan dan mematuhi standard perburuhan seperti gaji minimum RM900 di Semenanjung, RM800 di Sabah dan Sarawak sahaja akan dipertimbangkan untuk memohon pekerja asing. Kalau mereka tidak bersedia untuk menawarkan gaji minimum, maka sudah tentu permohonan mereka akan ditolak.

Keupayaan majikan ditentukan melalui proses saringan dan pemeriksaan Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia, pengiklan tawaran kekosongan kerja melalui *Job Malaysia* kepada pekerja tempatan, menetapkan kriteria pengajian pekerja asing yang ketat dan diselia oleh agensi kawal selia dari segi menentukan keperluan sebenar pekerja dalam sub sektor yang berkaitan, menghadkan sektor dan sub sektor tertentu untuk pengajian pekerja asing, pelaksanaan gaji minimum yang saya sebutkan tadi dan menggalakkan peralihan daripada institusi berorientasikan buruh kepada intensif automasi melalui pengenalan pakej-pakej kemudahan kepada majikan oleh agensi kawal selia yang berkaitan.

Kita juga Tuan Yang di-Pertua, menjalankan tanggungjawab di mana 12 program kita susun bagaimana kita boleh menarik pekerja-pekerja tempatan untuk mengisi

peluang-peluang kerja yang berada di negara kita. Bermula hari ini sehingga 29 hari bulan ini, Kementerian Sumber Manusia secara *blue ocean strategy*, dengan izin dengan 10 kementerian yang lain mengadakan karnival dan ekspo kemahiran kebangsaan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia, Serdang, di MAEPS Serdang.

Program yang julung kali ini diadakan di mana sejumlah 33 syarikat yang akan menawarkan pekerjaan sebanyak lebih daripada 3,000 peluang pekerjaan. Saya kira ini adalah suatu peluang yang cukup baik. Saya juga sebagai Timbalan Menteri, wakil kementerian menjemput semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan seluruh masyarakat di negara kita terutamanya ibu bapa di luar bandar, anak-anak muda, mahasiswa-mahasiswa yang ada peluang pekerjaan datanglah ke MAEPS ini untuk mencari peluang untuk membina masa depan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itulah di antara pendekatan-pendekatan yang diambil oleh kerajaan dan kementerian, bagaimana kita boleh menangani. Cuma saya merayu kepada sama ada pihak kerajaan dan di pihak sebelah sana, tidak usahlah kita berpolitik terlalu lebih. Serulah anak-anak muda kita supaya rebut peluang ini, rebut peluang yang ada di negara kita. Sedangkan orang lain kaya raya datang ke mari, umpamanya Indonesia membawa lebih daripada 30 bilion wang negara asing kembali ke negara mereka termasuklah negara kita. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dewan ini tergepar pagi ini kerana dengan apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa itu adalah tidak benar bahawa 1.4 juta akan datang daripada negara Bangladesh. Pada 21 Ogos Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri telah menyatakan kepada media bahawa 1.4 juta akan dibenarkan masuk ke negara ini, pertama. Kedua, yang lebih pelik yang kita telah beritahu sebelum ini kepada seluruh negara adalah para pekerja Bangla akan diberi *special IC*. Ini seperti dulu di mana IC-IC digunakan, didaftarkan sebagai pemilih dan telah mengundi dalam pilihan raya. Kita khuatir ini juga akan digunakan. Saya sangat pelik dengan jawapan yang dibuat oleh Timbalan Menteri.

Akan tetapi saya hendak tanya dengan khusus, adakah Yang Berhormat tahu kenapa seorang Kabinet *Minister* boleh membuat kenyataan sedemikian? Adakah Yang Berhormat mengetahui mengenai perkara tersebut atau tidak? Kalau sedemikian betul, mengapa Menteri tidak menafikan pada masa itu juga, menunjukkan ada udang di sebalik batu dan ada perkara sedemikian.

■1020

Yang mustahak Tuan Yang di-Pertua adalah...

Beberapa Ahli: Soalan! Soalan!

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, adalah di mana pekerja-pekerja yang dibawa dari luar negara adakah mereka juga walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan G2G yang akan terlibat tapi kita semua tahu *that is not the truth*. *Outsourcing* dibuat, *privatization* dibuat dan kita juga tahu ramai ahli politik yang mendapat. Baru-baru ini saya difahamkan ada seorang ahli politik mendapat 4,000 kebenaran untuk membawa pekerja. Tuan Yang di-Pertua, *its overnight millionaire* dibawa...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: ...Jadi itu adakah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat yang lain. Ada seorang ahli politik yang bawa masuk 4,000. Itu adalah sangkaan jahat ataupun menuduh. Kalau ada maklumat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua.

[*Dewan gamat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat yang lain, Ahli Yang Berhormat yang lain, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap. Tolong senyap. Ini merupakan satu kebiasaan kita kadang-kadang apabila membuat kenyataan seperti yang sedemikian. Kebiasaannya saya biarkan. Saya tegur oleh kerana menjadi masalah kelmarin dan kelmarin dahulu soal-soal seperti begini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kalau ada bukti itu namakan siapa itu ahli politik.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kalau saya hendak katakan ahli politik UMNO yang telah dapat.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Nama, nama, nama! Bagi nama, bagi nama!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat yang lain!

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Agensi pekerjaan...

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Tuan Yang di-Pertua, siapa nama ahli politik itu? Sebut!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat yang lain, tolong Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, agensi pekerja...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat sebagai *Member of Parliament* kita mesti *responsible* kepada setiap hujah yang kita luahkan. Jangan menimbulkan persepsi yang tidak baik di luar sana. Tolong.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Boleh saya tanya adakah *outsourcing* ini akan dibenarkan atau kalau tidak adakah dengan D dengan G macam mana ia akan diusahakan. Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di penghujung jawapan saya, saya telah nyatakan jangan terlalu berpolitik. Sebab itu saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua buktikan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat sebenarnya saya boleh mengatakan bahawa saya boleh terima dua juta Bangladesh, saya boleh terima. Adakah Yang Berhormat mengatakan bahawa ini *statement* Timbalan Menteri Sumber Manusia? Saya boleh kata. Sebab itulah kita ada agensi yang terlibat dalam pemilihan ini.

Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa 1.4 juta pekerja Bangladesh daripada 160 juta bersedia datang ke negara kita untuk menawarkan kerja. Bukan makna kita terima. Kalau diterima pun kita akan buat proses pemilihan. Sebab itu saya sebutkan tadi. Yang Berhormat perhatikan tidak apa yang saya jawab? Berapa yang mohon, berapa orang yang kita tolak, termasuk kita boleh kenal pasti pekerja-pekerja yang pernah terlibat dengan jenayah dan sebagainya. Sebab itulah saya rasa ini sesuatu yang tidak betul apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Jadi, saya tidak risau Tuan Yang di-Pertua walau berapa banyak pun. Cuma saya sebutkan kepada Yang Berhormat dan Dewan sekalian hari ini kita mempunyai 500 *plus minus* lebih kurang pekerja tanpa izin. Apa Yang Berhormat lakukan kepada negara untuk memastikan supaya pekerja tempatan kita mengambil alih tempat-tempat ini. Yang Berhormat Ipoh Barat tidak lakukan suatu apa pun kepada kita cuma melakukan apa sahaja yang boleh menyalahkan kerugian terutama masalah UMNO dan sebagainya.

Jadi inilah bendanya. Sebab itulah saya hendak beritahu bahawa ini adalah tidak betul. 1.4 juta ialah negara Bangladesh bersedia menawarkan pekerja tertakluk kepada syarat-syarat yang dipenuhi mengikut peraturan yang ada di negara kita. Tidak Tuan Yang di-Pertua.

2. **Tuan Loke Siew Fook [Seremban]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah projek pembinaan insinerator yang telah dirancang oleh kementerian, lokasi tapak insinerator tersebut dan jumlah peruntukan untuk tujuan tersebut.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Abd. Rahman Dahlan]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membina empat buah insinerator mini yang berkapasiti di antara 15 tan hingga 100 tan sehari di Pulau Pangkor, Pulau Langkawi, Pulau Tioman dan Cameron Highlands dengan jumlah kos keseluruhan adalah RM157.7 juta.

Kementerian telah mengenal pasti loji rawatan termal seperti insinerator merupakan antara teknologi yang berkemampuan untuk menangani masalah sisa pepejal yang kian meningkat. Kerajaan membuat keputusan untuk menggunakan teknologi moden seperti insinerator ini kerana *facility* sedia ada tidak dapat menampung peningkatan mendadak sampah di negara kita. Tambahan pula dengan kesukaran mendapatkan tanah yang sesuai bagi pembinaan tapak pelupusan sanitari baru yang memerlukan kawasan yang luas.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua kementerian telah merancang untuk membina tiga lagi insinerator baru berskala besar dengan kapasiti di antara 600 hingga 1200 tan sehari dan lokasi-lokasi tersebut dan jumlah anggaran peruntukan bagi pembinaan insinerator berkenaan adalah seperti berikut:-

- (i) di Taman beringin, Kuala Lumpur dengan kapasiti 1,000 tan sehari;
- (ii) di Sungai Udang Melaka dengan kapasiti 1,000 hingga 1,200 tan sehari;
dan
- (iii) di Bukit Payung, Batu Pahat Johor berskala 600 hingga 800 tan sehari.

Ketiga-tiga lokasi berkenaan dipilih berdasarkan seperti berikut:-

- (i) jumlah penjanaan sisa pepejal yang tinggi di kawasan persekitaran; dan
- (ii) kawasan tanah yang terhad untuk membina kemudahan tapak pelupusan sanitari yang boleh beroperasi dalam tempoh jangka panjang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua bagi tujuan pembinaan insinerator-insinerator berkenaan, kajian DEIA akan disediakan di mana pandangan penduduk sekitar akan diambil kira. Bagi projek di Kuala Lumpur, kajian kesesuaian tapak, kajian penilaian awal tapak ataupun PAT dan kajian awal mengenai Air

Respiration Modeling dengan izin. Kesemuanya mendapati bahawa lokasi tersebut sesuai untuk pembangunan sebuah loji rawatan termal atau insinerator.

Walau bagaimanapun, keputusan muktamad berhubung kesesuaian tapak bergantung kepada kajian DEIA yang akan dilaksanakan kelak. Bagi mendapatkan nilai projek yang munasabah teknologi terkini yang terbukti selamat dan mesra alam projek yang pertama ini akan dilaksanakan secara tender terbuka antarabangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempertikaikan bahawa perlu adanya pendekatan baru dalam menangani masalah sisa pepejal di negara kita terutamanya di negeri-negeri yang padat penduduk tetapi apakah pihak kementerian ada mengambil pengajaran daripada isu pembinaan insinerator di Broga kira-kira 10 tahun yang lepas di mana mendapat tentangan yang begitu hebat daripada penduduk-penduduk setempat sehingga projek tersebut dibatalkan kerana dalam tiga projek yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi apakah konsultasi dengan orang ramai telah dibuat. Saya difahamkan projek di Lembah Beringin di Kepong, Ahli Parlimen Kepong pun belum mendapat tahu ataupun tidak ada ruang langsung untuk memberikan maklum balas kerana ini akan memberikan satu persepsi yang negatif di kalangan penduduk-penduduk bahawa pihak kerajaan tergesa-gesa untuk melaksanakan sesuatu projek.

Yang keduanya ialah mengapakah proses tender dibuka dengan begitu cepat kerana saya melihat laporan media proses tender akan dibuka pada bulan September dan selepas itu baru satu *detail* EIA akan dibuat oleh pihak yang mendapat projek tersebut. Apakah proses itu dibelakangkan? Sepatutnya buat EIA dahulu baru tender. Sekarang buat tender dahulu baru buat EIA. Itu yang pertama.

Yang keduanya, dalam senarai yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi saya rasa ada juga satu lagi projek yang tidak disebut kerana baru-baru ini Kerajaan Negeri Sembilan melalui Menteri Besarnya telah membuat satu pengumuman bahawa satu insinerator akan dibina di Ladang Tanah Merah di kawasan Chuah dekat Negeri Sembilan. Saya mendapati bahawa Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, KPKT telah membuat satu *detail* EIA untuk tujuan pembangunan *sanitary landfill* bukannya untuk insinerator di Tanah Merah tetapi pengumuman yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Sembilan baru-baru ini adalah untuk membuat satu insinerator. Mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Seremban. Memang betul pengalaman kita dalam pembinaan insinerator di

Broga adalah satu percubaan yang gagal atas beberapa sebab. Antara lainnya daripada segi teknologi yang diguna pakai pada waktu itu. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua kita telah membuat keputusan terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan arahan yang tepat kepada kementerian ini untuk menggunakan teknologi yang telah pun matang, yang telah pun digunakan di seluruh dunia.

■1030

Sebab itu dalam tender ini nanti kita telah meminta supaya penender-penender itu nanti akan menggunakan teknologi yang telah diguna pakai di seluruh dunia, yang matang dan telah terbukti dengan kos efektifnya dan sebagainya iaitu *incinerator* yang menggunakan teknologi *stocker*. Ini yang terbaik, jadi itu cara kita untuk mengelakkan apa yang berlaku di Broga beberapa tahun yang lepas. Teknologi ini adalah yang terbaik dan yang matang, yang paling penting adalah matang. Kita tidak mahu mencuba teknologi-teknologi yang baru dan akhirnya kita dijadikan tempat percubaan untuk tapak permulaan untuk mencuba teknologi baru yang dicadangkan oleh pihak-pihak tertentu daripada dalam dan luar negara. Kita mahu teknologi yang telah matang dan kita akan gunakan itu.

Berkenaan dengan kajian. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya memang kawan rapat dengan Ahli Parlimen Kepong. Akan tetapi untuk makluman daripada Yang Berhormat Seremban, *public engagement*, dengan izin, sedang berlaku. Untuk makluman, *detail* Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar Terperinci (DEIA) akan dibuat tidak berapa lama lagi. Saya rasa tendernya akan dikeluarkan pada bulan ini, pada penghujung bulan ini kalau pun tidak awal bulan hadapan. Supaya satu Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar Terperinci (DEIA) dibuat. Laporan akhir DEIA ini juga akan diletakkan di semua pejabat Jabatan Alam Sekitar di seluruh negara dan PBT berhampiran serta di tempat-tempat awam selama sebulan untuk orang ramai mengulas dan memberi pandangan. Semua ini adalah dibuat bersandarkan keperluan undang-undang.

Akan tetapi untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, tanpa menunggu DEIA ini dibuat, sebenarnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengambil langkah proaktif. Pertamanya dengan memulakan pelbagai aktiviti kesedaran awam melalui penulisan dalam media masa, menyediakan laporan khas dan temu ramah. Selepas itu meminta supaya Universiti Teknologi Malaysia atas inisiatif kementerian sendiri. Ini tidak ada kena mengena dengan kajian terperinci tadi. Itu akan berlaku dalam penghujung bulan ini ataupun awal tahun hadapan. Akan tetapi bagi pihak kementerian

sendiri, *unprecedented* Tuan Yang di-Pertua. Saya minta supaya kementerian sendiri menjalankan juga kajian-kajian awal berkenaan dengan impak alam sekitar.

Jadi, kita telah melantik juru runding UTM bagi menjalankan kajian khas untuk menilai sama ada lokasi di kawasan stesen pemindahan sisa pepejal di Lembah Beringin sesuai atau tidak untuk dijadikan tapak *incinerator*. *So, we are doing more than what is necessary*, dengan izin. Ini kerana nanti dalam proses DEIA itu nanti ia mempunyai fasa-fasa yang tertentu. Pertamanya ialah untuk mendengar komen-komen daripada *public* dan selepas itu nanti saya pasti Yang Berhormat daripada Kepong akan dipanggil juga untuk memberikan pandangan dan cadangan tetapi itu tidak bermula lagi. Ianya akan bermula pada bulan September. Kenapa kita nampak seperti tergesa-gesa. Sebenarnya tidak Yang Berhormat. Pertamanya, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sampah di negara kita ini telah pun mencapai tahap apa yang kita jangkakan pengeluaran sampah tahun 2020. Sebanyak 30,000 tan dijana setiap tahun pada tahun ini 2012/2013.

Angka 30,000 tan itu Tuan Yang di-Pertua, kita jangkakan dicapai pada tahun 2020. Kalau kita tidak bina *incinerator* sekarang ini dengan cepat, kita akan berdepan dengan masalah yang cukup besar dalam pelupusan sampah ini. Jadi, itu tentang DEIA. Saya yakin dan saya bagi komitmen kepada Ahli Parlimen Kepong, rakan saya, bahawa beliau akan dibawa berunding ataupun berbincang dalam isu *incinerator* melalui proses kajian terperinci nanti.

Soalan yang seterusnya daripada Yang Berhormat Seremban tadi iaitu tentang *detail* DEIA, saya sudah jawab. Tentang ladang tanah merah. Cadangan kerajaan hendak buat *sanitary landfill* seperti mana Yang Berhormat tadi tetapi syarikat- saya tidak ingat. Syarikat swasta ini membuat *integrity facility* termasuk *landfill anaerobic digester* dan *waste energy plant*. Walaupun DEIA diluluskan untuk *landfill* tetapi syarikat telah memohon untuk membuat *amendment* memasukkan loji *waste* ataupun apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi ialah *incinerator*.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, soalan itu agak spesifik dan di luar daripada apa yang telah ditanya pada soalan asal. Saya akan bagi jawapan secara terperinci kepada Yang Berhormat berkenaan dengan ladang tanah merah tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada teknologi-teknologi dan juga masalah piawai-piawaiannya, kita lihat bahawa pelaksanaan program ini adalah begitu lembap sekali. Jadi, saya hendak bertanya, adakah terdapat masalah penyelarasan di pihak

kementerian dan juga pihak kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan. Terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya tidak tahulah apa yang dimaksudkan lembap tetapi apa yang saya lihat selama saya duduk di situ selama empat bulan lebih sebagai Menteri di kementerian ini. Saya dapati proses untuk kita mengambil tindakan-tindakan, selaras dengan apa yang telah dibuat dalam *timeline* kita iaitu panggilan tender antarabangsa yang kita akan panggil. Semuanya berjalan dengan lancar, kalau itu yang dimaksudkan sebagai lembap tadi, saya kurang pasti apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Akan tetapi saya secara peribadi berpuas hati dengan tindakan-tindakan yang dibuat oleh kementerian dalam isu *incinerator* ini.

Apa yang paling penting ialah Tuan Yang di-Pertua, kita kena buat keputusan yang tepat dan yang cepat berdasarkan penjanaaan sisa pepejal yang terlalu tinggi di negara ini. Mungkin kita harus bermula dengan satu sikap meminta supaya rakyat mengurangkan pengeluaran atau penjanaaan sisa pepejal dengan menggunakan *reduce*, *recycle* dan *reuse* (3R) yang masih lagi di tahap yang amat membimbangkan, yang amat rendah dibandingkan dengan negara-negara luar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan bagi pembiayaan kebajikan belia dan apakah langkah yang telah diambil bagi meningkatkan jumlah peruntukan berkenaan kerana didapati bahawa jumlah peruntukan terlalu kecil berbanding dengan populasi golongan belia kini.

Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Masjid Tanah, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertamanya, saya bagi pihak kerajaan ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang Satish Suppiah dan juga Allahyarham Saudara Muhammad Izzat Mohd Abdul Hakim. Kedua-duanya, mendiang Satish - *race marshal* dan saudara Muhammad Izzat – pelumba, yang telah meninggal dalam kemalangan sewaktu *Malaysian Super Series* pusingan ketiga di Sepang pada 21 hari bulan yang lepas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini melaksanakan Program Pembangunan Belia secara menyeluruh. Secara tidak langsung turut mengambil kira kebajikan belia di Malaysia. Di mana konsep kebajikan bukan sekadar berpremiskan

direct assistance seperti bantuan kewangan dan sebagainya. Namun lebih dari itu adalah pendekatan untuk pemerksaan dan pembangunan belia itu sendiri, dari segi aspek kepimpinan, kemahiran dan juga keusahawanan. Jika kita lihat kepada peruntukan program kepada belia dalam tempoh lima tahun daripada 2009 ke 2013 ia telah meningkat dari RM46.2 juta pada tahun 2009 ke RM69.6 juta pada tahun 2013. Manakala peruntukan pentadbiran keseluruhan kepada persatuan-persatuan belia telah meningkat daripada RM34.3 juta daripada 2009 hingga 2013. Minta maaf, peruntukan keseluruhan daripada 2009 hingga 2013 adalah sebanyak RM34.3 juta.

Kerajaan memperakui peranan, sumbangan dan potensi belia di dalam pembangunan negara apatah lagi apabila mereka merupakan segmen terbesar dalam populasi. Sehubungan dengan itu, kementerian sebagai kementerian yang bukan sahaja bertanggungjawab malah menjadi sumber inspirasi untuk belia, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa berusaha bagi memastikan golongan belia diberi perhatian dan sokongan.

Untuk itu, selain daripada kajian separuh penggal Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan yang sedang dalam peringkat akhir, kementerian juga sedang dalam proses menghasilkan *National Youth Blue Print 2020* sebagai landasan utama kerajaan yang bersepadu. Bukan sahaja menjadi kerajaan mesra belia atau *youth friendly government*, dengan izin, tetapi juga bagi memastikan aspirasi dan potensi orang muda dapat kita ketengah dan pertingkatkan lagi dalam kita menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

■ 1040

Ia juga akan memberi fokus dan penekanan khusus kepada orang muda dari segala aspek pendidikan, pembangunan diri, pengenalan trend dan sistem nilai orang muda. Isu utama mereka dan sistem penyampaian kerajaan. Sudah pastinya kesemua ini akan membawa kepada penekanan fiskal kepada peruntukan dan Program Belia Negara selaras dengan kepentingan mereka selaku harapan dan pengisi masa depan negara. Terima kasih.

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan itu tadi. Saya setuju apabila kita bercakap tentang soal kebajikan ia bukanlah berkisarkan mengenai *direct assistant* semata-mata dan sebagainya. Akan tetapi juga in *direct assistant* dan juga yang lebih *sustainable* dan bersifat *capacity building*, dengan izin. Soalan saya, apakah langkah dan juga pendekatan pihak kementerian dan usaha untuk membina upaya belia supaya kita dapat memastikan kebajikan para belia dan juga masa depan para belia lebih cerah dan juga terbela? Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih kepada Yang Berhormat dari Masjid Tanah yang begitu prihatin kepada perjuangan untuk memastikan anak muda kita dapat terus dibantu dan kelangsungan kesinambungan perjuangan Yang Berhormat itu *insya-Allah* akan diterjemahkan dalam pemilihan parti sebagai Ketua Puteri UMNO Malaysia, mungkin *insya-Allah*, ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Nombor, nombor?

Tuan Khairy Jamaluddin: Nombor saya tidak pasti. Saya nombor satu Yang Berhormat Kinabatangan jangan lupa. Terima kasih.

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Saya...

Tuan Khairy Jamaluddin: Secara khususnya di dalam kajian semula pelan strategik kementerian kita telah kenal pasti beberapa teras untuk kita membangunkan belia dari segi keterangkuman *inclusively* dan mendakap aspirasi dan juga belia untuk kita meningkatkan kemahiran mereka melalui usaha untuk mengarusperdanakan Institut Kemahiran Belia Negara dan ke semua ini saya percaya dibuat untuk memberi impak yang lebih besar lagi dari segi kebajikan yang disebut oleh Yang Berhormat Masjid Tanah tadi. Saya setuju dan saya ucapkan terima kasih bahawa soal kebajikan belia ini bukan hanya dalam bentuk *direct assistant* ataupun peruntukan yang kita keluarkan kepada persatuan tetapi dalam bentuk program-program *capacity building*. Membina upaya belia dan juga pemimpin-pemimpin belia yang secara langsung juga dapat mengangkat martabat dan juga kedudukan mereka dengan memberi mereka ciri-ciri kepimpinan, kemahiran dan sebagainya supaya dapat masa depan yang lebih cerah lagi.

Secara spesifik untuk Yang Berhormat Masjid Tanah sebagai contoh, Anugerah Remaja Perdana iaitu program yang dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan yang dimodelkan kepada *Duke of Edinburgh's Award* di mana daripada tahun 2010 hingga 2012, kita telah memberi anugerah sama ada gangsa sampai ke pingat emas kepada seramai 32,645 peserta di peringkat remaja untuk memberi kelayakan kepimpinan kepada mereka. Untuk tahun ini walaupun kita sasarkan seramai 10,000 penerima pingat, kita sudah mencapai seramai 12,377.

Untuk Program 3K Bestari iaitu program selama enam bulan yang mana kita memberi latihan keusahawanan kepada belia-belia yang mungkin terkeluar daripada arus perdana pendidikan, kita telah latih seramai 2,267 daripada tahun 2010 hingga tahun ini dengan menelan perbelanjaan RM17 juta.

Ketiga, mungkin yang sesuai dengan perjuangan Yang Berhormat juga iaitu program ataupun Kursus Kepimpinan Organisasi di mana antara tahun 2010 hingga tahun 2012 kita telah latih hampir 9,800 peserta yang menelan perbelanjaan RM5 juta dan

tahun ini sahaja kita akan latih dan kita sasarkan RM6,160 yang diberikan Program Kursus Kepimpinan Organisasi tahap 1 dan 3.

Selain daripada itu, kita juga ada program-program baru seperti *fellow* perdana di mana kita serapkan pelajar-pelajar mahasiswa yang terbaik ataupun yang paling cemerlang untuk menjadi pembantu kepada Menteri dan juga adalah program untuk mereka yang tidak berpersatuan iaitu Parlimen Belia yang *insya-Allah* akan bersidang pada tahun depan bulan April kalau mengikut perancangan yang mana kita menyasarkan tidak kurang daripada 200,000 pengundi Parlimen Belia akan didaftarkan pada tahun ini dan awal tahun depan. Jadi ini semua langkah ke arah kita untuk memastikan bahawa keupayaan kapasiti *building* itu menjadi satu teras utama untuk kita bantu dari segi kebajikan bukan *handout* tetapi sebenarnya adalah untuk kita memperkasakan keupayaan mereka. Terima kasih.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Belia, belia.

Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: [*Bangun*]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya percaya kerajaan sedia maklum bahawa peratusan lepasan pelajar sekolah menengah yang mendapat tempat di IPTA dan IPTS itu agak kecil daripada kajian yang dilakukan di antara 25% hingga 30% yang mendapat tempat. Ini bermakna satu jumlah yang agak besar di kalangan pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah tidak mendapat tempat untuk meneruskan pengajian mereka dalam sistem pendidikan arus perdana. Namun kita juga sedia maklum bahawa kegagalan mereka mendapat tempat bukan oleh kerana tidak mempunyai potensi dalam bidang akademik. Namun mereka mempunyai minta yang berlainan yang sebahagian besarnya yang kita teliti dalam kajian yang dilakukan, peratusan yang agak besar juga berminat dalam bidang teknikal, vokasional dan juga bidang kemahiran yang lain.

Maka persoalan saya ialah apakah usaha yang telah dijalankan oleh kementerian untuk memastikan satu peratusan yang besar ini yang tidak mendapat tempat dalam arus perdana sistem pendidikan tetapi dapat digilap potensi mereka dalam bidang teknikal dan juga vokasional. Kedua, baru-baru ini saya ada membaca kenyataan yang Menteri tentang usaha untuk meneliti semula kurikulum dan bidang pengajian di Institut Kemahiran Belia Negara dan bagaimana mungkin kerajaan dapat mengoptimumkan kemudahan-kemudahan yang ada di IKBN. Jadi bolehkah Yang Berhormat nyatakan di Dewan ini apakah status kajian yang telah dilakukan dan bagaimana mungkin IKBN ini dapat dimanfaatkan bagi memberi peluang menggilap potensi belia-belia kita dalam bidang teknikal, kemahiran dan juga vokasional? Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Parlimen Gombak yang sentiasa prihatin kepada masalah orang muda dan dari segi keterampilan beliau pun *internally young forever young*. Soalan yang ditanya tadi adalah mengenai kemahiran dan juga apa perancangan daripada pihak kerajaan secara khususnya daripada pihak Kementerian Belia dan Sukan untuk kita menampung sebahagian besar ataupun bilangan yang besar yang semakin keluar daripada sistem pendidikan tanpa ada tempat di IPTA mahupun di IPTS.

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Gombak, KBS mempunyai 20 buah IKBN di mana pada hari ini kita ada enrolmen pelajar di IKBN lebih kurang dalam 10,000 di IKBN. Dalam konsultasi belanjawan pada tahun ini, salah satu tema yang sering kali dibangkitkan oleh pembahas-pembahas adalah soal pendidikan vokasional dan teknikal. Memang tepat sekali Yang Berhormat Gombak kalau sekiranya kita hendak menjadi negara yang berpendapatan tinggi, kita tidak hanya boleh bersandarkan kepada pendidikan akademik sahaja. Kita mesti ada satu aliran vokasional dan teknikal yang mantap seperti mana negara Jerman di Eropah.

Jadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah minta saya memikirkan cara bagaimana kita dapat menambah bilangan tempat atau pun *places* di IKBN tanpa kita membina sebuah lagi IKBN. Ini kerana kalau kita membina satu lagi buah IKBN ia akan menelan perbelanjaan yang besar. Jadi saya telah melihat kepada IKBN-IKBN yang sedia ada yang mana kapasitinya adalah 10,000 pada hari ini. Saya melihat bahawa ada banyak IKBN. Sebenarnya 18 daripada 20 yang tidak beroperasi pada *optimum capacity* ataupun *full capacity* 100%.

■1050

Jadi saya telah mengarahkan Bahagian Kemahiran Kementerian Belia dan Sukan untuk kemukakan satu memo untuk detilkan berapa banyak kosnya untuk kita meningkatkan kepada *e*-kapasiti. Sukacita saya maklumkan kepada Dewan bahawa kita dapat menambah bilangan tempat atau pun bilangan pelajar IKBN seramai 5,000 hanya dengan kita pergi kepada *full* kapasiti dan melaksanakan *double shift* tanpa kita membina sebuah lagi IKBN dan kosnya adalah jauh lebih rendah daripada kita menubuhkan atau pun membina sebuah lagi IKBN. Kosnya secara terperinci saya boleh maklumkan kepada Yang Berhormat bila kita sudah muktamadkan *paper* tersebut. Saya yakin dengan penambahan 5,000 ini daripada 10,000 kita dapat membantu selain daripada ILP dan juga institut kemahiran lain yang ada di bawah kementerian-kementerian lain kita boleh menampung sedikit sebanyak peningkatan dari segi *demand* untuk kursus-kursus vokasional dan teknikal ini.

Soalan kedua Ahli Yang Berhormat adalah mengenai kurikulum. Sukacita saya maklumkan bahawa ini juga mendapat perhatian daripada pihak Kementerian Belia dan Sukan, saya telah mengarahkan supaya kurikulum program dapat dibuat melalui jalinan strategik dengan industri. Kita tidak mahu kurikulum ini di gubal hanya oleh pegawai-pegawai kerajaan. Kita hendak pastikan bahawa kurikulum terutamanya untuk kursus-kursus teknikal dan vokasional ini di buat oleh industri sendiri supaya kita ada satu kerelevanan atau pun *match* dengan keperluan daripada industri.

Sebagai contoh salah satu daripada IKBN saya, saya telah minta kerjasama di buat dengan Petronas supaya keperluan Petronas, projek Petronas di Pengerang iaitu projek Rapid dapat di tampung dengan khusus yang spesifik mengenai *welding* untuk mereka atau pun untuk Petronas dapat *welders* yang secukupnya. Maka terma yang sama saya akan bawa kepada IKBN-IKBN yang lain di mana sekarang ini sudah ada pengkhususan tetapi kita akan pastikan bahawa ada *constant engagement* dengan industri mengenai kurikulum agar apa yang diajar di IKBN itu terus relevan dengan keperluan industri. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: [Bangun]

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: [Bangun]

Datuk Seri Reezal Merican [Sekijang]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kalabakan. Suara-suara yang saya dengar sebelum ini adalah suara-suara muda, sekarang saya mahu dengar suara orang matang. [Dewan riuh]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hari-hari dapat Tuan Yang di-Pertua, bagaimana itu?

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan yang sebenarnya satu kementerian yang penting. Kita mengiktiraf sumbangan belia kepada negara dan kita mengiktiraf juga kepada belia kerana mereka ini kebanyakannya penyokong Barisan Nasional. Itu kita mahu iktiraf tetapi Menteri, saya sokong Menteri jadi Ketua Pemuda lagi. Kita sokong! Kita sokong!

Ini kerana kita mahu dengan sokongan yang begitu kuat Menteri boleh merancang lebih banyak lagi untuk belia. Persoalan yang saya mahu tanya di sini Yang Berhormat Menteri, dia seluruh negara ini persatuan-persatuan berdaftar saya difahamkan dapat RM3,000 setahun peruntukan. Sebanyak RM3,000 setahun ini tidak cukup kerana mereka

ini di mana juga termasuk di Tawau, di Kalabakan apa mereka mahu menganjurkan apa juga mereka ini minta sedekah.

Bukan kita Ahli Parlimen tidak boleh bagi, kita boleh bagi tetapi sampai bila dia orang ini, mereka ini mahu minta. Jadi kita berharap kementerian sediakan peruntukan yang cukup. Bajet belum lagi dibentang, jadi kita minta supaya bajet ditambah kementerian supaya Kementerian Belia dan Sukan supaya kita nampak belia ini, belia-belia ini yang menyokong kita, kita berterima kasih kepada mereka. Adakah kementerian bersedia untuk menambah peruntukan? Ini kerana kalau RM3,000 setahun berapa ringgit sehari mungkin tidak sesuai. Jadi kita minta Menteri kalau boleh suarakanlah kerana kita semua menyokong kepimpinan belia sekarang. Terima kasih.

Tuan Khairy Jamaluddin: Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Kalabakan. Terima kasih atas sokongan saya tadi, saya sudah tulis Yang Berhormat Kalabakan satu undi, terima kasih Yang Berhormat untuk saya. Bantuan kepada pertubuhan belia kebangsaan telah kita naikkan *steadily* Ahli Yang Berhormat, daripada tahun 2009 kita hanya bagi RM1.7 juta secara keseluruhan. Tahun ini kita bagi RM3.47 juta. Ini untuk pertubuhan di peringkat kebangsaan, saya faham soalan Ahli Yang Berhormat tadi mengenai pertubuhan-pertubuhan belia di daerah, di negeri sebab kita bagi untuk payung di peringkat kebangsaan. Contoh Majlis Belia Malaysia tahun ini kita bagi RM1.5 juta dari segi bantuan pentadbiran dan mungkin kekangan mereka tidak sampai ke bawah sepenuhnya.

Jadi apa yang saya cadangkan yang pertamanya saya minta sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu belanjawan nanti sokonglah Kementerian Belia dan Sukan apabila kita minta peruntukan lebih untuk pertubuhan-pertubuhan belia kita. Akan tetapi yang keduanya Ahli Yang Berhormat mesti ada prinsip akauntabiliti. Satu, sokongan mereka sudah pasti kita iktiraf tetapi prinsip akauntabiliti mesti ada juga. Ada pertubuhan belia Ahli Yang Berhormat yang langsung tidak hantar. Contohnya laporan tahunan kepada pendaftar pertubuhan belia selama tiga, empat tahun langsung tidak hantar. Akan tetapi apabila dengar ada peruntukan mereka hidup semula seperti zombi.

Jadi saya tidak mahu melihat keadaan itu berlaku. Saya hendak melihat ada akauntabiliti dari segi prestasi mereka. Oleh sebab itu pendaftar pertubuhan belia kita akan memperkenalkan sistem penarafan, *star rating* bagi mereka yang betul-betul aktif. Contohnya saya yakin di Kalabakan dan Tawau aktif, kita mungkin akan bagi lebih sebab dia dapat rating yang tinggi tetapi bagi mereka yang tidak dapat penarafan bintang langsung, kosong mungkin daripada Shah Alam, kita mungkin tahan sebab tidak ada aktiviti sebagai contoh. *[Disampuk]*

Mungkinlah, mungkin, mungkin. Jadi kita prinsip prestasi dan prinsip akauntabiliti, tetapi untuk penjelasan Dewan juga dan juga untuk Ahli Yang Berhormat daripada Kalabakan, yang RM3,000 itu sebenarnya Ahli Yang Berhormat adalah sebenarnya *one-off* pada tahun 2009. Kita bagi sempena dengan pakej rangsangan ekonomi (*economics stimulus package*) pada tahun 2009. Selebih daripada itu atau pun selepas itu kita hanya bagi kepada mengikut *case by case* basis.

Akan tetapi saya ada cadangkan tahun ini supaya kita bagi semula tertakluk kepada peruntukan tetapi dengan sokongan Yang Berhormat saya percaya *insya-Allah* mungkin kita akan dapat. Terima kasih.

4. Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan Malaysia mempunyai mekanisme untuk mengukur keberkesanan bajet-bajet tahunan setiap tahun untuk menaikkan taraf hidup serta menghapuskan kemiskinan di negeri-negeri termiskin tertentu di Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu yang bertanya soalan nombor empat. Saya calon nombor satu. Kerajaan memantau dan mengukur keberkesanan perancangan dan juga program pembasmian kemiskinan melalui sistem e-Kasih bermula pada tahun 2008.

Walau bagaimanapun, kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri meneruskan penyiasatan pendapatan isi rumah (HIS) setiap dua setengah tahun khusus bagi mengumpul maklumat mengenai corak tabungan pendapatan isi rumah mengikut ciri-ciri sosioekonomi bagi rakyat Malaysia dan juga bagi pengemaskinian jadual pendapatan garis kemiskinan PJK semasa.

Sistem e-Kasih adalah merupakan sistem bank data kemiskinan nasional yang telah dibangunkan dan diguna pakai oleh kerajaan bermula tahun 2008 bertujuan untuk mengintegrasikan data dan maklumat isi rumah di bawah paras kemiskinan tanpa mengira kaum dan strata sama ada di bandar mahu pun luar bandar. Bilangan kedudukan dan status kemiskinan setiap isi rumah di dalam e-Kasih akan dipantau dan dilaporkan bagi menentukan jenis program dan bantuan yang diperlukan melalui *needs analysis* yang dilakukan.

Terdapat empat kategori maklumat kemiskinan di bawah sistem e-Kasih iaitu miskin tegar, miskin, mudah miskin dan terkeluar yang ditentukan berdasarkan jadual pendapatan garis kemiskinan PJK semasa. Di samping itu juga bertujuan bagi mengikut

kadar kemiskinan rasional yang mana secara langsung ia dapat membantu kerajaan dalam merancang menggubal dasar dan mengesan pelaksanaan rancangan pembangunan negara terutamanya bagi program pembasmian kemiskinan.

Bajet-bajet tahunan 2008 - 2012 disediakan oleh kerajaan bagi melaksanakan program pembasmian kemiskinan mengikut kementerian dan agensi. Jabatan Perdana Menteri melalui Program Pembasmian Kemiskinan, Aktiviti Kelestarian e-Kasih, Program Khas Golongan Bumiputera Minoriti Sabah dan Sarawak.

Perbendaharaan - Program-program Pembiayaan Ikhtiar Pinjaman, Perkhidmatan Am Perbendaharaan, latihan bagi mengatasi masalah kemiskinan bandar yang disalurkan melalui GIATMARA, VTOC dan juga Yayasan Pendidikan dan Vokasional Wanita Malaysia. Program pembasmian kemiskinan bagi memajukan sektor pertanian masyarakat Orang Asli negeri Pahang.

Bantuan kebajikan disebabkan penempatan garis kemiskinan. Perkhidmatan kepada Kumpulan Wang Berkanun, Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah bagi Sabah dan serawak. Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, Kementerian Pertanian Industri Asas Tani. NKRA iaitu AZAM Tani.

■1100

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pendidikan iaitu bagi Program Rancangan Makanan Tambahan, Bantuan Pakaian Seragam, Projek Khas Sekolah Berasrama Penuh, Kementerian Kesihatan, Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan, Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling, **NKIA** dan juga NKRA.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sumber Manusia, Program Azam Kerja 1Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu Program Kanak-kanak Sosio Ekonomi Kurang Upaya, Sosio Ekonomi Warga Emas, Bantuan Am, Bantuan Sosio Ekonomi, AZAM Niaga, AZAM Khidmat dan juga NKRA *low income household*.

Kementerian Pertahanan, Bantuan Sara Hidup, Bantuan Persekolahan, Bantuan Kemasukan ke IPTA/Politeknik, Bantuan Bencana dan juga Bantuan Peralatan Pesakit. Hasil daripada program ini, saya bagi contoh untuk empat negeri iaitu kadar kemiskinan iaitu peratusan Malaysia berdasarkan HIS mengikut negeri iaitu daripada 2002 sehingga 2012 adalah seperti berikut:

Negeri	Tahun	
	2002	2012
Kelantan	17.8%	2.7%
Melaka	1.8%	0.1% (hampir negara maju)
Pahang	9.4%	1.3%
Sarawak	11.3%	2.4%
Terengganu	14.9%	1.7%
Perlis	8.9%	1.5%

Ini menunjukkan program yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membasmi kemiskinan adalah di antara program yang terbaik di dunia dan kecapaiannya adalah cukup luar biasa iaitu Kerajaan Barisan Nasional.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selalunya laporan bajet diukur mengikut jumlah peruntukan dan juga jumlah dibelanjakan iaitu secara kuantitatif dan bukan kualitatif iaitu laporan tidak mengukur keberkesanan mengurangkan dan menghapuskan kemiskinan. Oleh itu saya rasa perlulah satu mekanisme diwujudkan supaya menyentuh bagaimana berkesannya peruntukan yang telah dibelanjakan dan bukan hanya melibatkan statistik iaitu berapa ribu kilometer jalan telah dibina tetapi berapa berkesankah jalan-jalan yang telah dibina itu untuk menaikkan taraf hidup, kemiskinan dan *poverty level* dari kawasan-kawasan luar.

Sebagai satu lagi contoh adalah daripada segi pengeluaran kekayaan bumi iaitu negeri pengeluar minyak dan gas terutama Terengganu, Sabah dan Sarawak walaupun setelah 35 tahun menerima royalti tetapi masih di antara tiga negeri yang termiskin selepas 35 tahun. Jadi di situlah letaknya satu sistem yang perlu mengukur sampaikah matlamat atau sampaikah sumber-sumber pendapatan yang luar daripada peruntukan federal biasa kepada rakyat yang dihajatkan iaitu golongan miskin dan pendapatan rendah.

Mungkin satu cara adalah untuk mewujudkan balik atau mewujudkan satu *petroleum advisory council* seperti yang telah diperuntukkan dalam *Petroleum Development Act 1974* supaya ketiga-tiga negeri yang termiskin ini yang merupakan pengeluar minyak dan gas yang terkaya dapat merujuk dan dapat berbincang dengan Kerajaan Pusat cara untuk menaikkan taraf kerana *expectation* dengan izin, rakyat negeri

ini amatlah tinggi dengan dapatnya hasil-hasil ini. Namun, malangnya tidak sampai ke matlamat yang dikehendaki iaitu satu sistem *consultation*.

Saya juga ingin dimaklumkan atau ingin tahu berapakah daripada GDP akan diperuntukkan. Berapa peratus daripada GDP diperuntukkan untuk tujuan membasmi kemiskinan bagi tahun 2014. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, yang lain-lain saya jawab secara bertulis kerana 2014, bajet kita akan disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 23 Oktober nanti. Jadi yang itu kita dengar dalam pembentangan bajet nanti. Namun jika kita lihat, kita memang boleh melihat pada masa yang lepas, kalau nak kira pada masa yang lepas, kemiskinan kita di tahap 56% semasa kita merdeka tetapi yang penting saya nak tunjukkan di sini ialah bahawa kadar kemiskinan berdasarkan HIS, tidak kira mana-mana negeri telah menurun di tahap yang cukup ketara. Kemudian, sebagai contohnya Sarawak turun daripada 11.3% kepada 2.4%, Kelantan 17.8% turun kepada 2.7%, termasuk juga Sarawak daripada 11.3% kepada 2.4%.

Jadi yang pentingnya ialah penurunan yang ketara ini dan kita kalau ikut Yang Berhormat tadi ialah kita nak tengok keberkesanan daripada program yang kita laksanakan, dia berkesanlah sebab macam Kelantan, kita kata Kelantan tidak ada minyak tetapi dia daripada 17.8% turun kepada 2.7%. Jadi tak boleh kita ambil kira negeri yang ada minyak dan tak ada minyak. Kalau nak kira dalam peraturan sekarang ini, negeri yang boleh mengambil hasil minyak ialah Sabah dan Sarawak. Negeri-negeri lain kita tahu bahawa Undang-undang Tanah itu masih terpakai iaitu bahawa kawasan yang di luar tiga batu nautika ialah kawasan Kerajaan Persekutuan dan di dalam kawasan tiga batu nautika ialah di bawah kerajaan negeri.

Jadi soal keberkesanan ini kita kena buat kajian dan *insya-Allah* kita akan bagi jawapan bertulis tetapi di antara kesannya ialah kesan langsung dan tidak langsung. Kesan langsungnya ialah orang menghargai bahawa ini adalah program yang dibuat oleh kerajaan, Kerajaan Barisan Nasional tetapi secara tak langsung ia juga menguntungkan pihak pembangkang kerana pembangkang di kawasan yang kita bantu tetapi yang dapat keuntungannya ialah pembangkang. Ramai daripada orang miskin yang kita bantu, dia lebih mudah menyokong pembangkang sebab pembangkang dia pandai. Dia datang hari yang penghabisan, kami datang terlampau awal tetapi dia orang datang yang penghabis. Jadi yang penghabis itu dia ambil kira. Ini pasal dia nak ambil cerita tentang kualitatif bukan kuantitatif.

Tapi daripada segi kemiskinan ini kita nak kena ambil banciaan berdasarkan kepada fizikal dahulu. Dia tak ada rumah, kita bagi jalan. Dia tak ada jalan kita beri jalan,

yang itu dahulu. Kemudian kesan yang kedua, sama ada kemiskinan minda dan sebagainya, saya rasa dia memang miskin minda pasal apa, kalau dia tak miskin minda, dia mesti ada nilai bersyukur. Bersyukur ini kepada orang yang tolong dia. [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Orang yang bersyukur itu ialah orang yang menerima orang yang bagi kepadanya dan dia bersyukur.

Jadi dia bersyukur kepada Allah kepada orang yang tolong kepadanya tetapi dia kadang-kadang tidak ada nilai bersyukur itu sebab minda dia mungkin tidak sampai ke tahap tersebut. Dia kira siapa yang berkempen pandai mempengaruhi jiwanya, akhirnya dia menyokong kepada orang yang tidak apa-apa, tak tolong apa-apa pun tetapi dia menyokong. Contohnya macam kawasan bandar, kerajaan belanjakan wang yang begitu banyak di kawasan bandar tetapi sokongan diberi kepada orang yang tak tolong dia.

Kerajaan juga banyak bagi bantuan kepada orang-orang miskin tetapi kadang-kadang orang-orang miskin ini mungkin juga miskin minda, dia tidak bersyukur. Dia beri sokongan kepada orang yang pandai pusing kepala dia. Terima kasih.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: *Subhanallah*, dapat juga rezeki. Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya tak nak ambil kesempatan, saya ambil apa yang sempat sahaja. Tuan Yang di-Pertua, miskin ini fitrah, kaya pun fitrah. Allah jadikan dalam alam ini berpasang-pasangan, miskin-kaya, pandai-kurang pandai, penyokong-pembangking. Kalau semua miskin, yang miskin pun tak tahu dia miskin. Dia tahu dia miskin kerana ada orang kaya. Kalau semua orang kaya, dia pun tak tahu dia kaya, dia kaya kerana ada orang miskin. Itu falsafah dia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau melihat kepada statistik yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri calon nombor satu majlis tertinggi,

■1110

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Mersing nombor berapa? Nombor berapa Yang Berhormat Mersing?

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Seolah-olah segala aktiviti agensi, Kerajaan Pusat, kerajaan negeri malah kerajaan negeri pembangkang begitu komited untuk pastikan yang tidak ada orang miskin tetapi hendak hapuskan miskin susah.

Tadi termiskin, mudah miskin, miskin dan pelbagai aktiviti yang dibuat itu seolah-olah menghalalkan mereka terus miskin kerana pelbagai bantuan dinikmati. Soalan saya, kalau dari sudut bajet, biasanya 50% itu pengurusan, 50% sampai pada orang miskin. Tidakkah kerajaan hendak menilai kembali supaya 10% pengurusan, 90% betul-betul sampai pada orang miskin, itu satu.

Kedua, ada tidak dari sudut *parameters* untuk menilai jurang kemiskinan ini, orang bumiputera miskin, etnik Cina juga miskin, etnik India juga miskin, supaya kita melibatkan NGO-NGO yang *credible* untuk terlibat sama dalam memastikan keberkesanan pengurangan jurang itu. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Pertama sekali, terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat. Tentang fitrah manusia, ada miskin, ada kaya itu benar. Seperti tok guru selalu menyebutkan bahawa miskin kaya itu ialah fitrah manusia dan saya sebut dari hadis tadi [*Membaca sepotong hadis*] Siapa yang tidak berterima kasih kepada manusia, Allah tidak terima syukur dia. Itu saya baca semula.

Jadi, kalau orang miskin itu dia mempunyai minda yang kuat dan diajar bersyukur, sudah pasti dia menyokong Barisan Nasional tetapi bagi kita itu nombor dua. Nombor satu, yang penting bahawa mereka ini mendapat pembelaan daripada pihak kerajaan. BANCAN HIS ini meliputi semua aspek dan apabila kita bagi bantuan, kita juga melibatkan pelbagai jabatan, agensi dan juga kementerian, daripada anak sampai ke dia dewasa. Daripada dia *baby* lagi dia dapat bantuan, daripada dia daripada sebelum beranak lagi pun sudah dapat pembelaan, sampai dia meninggal, sampai dia mati juga dapat pembelaan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuk wakil-wakil rakyat Barisan Nasional, saya harap pembangkang juga berbuat sedemikian rupa. Wakil Rakyat Barisan Nasional telah menetapkan kadar masing-masing. Macam contohnya, ada kawasan yang memberi RM500 setiap kematian dan sebagainya. Demikianlah kehidupan manusia di Malaysia ini, cukup luar biasa. Semasa dia kahwin pun kalau sekiranya di sebuah negeri, semasa dia hendak kahwin, kalau dia termasuk dalam senarai PPRT, dia akan dapat RM3000. Kalau dia hendak kahwin di peringkat umur 70, sama-sama 70, orang-orang warga emas yang berkahwin juga mendapat RM5000.

Demikianlah rakyat dijaga daripada sebelum kahwin, dalam proses untuk melahirkan anak, sampai dia meninggal dunia dia diberi pembelaan oleh pihak kerajaan. Saya ingat tidak ada kerajaan di dunia ini kecuali Kerajaan Barisan Nasional di Malaysia...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ada, negeri Selangor.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Selangor, setelah program Barisan Nasional, dia meniru apa yang kita buat [*Dewan riuh*] Jadi, saya hendak beritahu Yang Berhormat Gombak, tidak mungkin Kerajaan Negeri Selangor ada *reserve* yang begitu besar, rizab yang besar ditinggalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan tugas Kerajaan Negeri Selangor adalah...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Reserve* besar itu ditinggalkan dalam bentuk rumah Khir Toyo...

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Bab yang ini nanti bincang di luar saya rasa.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak tetapi...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri beri maklumat yang salah sebab Dato' Seri Khir Toyo meninggalkan rizab RM400 juta. Rizab Selangor sekarang RM3 bilion yang tertinggal dalam negara.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak. Kerajaan yang ditinggalkan oleh Khir Toyo dulu kalau campur semua agensi, rizabnya hampir juga RM3 bilion. Kerajaan Negeri Selangor, apabila dia belanja, sudah tentu sebahagian daripada perbelanjaan itu mendapat pendapatan semula. Itu sebab dia dapat. Kalau Kerajaan Barisan Nasional memerintah sekarang, mungkin kita akan dapat RM6 bilion *[Dewan riuh]* Jadi, Yang Berhormat boleh berbahas dengan saya sekejap lagi, semasa Yang Berhormat berbahas di bawah JPM, kita bahas tajuk ini.

Jadi, pembelaan di bawah program Rancangan Membasmi Kemiskinan dan juga pendaftaran yang kita buat di bawah HIS meliputi semua aspek dan apabila kita, contohnya Melaka. Melaka telah sampai ke tahap 0.1%. Jadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi penekanan pada masa yang lepas bahawa diharapkan Malaysia mencapai kemiskinan sifar pada tahun 2016. Saya percaya dengan program yang ada sekarang, dengan penurunan yang ada, dia akan turun sampai ke tahap tersebut tetapi kemiskinan itu akan berlaku terus. Akan tetapi kemiskinan itu sudah bukan lagi di tahap yang pertama yang kita buat tetapi di tahap yang kedua.

Tahap yang pertama, kita akan mendapat kemiskinan sifar sebagaimana yang telah dimaklumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi, miskin ini Yang Berhormat tidak boleh melawak-melawak, kita kena bagi sokongan. Yang Berhormat hendak ambil habuan politik, ambillah kalau dia orang sokong tetapi kalau sekiranya tentang soal kemiskinan, kita tidak akan memilih kaum, memilih pandangan politik, kita akan banci semua. Itu sebab banyak daripada orang PAS yang mendapat bantuan ini dan kita tahu bahawa kadang-kadang kita tidak dapat sokongan tetapi kita adalah sebuah kerajaan yang adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Nogeh anak Gumbek. Minta maaf Yang Berhormat kalau sebutan itu kurang tepat.

5. **Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bilakah kerajaan akan membina Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Serikin, Bau, Sarawak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat pagi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kepada Parlimen kerana menaikkan soalan daripada kawan saya ini, jiran kawasan. Sebenarnya *classmate* di universiti.

Yang Berhormat terima kasih atas soalan tersebut. Sebenarnya Kementerian Dalam Negeri telah bermohon kepada pihak Unit Perancang Ekonomi untuk meluluskan pembinaan CIQ Sarikin ini untuk rancangan *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kesepuluh. Ini telah kita pohonkan dan peringkat keutamaan telah diberi oleh pihak kementerian kepada projek ini bersama-sama dengan dua lagi CIQ yang lain iaitu CIQ Ba'kelalan dan juga kemudahan Kuarters Imigresen bagi Depoh Tahanan Semunja dan tanah tapak untuk pembinaan CIQ ini telah juga kita selesaikan dengan kerajaan negeri pada bulan Mei 2011. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan. Ya, saya bersetuju, saya faham tapak untuk CIQ ini telah disediakan dengan keluasan 28.413 hektar di tempat yang dikenali sebagai Lot 267, Blok 1, Jagoi, *Land District*. Pembinaan CIQ ini perlu disegerakan oleh kerana ada begitu ramai jiran-jiran kita daripada Kalimantan Barat yang memasuki Daerah Bau melalui Serikin.

Pembinaan CIQ ini juga akan memudahkan perdagangan di antara Sarawak dan Kalimantan Barat oleh kerana Serikin itu lebih dekat dengan Kuching kalau kita banding dengan Biawak di Lundu. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian juga menerima hakikat bahawa kita mempunyai tiga jurusan atau kawasan kemasukan daripada Indonesia dan juga balik ke Sarawak di kawasan-kawasan tersebut, iaitu di Serikin, Tebedu dan juga Biawak.

■1120

Kita juga mengetahui bahawa semenjak tiga hingga empat tahun ini, tumpuan kemasukan daripada Puntianak dan juga Singkawang ke Sarawak telah menaikkan tahap Serikin itu dan telah menurunkan tahap Tebedu sebagai tumpuan keutamaan kemasukan masyarakat Indonesia ke Sarawak. Jadi itulah kenapa kita telah memberi keutamaan yang tinggi untuk pembinaan projek ini. Jadi Yang Berhormat jangan bimbang. *Insyallah*

kita akan tunaikan janji-janji kerajaan ini. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menunaikan janji. Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi jawapan tadi. Saya ingin mendapat tahu dari dasar kerajaan. Apakah kriteria ataupun ciri-ciri yang diambil kira oleh pihak kerajaan untuk menubuhkan atau mewujudkan satu-satu CIQ di satu-satu tempat? Di negeri Kelantan setakat ini ada tiga CIQ. Satu di Rantau Panjang, kedua di Pangkalan Kubur dan ketiganya di Bukit Bunga. Bukit Bunga yang terbaru yang ditubuhkan dalam kawasan Jeli. Saya harap bukan kerana di Jeli ada Menteri lalu dibuat CIQ.

CIQ di Bukit Bunga, Kelantan ini dianggarkan atau dimaklumkan kosnya sebanyak lebih kurang RM35 juta dan dibuka beberapa tahun yang lepas. Saya telah dimaklumkan bahawa CIQ yang dibina di Bukit Bunga, Kelantan ini ia dianggap sebagai *underused* ataupun kurang digunakan. Pegawai-pegawai yang ada di situ kurang kerja tetapi sebaliknya kegiatan penyeludupan dan kemasukan secara haram dalam negara kita ini bertambah meningkat di kawasan berkenaan. Jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang kebetulan baru-baru ini melawat negeri Kelantan dan saya kira melawat CIQ ini, apakah tindakan yang diambil untuk memastikan sesebuah CIQ yang dibina di satu-satu tempat di sempadan negara ini benar-benar dapat memainkan peranan menjaga keselamatan negara terutamanya mencegah penyeludupan yang melibatkan senjata api terutama sekarang ini yang begitu berleluasa sekali. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Memang betul saya telah melawat ke Kelantan untuk melihat sendiri apa yang berlaku di perbatasan antara negara Thailand dan Malaysia di sana. Di sana Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai kawasan perbatasan di antara Malaysia dan Thailand ialah sepanjang 95 kilometer menerusi Sungai Golok dan 32 kilometer di atas tanah. Jadi di sepanjang jalan sungai itu, kita juga dapati bahawa ada 140 jeti-jeti haram yang dibina di seluruh Sungai Golok itu dan kebanyakan jeti ini telah diguna pakai oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menyeludup bermacam-macam perkara di sempadan tersebut.

Akhirnya, sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, akhirnya menurunkan tahap penggunaan CIQ tersebut. Itulah sebabnya kenapa saya telah membuat kunjungan kehormat kepada Menteri Besar Kelantan dan memohon kerjasama supaya di tepian sungai itu dikosongkan supaya semua masyarakatnya dipindah dan kita membuat

penempatan semula dan selepas itu satu jagaan yang baik dibuat. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan bahawa kita akan membina pagar di seluruh perbatasan itu kalau boleh. Kalau diluluskan dalam keadaan ekonomi dan sumber kewangan kerajaan. Dalam keadaan sedemikian, barulah tiap-tiap CIQ yang ada di Kelantan itu akan diguna pakai sepenuhnya.

Saya juga melihat sendiri bahawa CIQ berdekatan, 100 meter daripada tempat itu, kita nampak jeti yang dipakai tetapi CIQ tidak dipakai. Jadi itulah saya mula-mulanya mencadangkan tiap-tiap CIQ diadakan pagar sekurang-kurangnya empat hingga lima kilometer supaya ia menjadi jaringan orang-orang menggunakan CIQ dan tidak menggunakan jeti-jeti haram. Sekarang Yang Berhormat Menteri kata kita pagar keseluruhannya dengan syarat Kerajaan Negeri Kelantan boleh bekerjasama dengan kita untuk memindahkan orang-orang daripada tepian sungai ke tempat-tempat yang tertentu dan dipersetujui oleh Kerajaan Pusat. Mekanisme untuk pemindahan itu nanti diserahkan kepada kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat untuk membincangkannya. Jadi Yang Berhormat, saya amat setuju dan tindakan-tindakan khusus telah kita rancang dan kita buat. Saya berharap Yang Berhormat boleh mendorong Kerajaan Negeri Kelantan untuk bekerjasama dengan kita. Terima kasih.

6. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi menyatakan, perkembangan projek satelit RazakSat2 termasuk kos keseluruhan, jadual pelaksanaan dan nama syarikat-syarikat yang terlibat dan fungsi mereka serta kos mereka dan apakah langkah untuk mengelakkan kesilapan RazakSat1. Sila juga berikan perbezaan RazakSat1 dan RazakSat2 terutamanya dari segi teknologi pengimejan atau *imaging payload*.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam yang bertanya soalan berkenaan dengan program berteknologi tinggi di bawah program Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Program Pembangunan Satelit RazakSat2 setakat ini masih lagi di peringkat pemilihan rakan teknologi untuk bekerjasama dengan sebuah syarikat Menteri Kewangan Yang Diperbadankan iaitu sektor aeroangkasa, Aeronautik Teknologi Sdn. Bhd. (ATSB). ATSB berfungsi sebagai kontraktor rasmi pembangunan satelit RazakSat2 manakala rakan teknologi akan terlibat dalam kerja mereka bentuk pembuatan, pengujian, pelancaran dan pengoperasian satelit tersebut.

Secara keseluruhan, sejumlah peruntukan telah pun diluluskan untuk program ini iaitu sebanyak RM271.9 juta yang merangkumi pembangunan, pengujian dan pelancaran satelit, pembinaan satelit bumi kedua di Tuaran Sabah dan penambahbaikan stesen bumi di Sungai Lang, Banting serta pembangunan modal insan dan aktiviti *review board*. Pembangunan satelit RazakSat2 dijangka mengambil masa selama tiga tahun dan pelancarannya adalah berdasarkan kepada peluang pelancaran yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan pelancaran. Satelit RazakSat2 dijadualkan akan beroperasi di orbit pada tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Bukit Mertajam, antara langkah-langkah penambahbaikan dalam program pembangunan satelit RazakSat2 ialah seperti berikut:

- (i) menetapkan supaya pihak ATSB perlu mempunyai rakan teknologi bagi pembangunan satelit. Rakan teknologi ini perlu mempunyai pengalaman luas dan berkemahiran tinggi dalam membangunkan, menguji dan mengoperasikan sebuah satelit; dan
- (ii) satu *review board* telah pun diwujudkan bagi memastikan pembangunan satelit RazakSat2 memenuhi objektifnya. Ahli *review board* terdiri daripada pakar-pakar tempatan dan luar negara yang akan memantau, menilai dan mengesahkan proses pembangunan satelit ini.

Tuan Yang di-Pertua, teknologi satelit yang bakal digunakan pada satelit RazakSat2 adalah antara teknologi terkini yang terdapat di pasaran semasa. Ini adalah dipengaruhi oleh spesifikasi resolusi kamera satu meter yang telah ditetapkan berdasarkan kepada keperluan pembangunan di Malaysia. Jenis teknologi yang akan digunakan hanya boleh dimaklumkan selepas rakan teknologi bagi program ini ditetapkan. Antara perbezaan yang ketara antara teknologi RazakSat1 dan RazakSat2 adalah seperti yang saya nyatakan di bawah:

- (i) resolusi kamera lebih baik iaitu RazakSat2 akan mempunyai imej beresolusi satu meter ataupun satu jalur *panchromatic* dan empat meter jalur *multispectral* berbanding dengan RazakSat1 yang hanya mempunyai imej resolusi 2.5 meter jalur *panchromatic* dan lima meter jalur *multispectral*; dan
- (ii) satelit RazakSat1 yang dilancarkan di orbit khatulistiwa, kita lancarkan dulu dekat *Near-Equatorial Orbit* (NEQ) manakala RazakSat2 pula akan dilancarkan di orbit sederap matahari

ataupun orbit dari kutub ke kutub ataupun dipanggil *Sun Synchronize Orbit*.

Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan ini, RazakSat1 telah memakan belanja hampir RM142 juta dan telah gagal dalam setahun sahaja dilancarkan dan Ketua Audit Negara juga telah memberikan teguran yang keras kepada projek ini.

■1130

Salah satu kegagalan ialah dalam teknologi pengimejan iaitu terdapat ralat hingga 37 kilometer iaitu dalam kata lain dia hendak ambil gambar Parlimen ambil pula gambar Port Klang. Jadi, ini adalah satu perkara yang saya rasa tidak patutlah. Jadi, kita bimbang bahawa projek RazakSAT-2 ini akan juga mengalami masalah yang sama terutamanya apabila kita lihat kos Projek RazakSAT-2 dahulunya dikatakan RM200 juta tetapi sekarang sudah meningkat ke RM271.9 juta. Jadi, kita hendak bertanya apakah perkara-perkara yang telah dilakukan untuk memastikan ianya tidak berlaku?

Satu lagi ialah pada 18 September yang lepas, Timbalan Menteri sendiri telah menyatakan bahawa kerajaan akan melancarkan satu lagi mikro satelit TiungSAT pada tahun hadapan. Jadi saya rasa fungsi TiungSAT hampir sama dengan RazakSAT-2. Jadi, apakah logiknya untuk melancarkan dua satelit yang mempunyai fungsi yang sama dalam masa yang begitu dekat terutamanya sekarang apabila kerajaan sedang bertungkus-lumus sudah tersasar daripada *target* untuk menurunkan defisit, kadar ekonomi yang agak perlahan mengapa kerajaan masih lagi menjalankan atau melaksanakan projek dengan izin, *big boy's toys* sebegini? Terima kasih.

Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah: Terima kasih. Ingin saya perbetulkan. Sebenarnya kesemua yang telah dirancang yang akan dilancarkan pada tahun 2015 adalah satu projek yang telah diluluskan pada bajet yang lepas. Kita mengaku bahawa RazakSAT-1 telah mengalami sedikit masalah kerana RazakSAT-1 adalah yang pertama kali kita hantar dan ia diletakkan di orbit hampir Khatulistiwa yang merupakan orbit yang pertama diletakkan di sana. Jadi, ini adalah satu perkara yang kita telah ambil perhatian dan oleh kerana itu untuk projek RazakSAT-2 ini, kita tidak meletakkan di orbit yang sama tetapi kita meletakkan di orbit yang dipanggil orbit segerak matahari ataupun orbit dari kutub ke kutub.

Kita mesti memastikan, betul, kali ini kita lebih berhati-hati kerana pakar-pakar kita melalui pengalaman yang pertama kita telah *make sure*, kita telah menetapkan bahawa kali ini kita menggunakan teknologi yang lebih canggih. Sudah tentu apabila

menggunakan teknologi yang lebih canggih ia memerlukan perbelanjaan yang begitu besar. Apabila kita memilih sesuatu yang murah kita akan mendapat hasil yang murah juga. Oleh sebab itu, maka kali ini seperti yang saya katakan tadi beberapa perkara yang telah diambil kira seperti resolusi tadi 2.5 meter kita telah tukarkan kepada RazakSAT-1 - 1 meter atau pun 5 meter *multi spectral* saya sudah cakap tadi kita tukar kepada 4.2 meter *multi-spectral*. Untuk signal to noise ratio, kalau dahulu ratio lebih daripada 70, sekarang lebih daripada 100. Untuk *modulation transfer function* (MTF) untuk PAN lebih kepada 8% dahulu atau pun MAS dia kepada lebih 16%, *now* kita telah tukar kepada lebih kepada 10%.

Jadi, ini adalah di antara perkara-perkaranya tetapi yang paling besar sekali kita telah perbaiki apa yang patut kita lakukan dan ia tidak diletakkan di orbit yang sama. Kita telah meletakkan satu orbit yang lain yang banyak lagi satelit lain telah berada di sana.

Keduanya berkenaan dengan projek TiungSAT-1 tadi. Sebenarnya ini ada beza. Satelit RazakSAT-2 dengan TiungSAT adalah berbeza. TiungSAT-1 adalah mikro satelit yang sangat kecil yang besarnya hanya sebesar tapak tangan sahaja yang kita gunakan untuk tujuan-tujuan penyelidikan. Ini adalah satu benda kecil yang hanya tujuan penyelidikan. Ini perlu dilakukan kerana kalau kita tidak melakukan menggunakan teknologi begini sampai bila kita hendak belajar kepada teknologi satelit. Jadi, kita harus berbelanja. Ini adalah satu bidang yang baru. Kita sudah hantar satelit TiungSAT-1 dan kita telah pun mendapat apa yang kita hendak. Kita telah melahirkan teknologi jadi apa salahnya kita berubah kepada TiungSAT-2 yang sudah tentu akan memberi kepakaran yang lebih kepada negara kita.

Kepada RazakSAT-2 ada perbezaan. RazakSAT-1 lebih kepada satelit penyelidikan dan pembangunan tetapi kali ini RazakSAT-2 adalah lebih menyeluruh kepada melibatkan kita melihat kepada guna tanah, perkembangan pertanian dan ini boleh digunakan untuk memantau keadaan serantau kita. Juga boleh digunakan untuk tujuan pertahanan dan lain-lain kegunaan keselamatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan Lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di atas satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 iaitu mengenai notis di bawah Peraturan Mesyuarat 22(2) di mana saya telah mencadangkan bahawa

disebabkan tempoh terlalu panjang dan menggugat hak rakyat untuk bertanyakan soalan melalui Ahli Dewan Rakyat secara efektif, saya telah minta...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dahulu Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, kelmarin saya buat satu keputusan untuk mengarahkan Yang Berhormat Padang Serai untuk keluar tetapi saya gantung keputusan itu berapa hari. Jadi, Peraturan Mesyuarat 44 mengatakan bahawa kalau Tuan Yang di-Pertua tidak nyatakan masa kerana maksimumnya 10 hari, maka secara automatik dua hari digantung. Akan tetapi, Yang Berhormat masuk pada hari ini oleh kerana atas budi bicara saya. *[Tepuk]*

Saya telah memberitahu kepada bentara-bentara supaya jangan halang Yang Berhormat masuk. Sebabnya begini Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini kerana kadang-kadang ada salah fahaman. Saya pun kadang-kadang salah faham tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain baru harus ingat oleh kerana yang kita bersidang ini kadang-kadang masa tidak mengizinkan, notis penting, peraturan mesyuarat penting diikuti oleh semua.

Sebelum saya arah Yang Berhormat untuk bercakap sebagai contoh, Yang Berhormat berdiri pada hari ini untuk membangkitkan Peraturan Mesyuarat 18(1), Peraturan Mesyuarat 18(2). Kelmarin Yang Berhormat berdiri atas sebab yang sama. Saya kata jangan dahulu berdiri sekarang. Selepas sesi soal jawab. Ini kerana sesi soal jawab adalah satu perkara yang mustahak kerana *pre-arrange*, tidak boleh kita *sit aside*. Akan tetapi, Yang Berhormat berdegil-degil juga dia mengatakan begitu. Akan tetapi, apabila Yang Berhormat berdiri dia kata ini bukan *point of order*, ini petisyen atau rayuan tetapi Yang Berhormat, semak baik-baik.

Apabila kita berdiri *point of order* baru saya boleh layan kerana *point of order* di bawah Peraturan Mesyuarat 14 itu Yang Berhormat *cite (f)* adalah juga *point of order* tetapi *point of order* mengenai dengan petisyen Yang Berhormat bangkitkan tidak puas hati. Itu pertikaian kita kelmarin tetapi belum pun saya beri penjelasan, Yang Berhormat terus meluru keluar membuat *press statement*. Terus hentam saya seolah-olah persepsi itu saya terus tidak adil dan sedemikiannya.

Jadi, saya tidak berkebiasaan membuat *press statement* juga menjawab kepada tuduhan-tuduhan siapa pun kerana itu bukan tugas saya. Tugas saya di dalam. Akan tetapi, kalau Ahli Yang Berhormat termasuk peguam-peguam yang ada di sini cubalah Ahli Yang Berhormat *refer* kepada mana-mana buku *Parliamentary Procedure and Practice*. Tidak boleh mengecil-ngecilkan Speaker. Apabila buat keputusan jangan buat kenyataan di luar kerana itu menghina Majlis dan Parlimen. Akan tetapi saya tidak ambil tindakan pun oleh kerana sekarang ini demokrasi sudah lain. Itu satu.

Kalau Yang Berhormat tengok Peraturan Mesyuarat 18(1) di mana Yang Berhormat berdiri tadi, Peraturan Mesyuarat 18(1) – minta maaf Yang Berhormat saya mengambil masa ini kerana semua penjelasan, kerana saya pun persepsi luar jangan fikir saya ini kuku besi. Peraturan Mesyuarat 18 mengatakan bahawa apabila sesuatu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) itu ditolak dalam kamar, maka ia tidak boleh dibawa balik di bawah Peraturan Mesyuarat 18(7) dibaca atau pun disentuh balik waktu mesyuarat.

Alasannya ialah Ahli-ahli Yang Berhormat *must take in good faith what have been stated*. Kalau Yang Berhormat khawatir juga dengan fatwa saya ini, rujuk mana-mana *Parliamentary Procedure and Practice* yang *similar* dengan kita iaitu Peraturan Mesyuarat 18(1) – *Public importance, emergency must be decided* cepat. Apabila ditolak dalam kamar tidak boleh disentuh. Akan tetapi, pada kebiasaannya oleh kerana ini Parlimen Malaysia seperti saya selalu sebut tidak juga saya boleh larang Ahli-ahli Yang Berhormat kerana *doesn't take my fatwa in good faith*, baca juga, *saya allow*.

Yang Berhormat Bukit Bintang pada minggu lalu saya *allow* pada hal saya tolak dalam Kamar. Sekarang ini saya tolak Yang Berhormat punya dalam kamar pun, saya mahu juga Yang Berhormat berdiri untuk perjelasan. Selepas itu saya boleh perjelasan. Sebenarnya semua ini membuang masa.

■1140

Akan tetapi oleh kerana kita sama-sama semua belajar, kita sama-sama mahu perbaiki persidangan kita seperti Parlimen dunia ketiga, tidak apa. *Sometimes we need to relax it, sometimes not*, sekarang ini okey, sila Yang Berhormat. *Let's hear what is your opinion on 18(1)* ini ataupun usul Yang Berhormat. Sila. Ahli Yang Berhormat yang lain tolong senyap.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu sekali lagi balik kepada perkara semalam. Akan tetapi mengenai usul ini Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakannya kerana ia adalah amat penting dan perlu disegerakan disebabkan jika notis bagi memberi kemukakan soalan 1 Oktober tarikh akhir. Makna, ada soalan yang akan timbul mungkin awal Disember hampir 2 bulan kemudiannya dan saya benar-benar percaya bahawa ini menyebabkan *proceeding* dan demokrasi kita di dalam Dewan Rakyat tergugat.

Ini merupakan hak rakyat sebab itu saya menimbulkan. Benar juga apa yang Tuan Yang di-Pertua menyatakan bahawa di dalam kamar keputusan dibuat. Akan tetapi pada masa yang sama, saya percaya praktiknya adalah untuk apabila kita merasa bahawa isu

ini penting, kita minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Jadi, sekali lagi saya minta supaya perkara ini disegerakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apabila seperti biasa, apabila saya menerima usul di bawah 18(1), jadi elok saya beri penerangan lagi supaya Yang Berhormat yang lain tahu. Ini kerana fakta yang sampai kepada saya tidak semestinya sampai di meja Ahli-ahli Yang Berhormat kerana usul ini di bawah 18(1). Yang diminta, yang dipohon Ahli Yang Berhormat ialah supaya notis 14 hari itu sebelum bersidang iaitu kita harus mengemukakan soalan dan dialamatkan soalan itu kepada Setiausaha Dewan 14 hari sebelum bersidang.

Ini peraturan mesyuarat kita. Akan tetapi Yang Berhormat mengatakan bahawa 14 hari ini adalah cukup-cukup panjang, kenapa panjang? Dia buat perbandingan, kenapa di Australia 2, 3 hari, kenapa di England 2, 3 hari, dia kata panjang. Jadi, atas sebab itu Yang Berhormat protes tidak menghantar soalan. Itu isu yang harus sekarang ini saya *handle*. Maka, Peraturan Mesyuarat 18 dia bawa. Respons saya kepada Ahli Yang Berhormat, usul 18(1) ialah sebegini, saya telah jawab. Saya kata, usul Yang Berhormat saya tolak dalam kamar oleh sebab dia bercanggah dengan satu peraturan mesyuarat.

Jadi, kalau keputusan saya itu diambil secara *in good faith*, bermakna Yang Berhormat tidak akan bangkitkan lagi. Akan tetapi jikalau Yang Berhormat bangkitkan pula, saya tidak buat respons, seolah-olah betullah persepsi masyarakat di luar bahawa saya ini langsung tidak adil. Jadi, saya sama-sama jemput Ahli-ahli Yang Berhormat untuk tengok pula Peraturan Mesyuarat 78, sila, terutama sekali kepada peguam-peguam. Sama kita tengok Peraturan Mesyuarat 78(2).

Saya tolak usul Yang Berhormat dalam kamar atas alasan 78(2). Peraturan Mesyuarat 78(2) tidak payah saya baca, apabila Yang Berhormat baca ialah kalau ada usul dari Ahli Yang Berhormat mahu supaya peraturan mesyuarat itu diubah, mesti melalui satu usul dan usul notis usul itu disertai dengan cadangan-cadangan format macam mana diubah. Yang Berhormat baca okey, jadi bermakna saya tolak dalam kamar kerana tidak melalui usul 78(2). Akan tetapi Yang Berhormat, saya pun kadang-kadang mempunyai dilema kerana dalam Parlimen ini mempunyai juga penasihat undang-undang daripada AG Chambers.

Saya tidak buat fatwa-fatwa tanpa ada rujukan kepada mana-mana buku dan penasihat-penasihat tertentu. Saya dinasihatkan bahawa usul seperti Yang Berhormat bawa itu di bawah 18(1) saya tolak. Betul saya tolak kerana berkenaan dengan 78(2) tetapi apabila saya berbincang dengan penasihat undang-undang saya, menurut

pendapat beliau, seorang peguam juga ialah perkara 78(2) ini bermakna mesti melalui satu usul *substantive*. Mesti ada notis 20-14 hari di bawah Peraturan Mesyuarat 27(1).

Jadi, apabila usul begitu, biasanya usul begini mesti juga diambil kira Peraturan Mesyuarat 15 kerana urusan-urusan kerajaan perlu didahulukan, baru urusan-urusan lain. Jadi, kalau urusan-urusan kerajaan didahulukan oleh sebab Peraturan Mesyuarat 15, usul-usul Yang Berhormat yang lain itu yang *never come out in the daylight*. Itu permasalahan sudah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor dan banyak Ahli-ahli Parlimen yang lain tetapi itu masih peraturan mesyuarat kita. Ini pendapat peguam tetapi saya mempunyai pendapat berlainan Yang Berhormat. Ini kerana saya pun mahu juga pemikiran terbuka.

Saya buka kepada Peraturan Mesyuarat 14. Sila rujuk kepada Peraturan Mesyuarat 14. Sila rujukkan Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat 14 ini adalah agenda untuk kita setiap hari. Inilah urutan apa yang harus kita ikut, tidak boleh lari daripada ini. Jadi, Yang Berhormat bertegang kelmarin dengan saya mengenai dengan petisyen, betul petisyen itu terdahulu daripada pertanyaan-pertanyaan soalan bagi jawapan lisan. Akan tetapi penjelasannya ialah itu cuma boleh Yang Berhormat baca di dalam kalau saya benarkan di bawah Peraturan Mesyuarat 19.

Saya mesti benarkan dulu tetapi saya tidak benarkan, saya kirim surat kepada Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat pertikaikan. Okey, kita berbalik kepada soal sekarang. Kalau saya ikut nasihat pegawai undang-undang saya, bermakna saya terpaksa kata di bawah 27, notis biasa. Akan tetapi saya berpendapat secara peribadi, boleh tidak saya simpan ini di bawah 14(1)(o) - Urusan-urusan Am. Akan tetapi saya berhadapan dengan satu dilema apabila saya buka itu *flood gate* di bawah urusan-urusan am, nanti ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri setiap kali untuk kesampingkan Mesyuarat yang telah tertera kerana mahu ikut urusan-urusan am.

Akan tetapi saya masih juga lagi berpendapat bahawa mungkin boleh diserap di bawah urusan-urusan am kerana apabila kita baca Peraturan Mesyuarat 78(2) ia mengatakan bahawa apabila usul itu dibawa dan disokong, ia tidak akan dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan dan tidak dibahas. Akan tetapi secara automatik akan masuk dalam Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat yang saya sendiri pengerusi. Jadi, kalau kita persetujuan bahawa Peraturan Mesyuarat 14(1)(o) itu cuma kepada perkara-perkara usul yang tidak payah dibahas, tidak payah dikemukakan kepada Majlis, saya akan masukkan di dalam Peraturan Mesyuarat 14(1) (o).

Jikalau tidak kita terpaksa berselindung lagi di bawah Peraturan Mesyuarat 15. Itu sebab kenapa Yang Berhormat, saya sendiri telah menyarankan supaya siapa yang

benar-benar mahu ubah peraturan mesyuarat, namakan mereka. Secara kebetulan, tahniah kepada Yang Berhormat. Ini kerana saya mesyuarat dua hari yang lalu, nama Yang Berhormat telah dimasukkan di dalam Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat. Kita akan bincang di situ secara terperinci dan habis-habisan. Jadi, janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila saya buat fatwa terus kamu membuat persepsi bahawa saya tidak adil. Tidak adil bagi saya kerana saya tidak dapat menjawab dan saya tidak menjawab pun.

Saya tidak buat, jadi kita saling bantu-membantu, jangan ada perkara lagi yang timbul seperti apa yang ditimbulkan kelmarin. Kita setuju semua ini?

Beberapa Ahli: Setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, kalau kita setuju semua ini bermakna sekarang saya terima usul Yang Berhormat itu secara automatik saya kasi masuk di dalam agenda Mesyuarat Jawatankuasa nanti yang saya akan panggil dan Yang Berhormat akan turut hadir. Bolehkah begitu?

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk jawapan yang begitu terperinci dan panjang tetapi hanya satu... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat yang lain, Ahli Yang Berhormat tolong, ini peraturan mesyuarat. Sila.

Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]: Terima kasih kerana mengambil masa menerangkan secara terperinci dengan rujukan kepada peraturan-peraturan mesyuarat yang relevan tetapi hanya untuk bertukar pendapat secara ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya berpendapat 78(2) tidak terpakai kerana usul saya hanya untuk mendesak kerajaan membawa pindaan dan bukan untuk pindaan serta seterusnya. Jadi, hanya untuk bertukar pendapat bukan untuk *argue* dengan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebab saya katakan yang Berhormat, saya juga ada penasihat undang-undang yang kadang-kadang saya tidak bersetuju dengan nasihat itu, jadi mesej yang saya kemukakan di sini, kalau kita peguam-peguam bertelagah dengan interpretasi setiap peraturan mesyuarat dan petua saya tidak didengar sedangkan saya sebagai hakim, macam mana kita capai penyelesaian?

■1150

Itu sebabnya apa pun fatwa yang saya berikan, *please take it in good faith*. Selepas itu di belakang, selepas kita bersidang, boleh. Sesiapapun boleh datang ke kamar saya. *Advise me, tell me what is the floor*. Jangan hentam saya. *You* hentam saya,

you hentam Parlimen. *You* hentam Parlimen kita Ahli Parlimen, integriti Parlimen kita harus kita *protect*. Jadi minta maaf Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat pernah sebut atau tidak, ini *press* dia akan buat apa sahaja sama ada Yang Berhormat membuat kenyataan Parlimen Malaysia seperti Parlimen Zimbabwe ataupun Parlimen Mugabe. Jadi kalau saya tanya Yang Berhormat pernah ke pergi ke Zimbabwe. Mungkin Yang Berhormat sendiri belum pernah pergi ke Zimbabwe. Negara-negara Afrika lain saya sudah pergi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kita berakhir di situ. Masa saya sudah habiskan lebih kurang 10 minit tetapi saya rasa ini perkara berguna.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Setiausaha.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Tuan Yang di-Pertua: *Point of order* lagi?

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Saya ingin merujuk Peraturan Mesyuarat 36(12).

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Di mana saya ingin merujuk jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia yang mengelirukan Dewan. Di mana saya ingin merujuk bahawa di dalam jawapan tersebut, saya juga menerima jawapan yang sama berkenaan soalan yang sama walaupun soalan saya diajukan kepada Menteri Dalam Negeri tetapi dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia yang menyatakan bahawa dakwaan seramai 1.4 juta pekerja Bangladesh akan dibawa masuk ke Malaysia adalah tidak benar.

Saya rasa ini adalah satu jawapan yang bercanggahan dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sebelum ini pada 22 Ogos 2013. Di mana dalam semua laporan berita yang disiarkan oleh media-media tempatan menyatakan bahawa memang ada hasrat Kerajaan Persekutuan untuk membawa masuk 1.4 juta pekerja Bangladesh, di mana setiap minggu membawa masuk 2,000 orang dan sebulan seramai 8,000 orang. Ini akan dijalankan secara berperingkat-peringkat. Akan tetapi malangnya, apa yang dilaporkan ini telah dinafikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia walaupun Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri tidak menafikan. Saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak boleh respons sekarang Yang Berhormat kerana saya juga perlu untuk mendapatkan fakta daripada

pihak yang berkenaan tadi. Selepas daripada ini apabila saya sudah mendapatkan fakta, *feedback* daripada kementerian yang berwajib saya akan respons kepada Yang Berhormat.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2013) 2013

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2013) 2013 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Kedua]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.1, B.6, B.7, B.9 [Jadual] –

11.53 pg.

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.1, B.6, B.7 dan B.9 di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato’ Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian untuk B.1, Parlimen. Pertama saya lihat bahawa ini soal peruntukan pengurusan. Akan tetapi saya melihat ada beberapa kelemahan pada akhir-akhir ini khususnya dalam sesi ini supaya Yang Berhormat Menteri dan juga Setiausaha Dewan mengambil perhatian iaitu soalan-soalan untuk hari esok sehingga 5.30 kita tidak dapat lagi, itu agak lewat walaupun kita boleh akses dalam laman web apabila kita balik ke penginapan kita. Akan tetapi saya fikir bahawa adalah tidak wajar, sebabnya selalu sebelum 5.30 kita akan dapat soalan-soalan untuk keesokan harinya.

Kemudian saya hendak memperingatkan pihak Dewan supaya untuk memastikan dalam sidang belanjawan yang akan datang ini. Pada hari pembentangan belanjawan yang mungkin akan dibuat pada 25 Oktober mesti disekalikan di atas meja kami ini ialah Laporan Ketua Audit Negara. Ini kerana kalau melihat kepada sidang bajet yang lalu, seminggu selepas pembentangan belanjawan sedangkan kebiasaan yang kita peroleh pada belanjawan-belanjawan sebelum itu iaitu Laporan Ketua Audit itu akan diberikan

kepada kami pada hari pembentangan belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan.

Ini untuk membolehkan kita untuk membuat semakan dan rujukan bagi tujuan perbahasan kepada belanjawan. Akan tetapi kalau sudah dapat seminggu selepas daripada itu, saya fikir bahawa suatu yang agak malang. Jadi disebabkan itu saya minta supaya pihak Parlimen mesti sudah dapat berurusan dengan pihak Jabatan Audit untuk memastikan bahawa laporan itu dapat disiapkan dan dibawa ke Parlimen ini pada 25 Oktober.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Ketiga ialah saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan. Ini kerana saya melihat *progress* pembangunan Parlimen ini yang telah pun kita putuskan di dalam Jawatankuasa Dewan pada November ataupun Disember yang lalu. Akan tetapi saya lihat *progressnya* agak perlahan dan saya telah dimaklumkan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya sewaktu kami bersama-sama ke South Africa baru-baru ini, dia memang mengakui bahawa berlaku kelewatan disebabkan katanya mungkin ada perubahan-perubahan tertentu.

Jadi, saya pun hairan macam mana perubahan-perubahan itu boleh berlaku sedangkan Mesyuarat Jawatankuasa Dewan sudah pun meluluskan daripada pembentangan yang dibuat oleh pihak JKR kemudian dipersetujui dengan beberapa pindaan-pindaan yang dibuat hasil daripada pendapat dan pandangan Ahli-ahli Dewan yang juga turut menganggotai. Saya ingat yang masih menganggotai saya yang baru dilantik hari ini, dimaklumkan termasuk Yang Berhormat Bintulu kalau tidak silap saya dan juga...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Yang Berhormat Putatan. Itu di antara orang yang hadir...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena. Maafkan saya Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena merujuk kepada B berapa?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: B.1 Parlimen Malaysia.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: B.1.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: B.01.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: B.10 dan B.11 ya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, Urusan Parlimen.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]: Ya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini antara tiga orang yang ada. Jadi kami sudah pun meluluskan dan dipersetujui oleh pihak JKR. Jadi saya tidak tahu kenapa berlaku kelewatan dari segi *progress*, kemajuan projek pembangunan kerana jika berlaku kelewatan, maka sudah tentu apa yang diimpikan oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan tadi bahawa tahun depan kita akan melihat Parlimen Belia yang akan menggunakan Dewan yang kita akan guna pada hari ini tidak tercapai.

Ini kerana kita ada beberapa fasa kepada pembangunan Parlimen ini. Jadi ini sudah tentu bahawa hasrat untuk melihat wujudnya Parlimen Belia menggunakan Dewan ini tidak akan tercapai. Jadi saya hendak meminta penjelasan, kenapa berlaku kemajuan projek yang agak perlahan dan apakah ada perubahan-perubahan? Jadi kalau ada perubahan-perubahan, saya fikir bahawa ia mestilah dibawa kepada Jawatankuasa Dewan, sebabnya jika sebelum ini dibawa ke dalam Jawatankuasa Dewan dan diluluskan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Dewan. Sedangkan Jawatankuasa Dewan baru bermesyuarat.

Akan tetapi bagi saya bahawa tidak wajarlah bahawa apabila kita sudah memutuskan, sudah buat sepatutnya sudah dikeluarkan tender dan sebagainya tiba-tiba apabila Menteri bertukar, maka tukar plan pula. Jadi takkan setiap kali hendak Menteri bertukar, maka perancangan plan yang telah pun diluluskan pun bertukar sedangkan perkara-perkara ini, plan-plan ini bersifat teknikal. Jadi saya tidak fikir bahawa ini suatu yang boleh berlaku dan tidak sepatutnya berlaku. Apabila berlaku perubahan Menteri maka berlakulah perubahan dari segi projek dan sebagainya, membuat perubahan hendak tambah itu dan hendak tambah ini. Jadi bagi saya ini adalah suatu yang tidak wajar.

Kemudian B.6 – Jabatan Perdana Menteri, RM62,700,000. Pertama saya hendak minta juga penjelasan walaupun pernah ditimbulkan pada Bajet Tambahan 2012 baru-baru ini, pada sidang yang lepas yang berkaitan dengan TV Al-Hijrah. Jadi setiap kali ada pertambahan. Jadi saya lihat bawa setiap kali – Apakah unjuran yang diletakkan oleh TV Al-Hijrah ini sampai tahun berapa yang dia rasa bahawa akan untung dan tidak perlu kepada bantuan kerajaan? Ini kerana TV ini, saya lihat bahawa ia diuruskan secara korporat.

Jadi saya fikir bahawa sudah tentulah bahawa ada unsur-unsur, sumber-sumber pendapatan yang boleh diperolehi. Jadi mesti ada satu unjuran sampai tahun bila, berapa tahun selepas daripada diwujudkan TV Al-Hijrah ini maka kita akan mendapat kebolehan keuntungan yang tidak perlu bergantung lagi kepada peruntukan kerajaan. Ini setiap kali bajet ada peruntukan kemudian bila bajet tambahan ada peruntukan. Jadi, sepatutnya bagi saya bahawa kalau setiap kali bajet itu sudah disediakan sekian banyak peruntukan, tidak perlu lagi ada bajet-bajet tambahan.

■1200

Kemudian berkaitan dengan penjenamaan negara. Unit Penjenamaan Negara RM21 juta. Sebanyak RM21 juta ini ialah bajet tambahan pada kali ini sedangkan peruntukan asalnya ialah RM15 juta, peruntukan asalnya ialah kalau tidak silap saya – Betul, ya? RM15 juta. Jadi, RM21 juta ini penjenamaan negara. Saya minta perincian penjenamaan negara ini apa benda yang dibuat. Jadi, antara yang dibangkitkan persoalannya ialah apabila timbul isu iaitu satu jenama baru *endless possibility*. *1Malaysia... [Disampuk] Endless Possibility*.

Saya pun tidak tahu apakah maknanya ini, hendak terjemah maksudnya 'kemungkinan tidak berkesudahan'. Macam tajuk drama sahaja. 'Kemungkinan yang tidak berkesudahan', segala-galanya serba mungkin, tidak sudah-sudah. Macam dahulu di Kedah, Menteri Besar Kedah dahulu ini, '*university of tomorrow*'. Jadi tidak tahu bila '*Tomorrow*', dia kata '*tomorrow*'. [Ketawa] Jadi sampai bila-bila pun '*tomorrow*'. Ini pun tidak berkesudahanlah. Maknanya, kemungkinan yang tidak berkesudahan.

Saya hendak minta penjelasan, berapakah peruntukan yang diberikan untuk menjenamakan, untuk melahirkan jenama yang disebut sebagai *1Malaysia Endless Possibility* ini dan syarikat yang telah pun memperoleh ataupun perunding konsultan mana yang telah diberikan peruntukan? Ini disebabkan saya melihat bahawa apabila dilaporkan bahawa kementerian pelancongan Israel pun mengguna jenama yang sama iaitu *1Israel... [Disampuk]*. Ada *endless possibility*, kemudian ada satu lagi perkataan '*1Place*'. [Disampuk] '*Israel 1Place Endless Possibility*'.

Seorang Ahli: Hah! Sama.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, sama.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Pokok Sena, minta penjelasan sedikit.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Krai. Cuma saya hendak ingatkan 10 minit sahaja ya.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Pokok Sena, adakah kemungkinan bahawa apa yang berlaku di Israel itu adalah terkemudian daripada apa yang berlaku di Malaysia kerana Malaysia selalunya terlebih dahulu? Jadi, Israel tiru kita. Apa macam?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu kena jawab. Mungkin saya kata kerajaan akan jawab bahawa kita lancar dahulu di Davos. Mungkin kerajaan akan kata bahawa kita lancar dahulu daripada Israel. Akan tetapi kalau lancar dahulu, bermakna Israel tiru kita. Jadi, kena ambil satu tindakan daripada segi *intellectual property*. Hak cipta ini kena ambil tindakan daripada negara Israel. Dia menjiplak jenama yang telah pun dirangka begitu hebat oleh negara kita. Jadi saya fikir bahawa satu, kenapa kita perlukan kepada satu jenama baru? Apa yang penting bukan soal jenama.

Bagi saya ialah bagaimana kita hendak *promote* negara kita ini dari sudut integritinya, dari sudut keamanahannya, selain daripada kita hendak memperlihatkan keceriaan, kehebatan apa yang ada dalam negara kita. Akan tetapi dia mesti memperlihatkan kepimpinan yang baik, kepimpinan yang beramanah. Dia tidak boleh dilihat oleh masyarakat antarabangsa bahawa kita ini dipenuhi dengan *problems* jenayahnya yang meningkat dan sebagainya sehingga menyebabkan ketakutan untuk orang datang ke negara Malaysia.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: [Bangun]

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kemudian - Ya, ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selepas ini gulung ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, hendak gulung sudah.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih. Setujukah Yang Berhormat Pokok Sena kalau kita rujuk kepada...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang-panjang nanti tidak ada *endless* nanti.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak berkesudahanlah.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Bekas Presiden Indonesia, Sukarno. Sukarno ini slogan dia cukup hebat zaman dia memerintah tetapi rakyatnya memang miskin. Nampaknya slogan ini mengatasi program-program yang membantu rakyat. Apakah ini juga kita ke arah itu nampaknya sekarang?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Oleh sebab itu saya katakan bahawa kita tidak perlukan kepada satu jenama yang hebat tetapi kalau rakyat hidup

teruk, minyak naik dua kupang, kerajaan kata tidak naik minyak. Memang tidak naik minyak tetapi harganya naik. Dia kata subsidi sahaja kurang.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi, ini bagi saya bahawa tidak ada keperluan kepada rakyat. Dia tidak ada memberikan apa-apa makna kepada satu ...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Penjenamaan yang hebat tetapi hidup dalam keadaan kesusahan dan sebagainya. Jadi sebab...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Pokok Sena, sini, sini di belakang. Batu Kawan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini masa tidak cukup Yang Berhormat Pokok Sena.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Satu minit Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sedikit sahaja fasal ia tidak berkesudahan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tetapi peraturan ada kesudahan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Adakah Yang Berhormat Pokok Sena tahu mengenai kaitan slogan Mongolia juga dengan tema *Endless Possibilities*? Apakah pendapat Yang Berhormat Pokok Sena sama ada Mongolia dengan Malaysia ada satu persefahaman atau kaitan selain daripada... *[Ketawa] [Dewan riuh]* yang... - Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat dari Batu Kawan. Tidak apalah, saya minta pihak kerajaan memperjelaskan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan tadi. Akan tetapi apa yang saya fikir bahawa yang pentingnya ialah bagi saya bahawa saya hendak tahu bahawa perinciannya berapa konsultan itu dapat untuk buat satu jenama. Kalau jenama itu kita tiru daripada orang, kita bayar sampai RM30 juta, RM50 juta. *"Eh! Tidak akan kita hendak bayar sampai RM50 juta. Entah-entah dia 'pi' ambil, dia tiru hak orang"*. Kalau orang itu tiru hak kita, kita kena samanlah sebab kita telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar, tiba-tiba orang saman, orang curi hak kita. Jadi, kita kena ambil tindakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena, ada kesudahankah?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ada, ada. *[Ketawa]* Baik, kemudian RM7 juta untuk kos operasi Institut Wasatiyyah Malaysia dan Suruhanjaya Pendatang Asing Tanpa Izin. Cuma saya hendak minta perincian kepada Institut Wasatiyyah Malaysia ini, perinciannya, buat program apa, benda apa? Dulu Institut Islam Hadhari bukan? Kita pun tidak tahu entah lepas ke mana 'dok'. *[Disampuk]* Macam-macamlah institut itu institut ini. Jadi, kita hendak tahu perinciannya.

Kemudian, RM4,700,000 untuk menampung operasi dan kelengkapan Jabatan Perdana Menteri. Jadi, saya minta satu pendetilan daripada pihak kerajaan tentang apakah ia RM4,700,000 itu untuk kos operasi dan juga kelengkapan Jabatan Perdana Menteri sehingga perlu kepada peruntukan tambahan?

Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan saya minta maaf kepada Yang Berhormat dan juga kepada Yang Berhormat Menteri, mungkin dalam jawapan nanti saya tidak ada di Dewan. Saya akan balik ke Kedah kerana bekas Menteri Besar, Tan Sri Azizan Abdul Razak telah pun kembali ke Rahmatullah pada jam 11.10 pagi tadi. Jadi, kita doa mudah-mudahan rohnya akan dicucuri rahmat oleh Allah SWT, al-Fatihah.

[Dewan bertafakur]

Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Silakan Yang Berhormat Kinabatangan.

12.07 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Pilihan yang tepat Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyinggung beberapa perkara iaitu Parlimen, Jabatan Perdana Menteri. Saya terpanggil dengan Yang Berhormat Pokok Sena iaitu begitu sensitif berhubung dengan penjenamaan yang dilontarkan oleh Barisan Nasional seperti 1Malaysia. Apa masalah dengan rakyat? Saya tidak nampak ada 1Malaysia ini ada masalah bahkan di sana sini kita pergi, rakyat berbangga, di mana-mana sebab sama ada suku kaum Sungai, Dusun, Kadazan, Cina, India, dia kata, "1Malaysia".

Yang Berhormat Pokok Sena dan pembangkang sahaja tidak setuju sebab mungkin 1Malaysia ini telah menjahanamkan niat tidak baik mereka untuk mewujudkan pemerintahan pembangkang di negara ini. Jadi pada saya – mereka juga ada satu slogan mereka iaitu 'Tukar' tetapi rakyat, dia tidak akan menukar mudah, bukan menukar baju.

Bukan macam pembangkang, ahlinya hendak tukar pun dia tidak tukar juga sehingga ROS ambil tindakan.

Jadi apa yang penting pada saya, bagaimana penjenamaan itu membentuk sebuah bangsa negara ke arah mencapai matlamat tahap hidup yang bahagia dan harmoni. Kita lihat bagaimana negara kita, kadang-kadang kita dituduh meniru. Tidak ada unsur-unsur peniruan dalam soal sebegini. Ia kita anggap sebagai pemindahan teknologi. Kalau pemindahan teknologi dianggap meniru, itu pada saya, inilah antara manusia-manusia seperti Yang Berhormat Shah Alam yang tidak diberikan petunjuk oleh Allah SWT. Matanya, hatinya terkunci mati.

■1210

Apabila manusia ini Tuan Yang di-Pertua, jiwa dia terkunci mati, maka hidup dia sentiasa dalam keraguan, dalam keadaan yang tidak menentu. Apa yang dibuat oleh seseorang itu baik dia nampak tidak baik. Jiwa dia kacau, tidak harmoni [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan, ini rujuk kepala berapa ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Setengah minit boleh.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Boleh? Setengah minit?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala mana ini, butiran mana ini Yang Berhormat Shah Alam?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya rasa penjenamaan yang sama itu hanya membuktikan bahawa otaknya sama. Dia kata *light mind, thinker light* dan apabila otak orang Barisan Nasional dan UMNO sama dengan yang Israel, kita naik risau. Ini merupakan satu perkara yang amat mencurigakan. Saya rasa ianya bukan atas sebab itu tetapi mungkin ada tindakan ciplak-menciplak. Mungkin atas sebab mempunyai penasihat yang sama.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat Shah Alam dengan, Yang Berhormat Shah Alam, sekejap. Hari itu kita sudah ada usul mengenai *1Malaysia 1Israel* ini. Jadi tidak payah diulang-ulang lagi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, ya. Saya tidak ulang lagi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam,.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak jawab tuduhan...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Itu ulang-ulang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Kononnya jiwa tidak tenang dan sebagainya. Saya rasa saya tenang, tidak payah saya pergi lari ke Siamkah, nak kahwin dan sebagainya [Ketawa] Ya, itu orang yang jiwa yang tak tenang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sama, sama.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kita relaks sahaja, tenang, *steady*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Shah Alam. Saya kena ulas sikit Tuan Yang di-Pertua. Dia kata otak pimpinan Malaysia sama dengan Israel. Tidak ada persamaan dia. Sebab di Malaysia, rakyat hidup harmoni, aman damai. Tidak ada bom sana, tidak ada bom sini. Yang menghuru-harakan rakyat, PASlah, PAS dengan pembangkang ini. Mereka buat demonstrasi versi I, II, III. Rakyat huru-hara, merana, pekerja-pekerja tidak boleh bekerja dengan tenteram, peniaga tidak boleh berniaga. Inilah yang menghuru-harakan. Sebab itu saya kata, pemikiran dia kacau, dia ingin mencetuskan huru-hara. UMNO dan Barisan tidak pernah pun mencetuskan huru-hara. Bahkan kita memelihara anak bangsa kita untuk mencapai kejayaan. Itulah dia UMNO sehingga hari ini, dulu, kini dan selamanya diberi mandat oleh rakyat di negara ini. Jadi...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada lagi?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, sikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Huru-hara kita tidak pernah timbulkan.

Seorang Ahli: Betul!

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang kita timbulkan ialah kesedaran rakyat dan rakyat faham [Tepuk] Tahukah Yang Berhormat Kinabatangan bahawa 51% lebih rakyat kita faham dan menolak Barisan Nasional? [Tepuk]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tak faham sebab kalau rakyat menolak, pemerintahan ini sudah beralih ke pihak pembangkang. Akan tetapi oleh sebab rakyat masih lagi memberi keyakinan dan kepercayaan kepada Barisan Nasional, maka kita berada di tampuk pemerintah yang memberi kemakmuran kepada rakyat. Itu sahaja jawapannya mudah.

Oleh sebab itu pada saya rakyat di bawah walau apa pun terjemahan daripada pembangkang dengan usaha-usaha yang bermacam-macam untuk menidakkan kepimpinan Barisan tetapi rakyat sudah bijak. Jadi lain kali pembangkang, jangan lagi ada mimpi di siang hari hendak ajak rakyat hendak merusuh, hendak memberontak, macam-macam sebab rakyat sudah bosan dengan keadaan begini, rakyat mahu maju ke hadapan. Bukan macam Yang Berhormat Shah Alam, dia mundur ke belakang...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak ada. Masa saya sudah tidak ada. Saya cuma ada 20 minit *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lagi lima minit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, tadi walaupun saya banyak perkara saya tidak sehaluan dengan Yang Berhormat Pokok Sena, tetapi berhubung dengan pengurusan Parlimen ini saya sehaluan dengan Yang Berhormat ini. Sebab saya nampak *progress* pembinaan Parlimen macam terlampau tidak ikut jadual. Jadi apa masalah dia? Apakah kerajaan salah melantik kontraktor ataupun ada masalah-masalah lain?

Kalau ada masalah, rasa saya kita sudah tersilaplah dalam keadaan begini sebab kita pun wakil-wakil rakyat pun hendak juga selesa. Bukan selesa apa, duduk dalam keadaan yang kondusif. Kita ini mewakili rakyat. Justeru itu, apabila mahu pilih rakyat, kita berada dalam keadaan terjamin. Ini kita dalam keadaan yang sebegini. Saya tidak tahu bila lagi Dewan Rakyat yang baru ini dapat disiapkan dan apakah usaha-usaha yang telah diambil untuk memastikan bahawa kerja-kerja pengurusan baik pulih Dewan Rakyat ini dapat disegerakan dan kita mahu jawapan yang pasti daripada pihak-pihak yang berwajib.

Saya juga melihat, menyentuh iaitu bagaimana pengurusan untuk memakmurkan rakyat. Memang saya tidak nafikan bahawa kerajaan telah berusaha dengan bersungguh-sungguh. Akan tetapi untuk memastikan bahawa perubahan kemiskinan itu memang sudah ada daripada 17% kepada 2% tetapi itu menyeluruh daripada seluruh negeri. Bagaimana kerajaan melihat bahawa kemiskinan itu dilihat dari daerah ke daerah atau parlimen ke parlimen. Saya mahu minta kerajaan supaya membuat satu data bank setiap Parlimen, berapa tahap kemiskinan dia, berapa jalan raya belum ada, berapa buah kampung belum ada api elektrik, berapa buah kampung belum ada air bersih, berapa buah kampung yang masih memerlukan perumahan. Sebab ini perlu.

Akan tetapi kalau kita melihat negeri, kalau pergi ke Kota Kinabalu naik kapal terbang, tengok Bandaraya Kota Kinabalu, mana ada orang miskin? Tidak ada. Akan tetapi kalau kita menjelajah ke kampung-kampung, sudah tentu kita dapat lihat bagaimana penderitaan rakyat orang kampung ini. Saya terus-terang kadang-kadang suara saya mungkin lebih daripada pembangkang. Baru-baru ini di Sabah, 16 September. Satu tarikh yang paling keramat iaitu Sabah dan Sarawak merdeka melalui Malaysia. Selama 50 tahun merdeka, takkan masih ada orang kampung tidak ada jalan, kampung tidak ada lampu, kampung tidak ada air tetapi dalam masa yang sama, mereka masih

setia kepada Barisan Nasional. *[Dewan riuh][Tepuk]* Inilah orang, inilah masyarakat yang mengenang budi.

Seorang Ahli: Budi apa tidak ada jalan? Budi apa tidak ada jalan, tidak ada air. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jalan ada. Akan tetapi, inilah pembangkang. Yang Berhormat Shah Alam tidak faham. Dia ingat Kinabatangan ini macam Shah Alam.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Minta laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Seratus kali Kinabatangan keluasan daripada Shah Alam *[Ketawa]*

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta maaf, saya teruskan dahulu sebab saya banyak poin hendak saya lontarkan kepada...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Sikit sahaja Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sikit boleh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang, sila.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Adakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju mengenai rakyat lagi miskin, lagi kuat sokong BN-UMNO? *[Ketawa]*

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Kinabatangan, sikit sahaja Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya sebetulnya tidak tahu petua dari kitab mana dia petik. Sebagai orang yang memegang kepada agama Islam, saya rasa Yang Berhormat tidak layak mengungkapkan perkataan sedemikian sebab bercanggah dengan hukum Islam. Kalau semua kebanyakan ustaz begini, lingkuplah umat Islam di seluruh dunia.

Ya, jadi oleh sebab itu pada saya, bukan saya kata rakyat miskin, dia akan terus miskin. Saya setuju kerajaan telah melakukan banyak perkara menurunkan kemiskinan. Akan tetapi apa yang saya maksudkan mewujudkan satu data bank setiap Parlimen. Kemudian baru kita boleh meneliti satu demi satu. Jangan mengikut negeri lagi. Kalau mengikut wilayah, akhirnya tahap kemiskinan apabila kita ukur di antara wilayah, bandar dan luar bandar, apabila bandar itu maju, maka majulah dia nampak. Jadi oleh sebab itu,

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri harus mengambil kira persoalan ini dan diterima pakai cadangan dari Kinabatangan untuk memastikan bahawa dalam lima tahun ini kita ada pencapaian NKRA dan mentransformasikan masyarakat luar bandar itu ke arah untuk mencapai kemajuan. Dengan adanya kemajuan yang kita capai...

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Yang Berhormat Kinabatangan, Sibuti, Sibuti.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Rasa saya, pembangkang tidak lagi boleh mengadu-domba ataupun melaga-lagakan..

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Sibuti, Sibuti, kawan-kawan..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Rakyat dengan pimpinan. Ya, sila, sila.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sibuti, lepas ini Yang Berhormat Kinabatangan gulung.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi, ini bermaksud tiap-tiap kementerian yang menjalankan tugas itu mesti pegawai-pegawai dia benar-benar turun ke padang untuk melihat apa yang ada di kawasan-kawasan Parlimen itu, baru kita mendapat *data base*, data-data yang betul. Adakah begitu Yang Berhormat?

■1220

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, saya setuju Yang Berhormat. Kalau boleh kerajaan melantik konsultan ke kawasan-kawasan yang difikirkan perlu untuk meninjau masalah-masalah sebegini. Kita bajet berbilion-bilion tetapi sasarannya tidak sampai. Kalau bajet ini diguna pakai dengan begitu baik rasa saya kita akan dapat membandarkan minda masyarakat itu. Membangun masyarakat bukan mudah tetapi saya rasa walaupun sukar kalau kita ada kesungguhan, kalau kita ada keinginan, ianya akan dapat kita lakukan.

Kalau tidak akhirnya, maka kita akan berada dalam tahap sebegini, tahun-tahun yang akan datang wakil rakyat luar bandar Sabah, Sarawak akan terus menyuarakan masalah yang sama, yang tidak selesai. Kita pun tidak tahu bila mahu selesai. Rakyat Sabah, saya dengar dia kata "*50 tahun merdeka lampu kampung-kampung saya tidak ada.*" Apa erti kemerdekaan? Kemerdekaan bermakna kebebasan. *[Dewan riuh]* Asal saya cakap kebebasan pembangkang macam kena renjat elektrik. Ini yang hairan. *[Ketawa]* Terutama sekali Yang Berhormat Shah Alam.

Jadi oleh kerana itu, pada saya dengan adanya transformasi, NKRA, penjenamaan baru, maka sudah tiba masanya kerajaan mengambil serius. Dua Timbalan Menteri Kewangan ada, Menteri Jabatan Perdana Menteri ada, ambillah cadangan ini, buatlah *database*, *databank* untuk kawasan Parlimen masing-masing, terutama sekali fokus Parlimen di luar bandar, yang pembangkang punya tidak apa, biarkan dahulu. Biarkan pembangkang menguruskan sebab dia kata dia sudah terlampau bijak, terlampau hebat.

Jadi, kalau dia bijak, dia aturlah rakyat yang dia janji terang bulan dia. Rakyat menunggu-nunggu tetapi tidak ada juga apa-apa kemajuan yang dibagi oleh pembangkang. '*Bulan jatuh ke riba*,' macam-macam dia janji tetapi tidak ada apa-apa. Langsung tidak ada saya hairan. Rakyat kadang-kadang boleh dipermainkan oleh pembangkang. Dia janji palsu tetapi dia masih tolong. Itu yang saya hairan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau rakyat miskin menyokong Barisan Nasional saya tidak hairan tetapi rakyat di bandar yang bijak pandai boleh diputar-belitkan oleh pembangkang. [*Dewan riuh*]

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tadi Yang Berhormat Kinabatangan kata tidak ada lampu, tidak ada elektrik.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh diperbodohkan oleh pembangkang, saya hairan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan gulunglah.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Beruas, satu minit.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [*Bangun*].

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh, ada lagi. Ya, saya punya gulungan ini panjang sedikit Tuan Yang di-Pertua. Memang begitu, sebab kawasan saya besar.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Setengah minit-setengah minit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, sila Yang Berhormat Gombak. [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak hendak berucap.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak, saya hendak berucap, saya tidak mahu tambah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Belum habis Yang Berhormat Gombak, sekejap. Sabar-sabar sedikit.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Beruas setengah minit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ha! Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih. Yang Berhormat Kinabatangan tadi dia mengaku tidak ada elektrik, tidak ada jalan. Ini bermaksud Barisan Nasional yang telah memperbodohkan orang-orang pedalaman bukan Pakatan Rakyat atau pembangkang. Itu bukan mengenang jasa kerana tidak buat apa-apa kepada mereka. Mereka ini tertipu. Setuju atau tidak? Sudah sampai masa untuk tukar kepada Pakatan Rakyat untuk mentadbir. Air, elektrik dan jalan akan sampai ke kampung.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat kalau dengar hujah saya...

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat minta laluan, dari Kota Kinabalu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap dahulu Yang Berhormat Kota Kinabalu, di Kota Kinabalu banyak pelarian ini.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Ini kawan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Apa yang saya katakan, kerajaan telah melakukan yang terbaik cuma untuk mengadakan semua ini memang memakan waktu yang panjang. Di Eropah 1,000 tahun dia pakai untuk membangun dan kita di sini, apa yang saya minta ialah kerajaan buat satu pendekatan baru. Cadangan yang baik daripada saya iaitu mewujudkan *databank* setiap Parlimen termasuk kawasan Timbalan Yang di-Pertua. Ini kerana kawasan dia juga di luar bandar.

Jadi dengan adanya sebegini, kalau terlalu memerlukan masa yang panjang, yang pembangkang punya biarkan dahulu sebab rakyat di sana sudah memilih untuk membangkang, biar, biar. Utamakan dahulu yang kita menang ini, 137 yang menang ini. Ini yang diutamakan. Inilah apa kita punya kekuatan di peringkat akar umbi.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa keselamatan ini merupakan satu keutamaan. Kelmarin saya tidak berkesempatan dalam soalan tambahan iaitu ESSZONE di kawasan Kinabatangan sebab kita diyakinkan oleh kerajaan bahawa kawasan di Pantai Timur Sabah ini selamat dan tidak akan lagi ada penceroboh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan ini ikut butiran, kepala berapa ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Suruhanjaya Keselamatan ESSZONE ini di bawah Jabatan Perdana Menteri. *[Ketawa]* Jadi oleh kerana itu, orang-

orang tua dahulu ada mengatakan pepatah Melayu menyebut “*Air yang tenang jangan sangka tidak berbuaya*”. Jangan kita leka hidup selesa tiba-tiba *intruder* ataupun penceroboh masuk dan dia tawan sebelah Sabah pula.

Jadi, perkara ini kita kenal pasti, mana-mana perumahan yang di atas air terutama sekali perairan Sandakan, perairan kawasan Kinabatangan harus diwujudkan pos-pos keselamatan. Kalaupun tidak ada unsur-unsur pemindahan sebab mungkin akan menelan belanja yang banyak tetapi harus ada unsur-unsur pos-pos keselamatan diwujudkan. Ini kerana mereka bimbang mereka tidak boleh ke laut, ada dengar sumber-sumber lanun mereka tidak boleh turun ke laut. Jadi ini penting, jangan lagi ada yang boleh menakutkan mereka. Kalau ada unsur-unsur menakutkan mereka akhirnya mereka tidak akan dapat menjalankan mencari nafkah dan juga rezeki mereka.

Kedua iaitu di Kinabatangan ini kawasannya luas, apa usaha kerajaan untuk mempertingkatkan keselamatan termasuk menambah pasukan keselamatan polis sebab terlalu sedikit. Kalau ada masalah di sebelah kuala, di sebelah hulu tidak akan dapat diselamatkan dan ini sudah berlaku. Saya harap pihak yang berwajib boleh mengambil tindakan dengan segera dan memikirkan soal keselamatan rakyat Malaysia di Sabah khususnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Gombak.

12.27 tgh.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada Butiran 050000 dan juga Butiran 420000 di bawah Jabatan Perdana Menteri. Yang pertama, saya ingin membawa perhatian Dewan kepada maksud B.9 berhubung peruntukan tambahan yang dicadangkan untuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berjumlah RM6.6 juta.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya jumlah yang diperuntukkan untuk SPRM pada pagi ini adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan usaha kerajaan untuk memerangi rasuah. Hanya dua hari yang lalu kita teliti kenyataan Perdana Menteri di San Francisco bahawa cita-cita beliau ialah untuk melihat masa depan tanpa rasuah. Persoalan saya, sekiranya inilah aspirasi Perdana Menteri, apakah peruntukan RM6.6 juta ini sudah cukup untuk memenuhi matlamat masa depan tanpa rasuah?

Bagi saya slogan dan retorika ini tidak cukup untuk memerangi rasuah. Ianya harus diterjemahkan dalam bentuk tindakan dan satu usaha yang menyeluruh bagi memastikan SPRM itu benar-benar menjadi satu badan yang wibawa dan bebas dan

dapat bertindak dalam usaha kita untuk memerangi rasuah. Oleh sebab itu bagi saya, usaha memerangi rasuah ini akan hanya dapat diselesaikan sekiranya masa depan negara ini tanpa UMNO dan Barisan Nasional.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai, sila.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya ingin membuat celahan sedikit kerana apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu amat penting sekali. Kita mendengar kenyataan daripada Perdana Menteri tentang masa depan tanpa rasuah. Adakah Yang Berhormat merasakan memandangkan prestasi terdahulu semasa Perhimpunan Agung UMNO, ada personaliti-personaliti pimpinan yang terpalit dengan kesalahan politik wang tetapi masih lagi diangkat sebagai pimpinan?

■1230

Bagaimanakah jikalau Timbalan Perdana Menteri sebagai Presiden UMNO yang akan mengekalkan atau cuba mengekalkan jawatan terus ialah tidak ada orang yang lawan, terus memastikan bila sesiapa saja terpalit dengan politik wang dalam Perhimpunan Agung UMNO yang akan berlangsung tidak akan dikompromi. Apa pendapat Yang Berhormat?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Lembah Pantai. Ada dua perkara. Pertama, masalah UMNO hari ini mereka tidak ada tokoh yang wibawa untuk dipilih. Sebab itu semalam...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak, bukan saya kata Tuan Yang di-Pertua. Semalam pejuang besar UMNO Tun Dr. Mahathir menyarankan supaya perwakilan UMNO ketepikan pemimpin-pemimpin lama yang bodoh, yang tidak cerdik. Jadi, bukan saya kata.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bangun][Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Jadi kalau perwakilan UMNO hendak meneliti pandangan ini dan kita serahkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak hendak bagi laluan tidak, hendak bagi laluan tidak. Hendak bagi laluan kepada Yang Berhormat Baling tak?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak, saya tidak bagi laluan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya hendak tegaskan sebab itu kita balik kepada butiran yang saya nyatakan tadi dalam usaha memerangi rasuah ini ianya adalah usaha bersama, bukan saja SPRM, bukan saja kerajaan, parti-parti politik tetapi seluruh rakyat itu harus digerakkan kesedaran mereka untuk melihat betapa pentingnya usaha perangi rasuah. Sebab itu saya ucapkan tahniah kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim yang baru-baru ini dengan berani dan tegas telah mengadakan dialog dengan Parti Keadilan Rakyat untuk melihat bagaimana SPRM dapat bersama-sama dengan parti-parti politik dan masyarakat dalam usaha kita untuk memerangi rasuah.

Ada sepuluh perwakilan daripada Keadilan yang hadir dan Tan Sri Abu Kassim sendiri telah mengetuai pasukan lebih daripada tiga puluh ketua-ketua jabatan SPRM untuk berdialog dan menilai usaha yang murni ini. Di antara perkara yang telah kita bincangkan dalam sesi tersebut ialah melihat bagaimana SPRM ini dapat diangkat menjadi satu badan yang benar-benar berwibawa. Hari ini Tuan Pengerusi, pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM mahupun pegawai-pegawai SPRM dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Sudah tentulah mekanisme pelantikan seperti ini tidak dapat menjamin kebebasan badan tersebut kerana mereka terikat dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam yang terletak bawah Jabatan Perdana Menteri.

Sehubungan itu, saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya SPRM ini diberikan satu peruntukan yang cukup munasabah bagi mereka membentuk suruhanjaya perkhidmatan mereka sendiri agar mereka dapat melantik dan memecat mana-mana pegawai di dalam SPRM dalam menjalankan tugas mereka. Maka kalau ini dilakukan, kalau SPRM diberikan kuasa dan peruntukan bagi membentuk suruhanjaya perkhidmatan maka pastinya badan ini lebih bebas dan tidak terikat dengan badan eksekutif.

Hari ini kalau, amalan hari ini ketua pesuruhjaya dilantik Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru bangun.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Maka kalau Perdana Menteri merasakan esok dia tidak senang dengan Ketua Pesuruhjaya SPRM, maka Perdana Menteri dan Kerajaan boleh sewenang-wenangnya memecat ketua pesuruhjaya

berkenaan. Di mana kebebasan yang kita harapkan dalam SPRM? Kita mahu supaya Suruhanjaya Perkhidmatan SPRM ini mempunyai bidang kuasa untuk *hire and fire*. Maknanya boleh melantik dan memecat dan saya mencadangkan supaya Ketua Pesuruhjaya SPRM ini dilantik mengikut perlembagaan dan bukan mengikut akta. Seperti kita lantik hakim, kita melantik Ketua Polis Negara, kita melantik Panglima Angkatan Tentera. Mereka ada suruhanjaya perkhidmatan mereka sendiri supaya elemen kebebasan dan ketelusan ini dapat terjamin dalam mengendalikan SPRM.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan supaya kuasa pendakwaan ini diberikan kepada SPRM. Hari ini kita melihat di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, seksyen 58. Memang benar SPRM sudah pun mempunyai kuasa pendakwaan di dalam akta yang tersebut. Kalau diizinkan saya ingin membaca sedikit Tuan Yang di-Pertua seksyen 58 di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat, minta laluan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Bharu bangun.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bercakap mengenai rasuah yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Gombak dengan begitu jelas tadi, baru-baru ini ada apabila berlakunya kenaikan harga minyak ataupun yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Kewangan, kurangnya subsidi bukan naik harga. Ramai orang memberikan reaksi termasuklah seorang tokoh yang ada dalam Dewan ini juga, bekas Menteri Kewangan negara kita mengatakan bahawa kenaikan harga minyak juga adalah berlaku disebabkan oleh berlakunya gejala rasuah di peringkat tertinggi.

Itu kata-kata yang dipetik daripada apa yang disebut oleh kalau saya boleh sebut namanya Yang Berhormat Gua Musang, bekas Menteri Kewangan dilaporkan dalam akhbar mengatakan bahawa kalau boleh saya baca dalam internet, beliau mengatakan bahawa ini menurut beliau "*amalan rasuah begitu berleluasa di peringkat tertinggi dan melibatkan jumlah wang yang banyak, akhirnya rakyat yang terpaksa menanggung beban akibat daripadanya*" tegas beliau.

Jadi kata-kata tokoh ini saya minta pandangan dan juga ulasan daripada Yang Berhormat Gombak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak minta gulung.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Awalnya Tuan Pengerusi.

Tuan Shamsul Iskandar @Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Minta laluan Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Dapat lama 20 minit.

Tuan Shamsul Iskandar @Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Minta laluan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [Bangun]

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi ialah soal perbelanjaan bagi SPRM dan kita semua sedia maklum kalau mengikut laporan *Transparency International* dari segi persepsi indeks, kita sekarang berada daripada tangga ke-54. Adakah Yang Berhormat mempunyai maklumat bahawa negara seperti Singapura yang persepsi indeks rasuahnya pada tangga yang kelima membelanjakan RM70 juta dalam belanjawan yang lalu untuk membanteras rasuah walhal kalau kita teliti perbelanjaan yang telah diluluskan bagi 2013 bagi tujuan ini di Malaysia hanyalah sekadar RM 45 juta? Mohon penjelasan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil dan juga Yang Berhormat Kota Bharu...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak, sikit.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih. Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Dalam maksud B.09 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPRM), di sini dia ada kata RM 3.6 juta itu untuk membiayai tuntutan elaun perjalanan dan sara hidup pegawai SPRM yang bertugas semasa PRU Ke-13. Kita juga tahu bahawa semasa PRU Ke-13 daripada Bersih Tribunal yang baru-baru ini diadakan, di merata tempat di mana ada unsur-unsur membeli undi yang berlaku di merata tempat di Malaysia terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar seperti kubu-kubu UMNO dan juga Sabah dan Sarawak. Ada berlaku ramai yang tampil ke depan, Orang Asli tampil ke depan, tuai rumah tampil ke depan kata Barisan Nasional memberi duit kepada untuk membeli undi.

Jadi kenapa saya dan juga di Pulau Pinang pun di mana ada kes *lucky bonus* di mana semua kalau boleh kawasan-kawasan yang Barisan Nasional menang, akan dapat duit daripada UMNO dan Barisan Nasional. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Gombak, kalau berlaku ini adakah ini disebabkan oleh SPRM tidak efektif atau kerana

unsur-unsur politik, tekanan daripada Barisan Nasional supaya mereka tidak menyiasat kes seperti ini? Sekian, terima kasih.

■1240

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekejap Yang Berhormat Gombak. Oleh kerana Yang Berhormat Gombak banyak bagi laluan dan pencelahan pun tidak rujuk kepada butiran dan ucapan Yang Berhormat Gombak, saya harap semua wakil rakyat Yang Berhormat sekalian beri kerjasama kepada kita balik kepada 'Kepala' dan Butiran.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak sudah ambil masa 15 minit.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Gombak.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: 15 minit.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Gombak bagi pencelahan sedikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bagi lagi jadi 20 minit.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Satu minit.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Satu minit. Apa pandangan Yang Berhormat Gombak mengenai kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin parti komunis di negara China mengenai inisiatif untuk *combat corruption*, dengan izin yang akan menyebabkan keretakan dalam parti. Manakala dalam Perhimpunan Agung UMNO yang lepas pada tahun lepas pemimpin UMNO asyik *went on a rampage*, dengan izin *on* Pakatan Rakyat *bashing*. Apa pendapat Yang Berhormat Gombak mengenai itu?

Kalau parti komunis...

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Minat UMNO masuklah UMNO.

Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Apa yang sibuk dalam UMNO.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Kalau parti komunis...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Kawan, baru lagi saya bagi penjelasan, nasihat kepada wakil rakyat berbalik kepada Butiran. *[Dewan riuh]* Sila, sila Yang Berhormat Gombak.

Seorang Ahli: Apa sibuk UMNO. Kita bukan sama.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Kalau parti komunis di negara China ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Kawan, duduk Yang Berhormat Batu Kawan. *[Dewan riuh]* Sila Yang Berhormat Gombak. *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tidak ada komitmen menangani rasuah di negara ini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Pengerusi...

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Dalam UMNO pun tidak ada, Malaysia pun tidak ada.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Baik. Sabar, sabar.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Apa yang dibangkitkan oleh teman-teman saya Yang Berhormat Kota Bharu, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Bayan Baru dan Yang Berhormat Batu Kawan menunjukkan bahawa SPRM itu perlu diperkasakan, diangkat sebagai satu institusi yang benar-benar wibawa. Tidak cukup sekadar persepsi indeks rasuah sahaja tetapi amalan dan tindakan dengan dana yang lebih besar. Sebab itu saya mulakan tadi dengan menegur jumlah 6.6 juta itu terlalu kecil jika dibandingkan dengan hasrat Dewan yang mulia ini untuk mengangkat martabat SPRM.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sokong, sokong.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Okey, terima kasih. Yang keduanya ,tadi saya sebut soal Suruhanjaya Perkhidmatan. Yang keduanya kuasa pendakwaan. Kalau mengikut seksyen 58, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, seksyen 58 memang sudah membenarkan SPRM untuk mendakwa tetapi malangnya Tuan Pengerusi ada satu lagi klausa iaitu seksyen 60 yang menyatakan walaupun SPRM dibenarkan untuk mendakwa tetapi mesti merujuk dan mendapatkan kebenaran dari Peguam Negara terlebih dahulu.

Jadi, bagi saya SPRM telah mengambil masa yang terlalu lama. Komitmen yang ditunjukkan oleh pegawai-pegawai berbulan, bertahun untuk menjalankan siasatan. Akan tetapi, bila diserahkan kertas siasatan kepada Peguam Negara, Peguam Negara secara

unilateral dengan kuasa mutlaknya menentukan sama ada kes ini mahu didakwa atau tidak. Maka, akhirnya persepsi dunia hari ini dan masyarakat negara ialah SPRM tidak membuat kerja.

Saya rasa tidak adil. Saya tidak bersetuju sebab bukan salah SPRM. Mereka telah memberikan komitmen yang besar, pegawainya bertanggungjawab, jalan siasatan berbulan dan bertahun tetapi kertas siasatan diserahkan kepada satu manusia bernama Peguam Negara dan dia dengan kuasa mutlak menentukan mana yang patut didakwa, mana yang tidak patut didakwa.

Akhirnya, persepsi masyarakat menyalahkan SPRM. Sebab itu, saya mencadangkan SPRM harus diberikan kuasa pendakwaan dan seksyen 58 dan seksyen 50 ini harus dipinda supaya kuasa pendakwaan itu diserahkan kepada SPRM dan kita bawa ke dalam mahkamah dan biarlah mahkamah menentukan. Maka, apa juga keputusan yang dibuat oleh mahkamah, maka SPRM boleh menilai sama ada pegawai-pegawai mereka mempunyai kompetensi dalam menjalankan siasatan sesuatu kes. Jadi, saya ingin menegaskan di sini supaya kuasa pendakwaan itu diberikan kepada SPRM bagi menjalankan tugas mereka dengan lebih efektif dan lebih berkesan lagi. Saya juga ingin mencadangkan

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak, sudah 20 minit. Lebih 10 minit.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Dua sahaja perkara lagi Tuan Pengerusi. Satu perkara yang perlu kita teliti semula ialah seksyen 23 SPRM di mana seksyen 23 SPRM ini ialah kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan. Apa yang dinyatakan dalam seksyen 23, jika seseorang yang memegang, menjawat sesuatu jawatan membuat keputusan yang memberi kepentingan kepada ahli keluarga mereka boleh dikenakan dan disabitkan kesalahan.

Akan tetapi menjadi amalan perasuah-perasuah besar dalam negara, bila ada kepentingan keluarga dan syarikat keluarga dan kerabat mereka, dia mengambil keputusan mengetahui ada seksyen 23, maka dia keluar daripada mesyuarat. Akan tetapi, sudah tentu dia telah mengarahkan sama ada menteri atau pun *Exco* kerajaan tersebut supaya "*Kamu perlu meluluskan permohonan tersebut*". Apa maknanya kita ada Seksyen 23 ini tetapi disalahgunakan di mana mereka yang terlibat akan keluar daripada mesyuarat dan permohonan tetap diluluskan. Akhirnya, kepentingan tetap sampai kepada ahli keluarga tersebut.

Inilah yang berlaku yang saya dimaklumkan di negeri Sarawak sehingga tidak boleh disentuh individu tertentu kerana amalannya ialah setiap kali permohonan

dikemukakan dalam mesyuarat kerajaan negeri, dia mengambil keputusan untuk keluar daripada mesyuarat supaya tidak boleh disabitkan dengan seksyen 23. Maka, saya mencadangkan seksyen 23 ini juga harus diperkemas supaya mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung mesti di bawa ke muka pengadilan.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya sebut tadi saya juga ingin menyentuh Butiran 420000 tentang Unit Penjenamaan Negara yang menelan belanja sehingga hari ini RM51 juta. Minta lagi tambahan RM21 juta. Ini bagi saya satu pembaziran. Kita hendak jenamakan negara di luar negara, kita ada duta. Kita ada Pesuruhjaya Tinggi sama ada di United Kingdom, di *United States of America*, di semua negara kita ada duta mereka. Salah satu peranan duta selain menjalin hubungan diplomatik di antara negara kita dengan negara yang berkenaan sudah tentulah untuk membawa imej yang baik, menjenamakan negara.

Mengapa perlu kita melantik konsultan dengan jumlah yang begitu besar untuk menjenamakan negara? Apakah kerajaan ingin memberikan mesej bahawa duta-duta telah gagal menjalankan tugas mereka? Mungkin salah satu sebab hari ini sudah menjadi trend kerajaan hari ini melantik duta di kalangan orang politik yang kalah dalam pilihan raya. *[Tepuk]* Sedangkan pegawai-pegawai di Wisma Putra...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Mencilah...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Yang ada pengalaman,

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...Yang ada penguasaan dan kemahiran untuk ...

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Abd Rahman Dahlan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan.

Dato' Abd Rahman Dahlan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Seorang Ahli: Menteri, Menteri.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Saya sebut duta dan pesuruhjaya. Ini Yang Berhormat Kota Belud Tuan Pengerusi sudahlah duduk kerusi salah. Dia duduk kerusi Yang Berhormat Mambong. Yang Berhormat Menteri tidak boleh menyampuk Tuan Pengerusi. *[Dewan riuh]* Minta penjelasan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya bagi laluan ya?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak apa, tidak apa.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gombak, saya sengaja berikan laluan pada Yang Berhormat Gombak supaya balik

Kepala perkara Butiran. Saya bagi satu minit sahaja lagi. Sudah 25 minit Yang Berhormat Gombak. Sebab kita hormat Yang Berhormat Gombak senior dalam pembangkang ini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cadangkan lantiklah duta dan pesuruhjaya di kalangan mereka yang ada kemahiran dan kompeten. Ramai pegawai-pegawai kanan di Kementerian Luar Negeri, Wisma Putra yang berkelayakan. Ini lantik orang politik yang sudah *bankrupt*, reput, tidak berani bertanding. Bagaimana ini berlaku? Jadi, saya harap jumlah peruntukan yang dipohon untuk penjenamaan ini harus diteliti semula kerana ianya satu pembaziran.

Beri sepenuh keyakinan dan kepercayaan kepada duta dan pesuruhjaya untuk menjalankan tugas mereka dengan baik dan saya percaya anggota pentadbiran awam hari ini dan pegawai-pegawai kerajaan dapat menjalankan tugas dengan baik tanpa campur tangan orang politik daripada UMNO dan Barisan Nasional. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1250

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya hendak tengok berapa orang lagi yang berminat JPM ini.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Oh, ramai. Ramai, lima minit sahajalah. 12. Saya ambil tindakan budi bicara saya, saya bagi Yang Berhormat Seremban untuk pembangkang. Lepas ini, 2.30 petang saya bagi Yang Berhormat Tuaran dan juga Yang Berhormat Pengerang. Sila Yang Berhormat Seremban. Yang lain boleh ada peluang. 10 minit.

12.50 tgh.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih banyak kepada Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang 12 orang tadi saya benarkan.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Okey. Saya hendak merujuk kepada B.9 – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang memerlukan tambahan sebanyak RM3 juta untuk menampung keperluan penambahbaikan SPRM di bawah program NKRA GTP 2.0.

Tuan Pengerusi, bagi saya walau berapa banyak pun peruntukan yang kita tambah kepada SPRM, SPRM tetap merupakan satu harimau tanpa gigi sehinggalah SPRM diberikan kuasa pendakwaan. Saya menyokong penuh saranan yang telah di bawa oleh Yang Berhormat Gombak tadi untuk memberikan kuasa pendakwaan kepada SPRM. Ini kerana apa pun kerja yang dibuat oleh SPRM sekiranya tidak ada pendakwaan terhadap orang-orang yang disiasat itu, maka tidak ada usaha untuk memerangi rasuah.

Saya hendak memberikan satu isu spesifik berkenaan dengan isu yang saya telah bawa beberapa tahun ini dalam Parlimen ini. Akan tetapi belum lagi diselesaikan iaitu satu isu yang melibatkan Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Mohd. Hassan. Dalam kesnya yang memindahkan RM10 juta secara haram melalui *money changer* perkhidmatan Selamat Ali Money Changer ke London pada tahun 2009.

Pada sesi yang lepas pada bulan Jun saya telah bertanya soalan kepada SPRM dan jawapan daripada SPRM mengatakan bahawa siasatan mereka telah selesai. Kertas siasatan telah diberikan kepada pihak Peguam Negara dan terpulang kepada pihak Peguam Negara untuk mengambil tindakan pendakwaan atau sebaliknya. Itulah yang saya katakan. Hujah yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Gombak tadi tepat sekali.

Walaupun bertahun-tahun siasat tetapi apabila kertas siasatan itu sampai ke Kamar Peguam Negara, hanya seorang sahaja iaitu Peguam Negara untuk menentukan sama ada pendakwaan akan diteruskan atau tidak. Saya *follow up* dengan satu lagi soalan kepada pihak Peguam Negara dengan meminta Perdana Menteri menyatakan mengapa Peguam Negara belum mengambil tindakan pendakwaan terhadap Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Mohd. Hassan dalam kes pemindahan RM10 juta secara haram ke London melalui perkhidmatan Selamat Ali Money Changer Sdn. Bhd. walaupun SPRM telah menyerahkan kertas siasatan pada 25 September 2013 iaitu semalam.

Jawapan yang saya terima daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Puan Hajah Nancy binti Shukri mengatakan bahawa Jabatan Peguam Negara telah meneliti hasil siasatan berkenaan kes ini. Wang RM10 juta tersebut didapati bukannya hasil perbuatan rasuah. Yang Berhormat Jelebu dengar ini. RM10 juta ini disahkan, memang ada RM10 juta ini telah dihantar ke London melalui *money changer*. Jawapan yang diberikan tidak menafikan bahawa wujudnya RM10 juta ini dihantar ke London melalui *money changer* iaitu melalui satu cara haram. Satu cara yang tidak mengikut undang-undang tetapi satu ayat oleh Peguam Negara mengatakan bahawa ini bukan hasilnya perbuatan rasuah.

Saya hendak tanya, RM10 juta ini kalau bukannya hasil perbuatan rasuah, hasil daripada mana? Hasil itu halal, haramkah, hasil daripada mana? Semua orang tahu elaun Menteri Besar satu bulan berapa. Yang Berhormat Arau pernah menjadi Menteri Besar. Elaun satu bulan berapa? RM30,000. Kalau RM30,000, satu tahun RM360,000. Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Mohd. Hassan menjadi Menteri Besar sejak tahun 2004, sehingga sekarang tidak sampai sepuluh tahun. Kalau tiap-tiap tahun RM360,000 sampai sekarang hasil halal beliau hanya RM3.6 juta kalau satu sen pun tidak pakai selama sepuluh tahun ini. Dia ada RM10 juta. Daripada mana hasil RM10 juta ini? Ada kawan yang minta saya tanya. Wang ini dia keluar daripada mana? Akaun mana? Akaun bank mana? Takkan Bank Negara tidak boleh siasat? RM10 juta itu sampai ke *money changer*, dihantar ke London dan yang teruk sekali ialah Jabatan Peguam Negara, mengikut jawapan yang diberikan, Jabatan Peguam Negara berpendapat lebih wajar tindakan diambil terhadap pengurup wang tersebut. *[Ketawa]*

Yang ada wang itu dia tidak ambil tindakan. Yang kirim wang itu tidak ambil tindakan. Yang jadi ejen untuk hantar wang itu dikenakan tindakan. Ini apa standard ini? *Selective prosecution*. Satu pendakwaan secara terpilih. Saya hendak tanya, RM10 juta ini datang daripada mana Yang Berhormat Arau? Minta jawapan nanti. Saya minta SPRM bagi tahu RM10 juta ini kalau bukan hasil rasuah, hasil apa? Main *share* kah, dia jadi pengarah syarikat kah?

Menteri besar tidak boleh jadi pengarah syarikat, tidak boleh ada kepentingan perdagangan, tidak boleh ada kepentingan perniagaan. Datang daripada mana RM10 juta ini? Dan mengapa hanya *money changer* sahaja yang dikenakan tindakan. Orang yang hantar wang itu tidak ada tindakan, tidak ada masalah. Jawapan seterusnya, perenggan kedua mengatakan bahawa tindakan yang sama juga diambil terhadap banyak lagi pengurup wang atas kesalahan yang sama dan lesen mereka telah ditarik balik setelah mereka dikenakan kompaun.

Pada tahun 2009, selain *money changer* yang bernama Selamat Ali Money Changer ini saya difahamkan saya melihat balik berita-berita pada ketika itu, ada lebih kurang 20 hingga 30 *money changer* yang telah dikenakan tindakan ditarik balik lesen mereka dan pada ketika itu Yang Berhormat Batu pun ada mendedahkan, bukan sahaja Menteri Besar Negeri Sembilan. Ada banyak lagi ramai VVIP yang menggunakan *money changer* untuk menghantar berjuta-juta ringgit ke London, ke New York dan sebagainya tetapi tidak pernah dikenakan tindakan. Adakah kita menghalalkan cara penghantaran wang secara haram ini?

Saya hendak satu jawapan daripada pihak kerajaan mengapa ada pendakwaan secara terpilih ini. Adakah orang-orang UMNO, pemimpin-pemimpin besar UMNO ada kekebalan dari undang-undang? Dilindungi walaupun dibuktikan bahawa ada kes penghantaran secara haram tetapi tidak dikenakan tindakan. Bagaimanakah rakyat Malaysia ada keyakinan terhadap usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan kita hendak mewujudkan Malaysia sebuah negara yang bebas rasuah. Apa ini Yang Berhormat Kota Belud? Pening kepala?

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Butiran?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Butiran SPRM, SPRM. Saya sudah kata tadi. Tuan Pengerusi saya sudah kata B.9 – SPRM. Ini berkaitan dengan SPRM kerana ini adalah berkenaan perang terhadap rasuah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini mengatakan bahawa kita hendak menjadikan rasuah itu perkara silam, perkara yang tidak akan berlaku lagi. Kita mahu kerajaan bersih tetapi bagaimana kita dapat meyakinkan rakyat Malaysia bahawa ini adalah serius sekiranya seorang pemimpin besar UMNO yang telah hantar RM10 juta itu tidak dikenakan tindakan.

Jawab, kerana kita rasa ini adalah satu kes yang begitu terang-terangan sekali *selective prosecution*. Tidak ada tindakan terhadap pemimpin ini. Kita hendak tahu kerana saya hendak harap persepsi terhadap SPRM ini dapat dikembalikan. Saya bukan menyalahkan SPRM. SPRM pernah mengatakan bahawa mereka telah siasat. Mereka rasa ada kes dan kertas siasatan itu dihantar kepada Peguam Negara.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Seremban mengenai pelantikan Peguam Negara mengikut Perlembagaan Negara kita. Mengikut Perkara 145, Perlembagaan Persekutuan, Fasal 1 - Yang di-Pertuan Agong hendaklah atas nasihat Perdana Menteri melantik seorang yang layak menjadi Hakim Mahkamah Persekutuan sebagai Peguam Negara bagi Persekutuan. Itu peruntukan 145, fasal 1, Perlembagaan Persekutuan.

Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Seremban oleh kerana Peguam Negara dalam negara kita ini dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri iaitu ketua kepada parti yang memerintah di dalam negara kita ini. Adakah ada kemungkinan apabila seorang itu dilantik menjadi Perdana Menteri atas *recommendation* daripada satu orang, semasa dia menjalankan tugasnya, menjalankan kuasanya di bawah perlembagaan ini, dia terpengaruh ataupun diatur, diberikan panduan oleh orang yang memberikan *recommendation* itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, satu minit.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan habiskan. Itulah kita katakan tadi. Saya menyokong saranan daripada Yang Berhormat Gombak kerana kita tidak boleh meletakkan tanggungjawab untuk pendakwaan terletak kepada satu orang manusia sahaja iaitu Peguam Negara. Sepatutnya itu patut diberikan kepada institusi SPRM itu perlu ada satu kuasa pendakwaan dan bukannya bagi kepada Pesuruhjaya SPRM sahaja. Perlu ada satu badan. Jawatankuasa Parlimen terhadap rasuah juga telah membuat cadangan supaya SPRM diberi kuasa pendakwaan tetapi ini tidak *follow up* oleh kerajaan. Tidak ada komitmen daripada kerajaan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seremban.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Malah jawapan daripada kerajaan telah mengatakan...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pukul satu Yang Berhormat Seremban.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: ...Mereka tidak bersedia. Yang terakhir sekali Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tidak ada kuasa untuk tambah.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Sedikit sahaja, habiskan ayat ini. Saya berharap SPRM memberikan jawapan, apakah hasil siasatan ini terhadap kes Menteri Besar Negeri Sembilan ini. Bagi jawapan itu supaya rakyat tahu sama ada SPRM telah menjalankan tanggungjawab dan hanya kerana Peguam Negara tidak mengambil tindakan pendakwaan ke atas beliau. Saya harap jawapan ini dapat diberikan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Mesyuarat bersidang dalam Majlis.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan persidangan kita jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)

mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya saya jemput Yang Berhormat Tuaran. Lepas Yang Berhormat Tuaran Yang Berhormat Pengerang ya, 10 minit ya.

2.32 ptg.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas bagi Maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri Butiran 0100000 – Pentadbiran Am yang melibatkan perbelanjaan sebanyak lebih kurang RM430 juta. Dalam hal ini Tuan Pengerusi, perbelanjaan agak besar juga dan tentu sekali perbelanjaan ini juga melibatkan mentadbir pelbagai perkhidmatan di Jabatan Perdana Menteri. Termasuklah hal-hal pelaksanaan prasarana di luar bandar seperti jalan raya dan sebagainya seperti mana yang dilaksanakan oleh Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (ICU). Dalam hal ini saya ingin bertanya pada pihak Jabatan Perdana Menteri kenapakah terlalu banyak agensi-agensi yang terlibat dalam pelaksanaan projek-projek seperti Projek Kecil Luar Bandar yang melibatkan penyelenggaraan dan pelaksanaan jalan.

Sebagai contoh Kementerian Kemajuan Luar Bandar juga melaksanakan perkara ini dan ada juga yang dilaksanakan oleh agensi-agensi lain. Saya ingin mencadangkan supaya kesemua agensi yang terlibat dalam pelaksanaan Projek Kecil Luar Bandar khususnya dalam jalan raya dapat disatukan. Supaya Tuan Pengerusi dapatlah nanti kerajaan memantau seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat daripada Kinabatangan. Saya bersetuju dengan beliau supaya diadakan pangkalan data di semua kawasan Parlimen tentang keperluan-keperluan asas kita dan selepas itu disatukan pelaksanaannya. Orang yang bertanggungjawab untuk meluluskan peruntukan-peruntukan untuk penyelesaiannya dan sebagainya dan bukan dalam keadaan seperti sekarang ini di mana pelbagai kementerian pun terlibat tiada penyelarasan.

Saya juga amat prihatin tentang satu keadaan dalam negeri Sabah dalam hal jalan raya iaitu soal penyelenggaraan jalan raya yang di bawah majlis-majlis daerah. Saya difahamkan peruntukan untuk kerja ini juga daripada Jabatan Perdana Menteri daripada Kementerian Kewangan dan disalurkan terus kepada Kementerian Kewangan Negeri. Apabila kita lihat dari segi pelaksanaan dan dari segi pencapaiannya amatlah

menyedihkan dan ramai banyak rungutan disampaikan oleh penduduk kampung, sebab sepatutnya di selenggara sekali dalam setahun tetapi kadang-kadang kita nampak satu pun tiada penyelenggaraan. Akibatnya jalan berlubang-lubang dan sebagainya sedangkan kita difahamkan ada diperuntukkan sehingga sampai RM300 juta hingga RM400 juta setiap tahun untuk tujuan ini.

Tuan Pengerusi saya beralih ke Butiran 7, Jabatan Perkhidmatan Awam bagi Butiran 030000 – Pentadbiran Sumber Manusia. Dalam hal ini melibatkan peruntukan hampir RM1 bilion dan tentu sekali dalam peruntukan ini melibatkan juga apa yang saya telah bangkitkan dalam ucapan penangguhan iaitu Elaun Perumahan Wilayah dan Imbuhan Tetap Perumahan. Dalam hal ini saya ingin tahu, berapa sebenarnya bilangan kakitangan daripada Sarawak dan dari Semenanjung yang berkhidmat di negeri Sabah? Berapa jumlah yang terlibat dalam hal ini dan begitu juga sebaliknya kakitangan daripada Sabah yang berkhidmat di Semenanjung dan berapa yang terlibat? Saya memohon penjelasan dalam perkara ini sebab kita boleh kurangkan perbelanjaan ini. Jika sekiranya kakitangan daripada negeri Sabah dinaikkan pangkat dan diletakkan di Sabah berkhidmat di Sabah tidak perlu diangkut dari Semenanjung, supaya kita dapat kurangkan, kurangkan perbelanjaan dalam Elaun Perumahan Wilayah tadi. Begitu juga tidak perlu yang Sabah datang ke sini supaya kita dapat kurangkan perbelanjaannya dan sebaliknya begitu juga di Sarawak.

Saya juga dalam kesempatan ini mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pertama kalinya negeri Sabah diberi enam orang Menteri mengetuai kementerian. Akan tetapi di sebaliknya sehingga pada hari ini kita setelah membentuk Malaysia hampir 50 tahun belum pernah seorang pun anak kelahiran Sabah yang telah menjawat jawatan KSU dalam mana-mana kementerian. Jadi ini satu cabaran kepada enam orang Menteri daripada Sabah kali ini. Apakah mereka dapat mengangkat sekurang-kurangnya satu orang KSU? Dari negeri Sarawak pernah di Kementerian Perladangan dan Komoditi pernah seorang daripada Sarawak sebagai KSU tetapi dari negeri Sabah belum pernah.

Dalam hal ini juga dalam hal perkhidmatan awam ini sering dibangkitkan di Sabah terutama sekali pihak pembangkang dan mengaitkannya dalam Perkara 20 dan sebagainya. Walaupun memang kita telah mencapai begitu tinggi dari segi bilangan anak-anak Sabah yang mengetuai sebagai Pengarah. Sama ada jabatan-jabatan ataupun Agensi Persekutuan Negeri Sabah tetapi ini masih boleh dipertingkatkan. Kita boleh ditingkatkan bukan sahaja kerana hak dari segi pentadbiran, dari segi apa yang telah dipersetujui tetapi akhirnya dari segi kewangan seperti mana saya nyatakan tadi.

Perbezaan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam jawapan ucapan penangguhan saya tidak menyebut tentang adanya elemen insentif bagi kakitangan daripada Semenanjung untuk berkhidmat di negeri Sabah dengan elaun perumahan itu yang lebih tinggi. Kalau yang berijazah RM930 berbanding yang daripada Sabah baru RM250 di sini. Tentu sekali ada dia punya insentif di situ.

Perkara ini saya ingat setelah 50 tahun membina negara ini saya ingat perkara ini kita boleh kurangkan dari segi perbelanjaan. Pada masa yang sama rakyat di negeri Sabah dan Sarawak juga merasakan bahawa mereka sudah mampu bersama-sama mengambil peranan mentadbir negara ini bersama dengan rakan-rakan lain.

Tuan Pengerusi saya juga ingin mengambil kesempatan ini seperti juga Yang Berhormat Kinabatangan dalam hal Parlimen ini. Dalam hal Parlimen ini kalau kita lihat kita sudah di Dewan yang mulia ini, Dewan Rakyat dan Dewan Negara pun bersidang di tempat yang sama. Apabila kita lihat di bangunan utama di sana sepatutnya kontraktor sedang bekerja tetapi kita tidak nampak.

■1440

Kita betul-betul mohon penjelasan, berapakah peruntukan yang terlibat dan apakah pencapaian kontraktornya dan sebagainya sebab saya ingat ini juga memperlihatkan kecekapan sistem penyampaian kita. Saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Pengerang, sila.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada yang pertamanya Butiran 6 – Jabatan Perdana Menteri. Pertama sekali saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menjadi atau pun boleh dianggap sebagai satu-satunya calang pemimpin di dunia yang melihat penting dan wajibnya memberi sokongan dan melihat kejayaan bagi syarikat-syarikat internat antarabangsa seperti *Google*, *Facebook* dan *Twitter*. Jadi, saya dimaklumkan Perdana Menteri kitalah antara Perdana Menteri yang pertama di dunia yang begitu peka kepada isu-isu teknologi. Jadi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat.

Keduanya, dalam aspek unit penjenamaan negara. Sahabat-sahabat pembangkang kita banyak mempersoalkan. Bagi saya, mungkin kita mempersoalkan sebab mungkin kita cemburu kepada kebijaksanaan Perdana Menteri untuk mewujudkan unit-unit ini. Walau bagaimanapun, bagi saya unit ini tidak salah dan mungkin yang boleh saya cadangkan untuk memberi keyakinan dan kepastian unit ini kepada wakil-wakil

rakyat pembangkang itu, mungkin unit ini boleh mewujudkan satu kerjasama bukan sahaja daripada unit itu sendiri tetapi dengan contohnya *Tourism Malaysia* kerjasama bersama dengan wakil-wakil daripada MITI ataupun juga bekerjasama dengan elemen-elemen yang dapat mempromosikan negara.

Kalau kita lihat Unit Penjenamaan Negara ini, aspek kita mempromosi negara kita ini satu pendekatan yang penting. Kita tidak mahu hanya melihat Malaysia ini sebagai negara yang berjaya membawa pelancong, tetapi kita juga kita mahu melihat Malaysia ini sebagai sebuah negara yang dilihat antara negara yang begitu berjaya mewujudkan aman damai dan juga sebuah negara yang memang banyak orang-orang luar hendak datang ke negara kita.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, saya lihat dalam aspek Butiran 6 ini dan saya mencadangkan dalam aspek ini perlu kita mewujudkan Unit Penjenamaan Negara ini ke peringkat negeri-negeri. Mungkin kalau kita lihat di peringkat negeri, negeri-negeri contohnya negeri Johor, negeri Perak, negeri Pahang dan negeri-negeri yang ada pada hari ini, banyak pembangunan-pembangunan wilayah negeri ini telah diwujudkan. Contohnya di negeri Johor, kita mempunyai agensi-agensi seperti Iskandar dan juga bermacam-macam-macam agensi yang wujud di peringkat negeri-negeri di Pahang, di Kelantan, di Terengganu, di Kedah dan di utara.

Jadi bererti dari aspek memperkasakan ekonomi, bukan sahaja peringkat ekonomi tempatan ataupun peringkat ekonomi antarabangsa tetapi unit-unit ini, Iskandar sebagai contoh membawa dan dapat menjenamakan kejayaan bukan sahaja negeri Johor tetapi juga Malaysia secara menyeluruh kepada dunia. Siapa sangka kita boleh ada Legoland di negeri Johor? Kita ada pula Johor Premium Outlet, macam-macam. Kalau kita lihat di negeri-negeri yang lain, inilah yang hendak kita wujudkan. Bagi saya, Unit Penjenamaan Negara ini sebagai satu unit yang begitu boleh dikatakan sebagai satu langkah inovasi yang berjaya.

Saya juga hendak menyebut pada Butiran 45 – Kementerian Belia dan Sukan. Saya ucap tahniah kepada kementerian kerana memperkasakan dan meneruskan Sukan Malaysia (SUKMA) bagi negeri Perlis tahun 2014. Akan tetapi saya hendak tegur dua perkara. Pertama sekali, kita tidak boleh terlampau ghairah untuk mewujudkan sukan-sukan yang besar sahaja. Sukan Malaysia ini memang, suka tidak suka memang dapat mengeluarkan bakal-bakal atlet bagi negara. Akan tetapi yang kita hendakkan dengan izin, *supply* iaitu keluaran atlet. Itu sebabnya saya hendak mencadangkan kepada kementerian, kita mesti mewujudkan semula KSK iaitu Kelab Sukan Komuniti.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Dipersilakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Machang, sila.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pengerang. Tadi Yang Berhormat Pengerang ada menyebutkan tentang Unit Penjenamaan Negara. Bagi saya, ianya tidak lain tidak bukan untuk memartabatkan negara kita Malaysia di peringkat antarabangsa yang mana bertujuan antara lain untuk menarik pelabur pelancong yang akan membuka ruangan rezeki kepada rakyat di dalam negara ini.

Akan tetapi dalam masa yang sama, apakah pandangan Yang Berhormat Pengerang di kalangan pemimpin-pemimpin pembangkang dalam negara kita yang telah mengembara ke luar negara dengan memburuk-burukkan nama negara yang juga sekali gus telah meletakkan seolah-olah negara kita ini tidak berada pada tahap keselamatan dan juga antara tempat yang merupakan seolah-olah negara yang tidak patut dikunjungi. Apa pendapat Yang Berhormat Pengerang? Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Machang. Mereka bukan sahaja memburukkan negara kita, tetapi juga adanya langkah-langkah...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Dengan izin, langkah-langkah untuk mewujudkan seolah-olah kepimpinan negara kita ini kepimpinan yang tidak baik, kepimpinan yang jahat. Akan tetapi inilah yang berlaku apabila orang itu lemah, manipulasi mereka ini dalam negara tidak berjaya, kalah pilihan raya, dia cuba pula di luar negara. Silakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta sedikit penjelasan kerana saya rasa perbincangan ini adalah dari B.1 sampai B.9 bukan?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: B.45 itu Kementerian Belia dan Sukan belum masuk lagi bukan?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Belum, belum.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Pengerang.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Kulai tetapi ialah kita ini orang Pengerang. Walau bagaimanapun orang hujung, kadang-kadang kita ke hadapan. Saya sebenarnya saya boleh jawab aspek ini tetapi kalau kita lihat bila bercakap tentang negara kita secara umum, saya melihat bahawa bila kita lihat dari segi perbelanjaan tambahan setiap tahun di Parlimen ini sama ada wakil rakyat kita yang baru atau pun lama, suka atau tidak suka memang kita boleh lihat bahawa ini adalah kerajaan yang bertanggungjawab.

Akan tetapi saya hendak tegur juga pada satu aspek itu iaitu B.1 iaitu Parlimen. Saya agak terperanjat jugalah, saya pergi ke klinik di belakang ini Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat pun saya agak terperanjatlah. Ia bukannya saya kata klinik ini tidak diperlukan, tetapi wakil rakyat-wakil rakyat di sini semuanya bukanlah muda-muda dan bukannya sihat-sihat belaka. Kalau sakit jantungkah dan macam-macam. Saya dengar di belakang klinik itu banyak yang tidak mencukupi. Itu sebabnya bagi saya, walaupun kita membuatkan permohonan tambahan sebanyak RM137,000, bagi saya kita mesti mempunyai dengan izin, kebijaksanaan. Ini kerana suka atau tidak suka, kita sebagai Ahli Parlimen ini boleh dilihat sebagai tiga elemen yang mewujudkan sistem demokrasi dalam negara iaitu dengan izin *judiciary, executive and legalities*.

Jadi maknanya dengan izin, kita Parlimen ini adalah antara badan yang paling tinggi. Saya ucap terima kasihlah kepada FELDA sebab dia hendak beri makan kepada beberapa orang wakil rakyat. Akan tetapi sepatutnya dalam hal ini saya lihat kewujudan Ahli-ahli Parlimen di dalam kawasan Parlimen, hendak katakan menaiktarafkan bangunan Parlimen ini, ini mesti menjadi satu tanggungjawab yang begitu besar untuk ditentukan dapat dilaksanakan. Ini kerana kadang-kadang bila rakyat kita turun ke Parlimen ini, nanti dia lihat keadaan Parlimen kita macam ini. Ada doktor pun barang-barang hendak menjaga kesihatan pun tidak mencukupi, nanti ada pula yang mengatakan bahawa Parlimen kita ini macam tidak ada standard dengan izin.

Saya juga hendak sebut pada Butiran 9 berkenaan dengan SPRM. Saya bila dengar perbahasan daripada Ahli Parlimen daripada Seremban tadi, beria-ialah dia cakap. Saya pun fuh! Kalau saya tidak tahu undang-undang, saya betul-betul memang percaya dekat dialah sebab inilah cara dia. Bila dia dalam Dewan dia bercakap, tidak apa dia bercakap. Akan tetapi kadang-kadang luar Dewan dia bercakap benda yg sama. Dia berkata bahawa tindakan tidak dibuat, kononnya SPRM hendak laksanakan pun tidak

mampu, macam-macam yang dicakapkan. Bagi saya dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, kita kena profesionallah.

Saya kadang-kadang rasa terkilannya bila ada antara sahabat-sahabat mereka, bila dikenakan tindakan undang-undang didapati tidak bersalah, dia kata sistem itu sistem hebat. Akan tetapi bila siasatan dan tindakan dilakukan kepada ahli-ahli Barisan Nasional tidak kesahlah UMNOkah, MICkah, MCAkah atau Gerakankah, semuanya tidak betul. Hakim tipu, pendakwa ambil duit dan macam-macam yang dituduh. Jadi seolah-olahnya bila pada hak dia berlaku, dialah terbaik, hakim terbaik, pendakwa raya terbaik dan peguam terbaik.

Akan tetapi bila berlaku pada dia, semua boleh tetapi bila adanya imej kepada kerajaan, Barisan Nasional ataupun pemimpin-pemimpin dalam komponen parti, siasatan pun salah, pendakwaan pun salah dan keputusan pun salah. Jadi bagi saya, tidak bolehlah *double standard*, dengan izin. Kita sebagai mereka yang menghormati undang-undang, kita suka atau tidak suka mesti berpegang kepada konsep dengan izin *innocent until proven guilty*. Ya, mereka boleh disiasat. Ya, mereka boleh didakwa. Kadang-kadang walaupun dia didakwa, dia masih boleh merayu.

■1450

Ini lah proses yang disebut sebagai proses keadilan. Akan tetapi tidak boleh lah, belum lagi dalam proses siasat dan macam-macam hendak buat sudah tuduh. Saya dengar tadi Yang Berhormat Seremban tadi itu saya pun, kalau saya bukan peguam Tuan Pengerusi, saya sendirilah marah, betul, saya setuju betul cara dia bercakap. Beria-ria dia cakap sedap mulut sahaja tetapi bagi saya jangan lah macam itu, kita mesti mempunyai - ya memang kita parti politik yang berlainan tetapi yang penting kita mesti meletakkan keutamaan kita kepada rakyat kita.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jelebu bangun.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang, terima kasih Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seremban sebentar tadi, jelas di bawah SPR itu. Jadi perkara yang dibangkitkan itu pertama sekali orang yang didakwa disebut itu tidak ada dalam Dewan ini, berkali-kali di sebut. Jadi saya melihat perkara yang dibangkitkan itu mungkin nanti Yang Berhormat Pengerang boleh membantu atau menjelaskan, cuba dipolitikkan, cuba mengaitkan soal transaksi RM10 juta terhadap kesalahan di bawah perkara berkaitan dengan rasuah dengan hukuman terhadap *money changer* berkenaan.

Jadi dia cuba mengaitkan dengan dua perkara yang berbeza yang didakwa RM10 juta itu *AG Chambers* mendapati bahawa tidak ada perlakuan rasuah di situ. Sebab itu tidak didakwa Menteri Besar Negeri Sembilan itu. Itu isunya, tetapi dikatakan *AG Chambers* melakukan pendakwaan terpilih dikaitkan dengan pendakwaan terhadap *money changer* itu atau pengurup wang itu dalam kes itu.

Jadi pengurup wang ini melakukan kesalahan di bawah Akta Bank Negara. Tidak ada kaitan dengan kesalahan jenayah atau pun rasuah yang cuba dikaitkan dengan Menteri Besar itu. Sebab sumber yang Menteri Besar ada itu bukan daripada pendapatan rasuah tetapi dia cuba mengelirukan dan *politicizekan* isu ini kenapa *money changer* dihukum dan orang membuat transaksi itu tidak di hukum. Sedangkan dua isu itu perkara yang berbeza. Saya minta Yang Berhormat Pengerang mungkin boleh membantu menjelaskan isu ini. Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Inilah yang saya katakan bila siasatan dilakukan kepada pemimpin politik Barisan Nasional minyak wangi pun dia katanya busuk. Jadi dalam hal ini macam mana kita hendak cakap? Semalam pun seperti yang kata Tuan Pengerusi mempergunakan Dewan untuk, sebab mereka. Contohnya ialah kita ini ada kerja macam-macam, ada pula yang jadi peguam, dia hendak dapatkan anak guam, dia masuk Dewan dan tunjuk macamlah dia seorang yang hendak jadi terbaik dalam dunia atau pun dalam Malaysia. Itu sebab kadang-kadang saya pun geli hati lah bila kita minta sesiapa yang bercakap kononnya mereka ini hendak memperjuangkan yang terbaik untuk rakyat, bila kita persoal dia, dia tidak mahu jawab. Mereka menggunakan Dewan ini sebagai satu platform supaya dapat melarikan diri daripada menjawab di luar daripada Dewan.

Memang kita dalam Dewan ini, kita ini mendapat perlindungan, perlindungan di mana kita boleh cakap apa sahaja yang kita hendak cakap. Kita tahu juga dengan sistem teknologi hari ini Tuan Pengerusi, apa yang kita cakap hari ini pun akan keluar dalam masa ini. Saya cakap ini sudah keluar sudah ini. Macam-macam dia akan kata kita cakap. Kalau rakyat yang tidak begitu faham, dia dengar ini, "*Oh dalam Dewan bercakap ini, betullah itu*". Sebab Dewan ini tempat yang paling tinggi. Sebenarnya kita sendiri mesti menghormati sistem undang-undang, sebelum kes itu dapat diselesaikan kita mesti memberi penghormatan kepada agensi yang bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pengerang gulung.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Jadi kalau itu Tuan Pengerusi, saya hendak mengatakan di sini sekali lagi. Saya kadang-kadang tengok

kalau lah busuk sangat lah, jahat sangat lah Kerajaan Barisan Nasional, kita ini tidak duduk dengan aman damai. Tidak percaya cakap saya tengok lah mereka-mereka rakyat kita, hari ini kata laporan antara masalah paling besar rakyat kita ialah kegemukan, banyak sangat makan. Kenapa kegemukan? Bukan Yang Berhormat Pendang ya, Yang Berhormat Pendang sihat. Kenapa kegemukan? Kegemukan sebab hidup dalam keadaan aman, selamat. Hendak makan roti canai boleh, nasi lemak boleh, hendak buat apa pun boleh. Mahu kahwin satu boleh, dua boleh, tiga boleh, buat apa yang dia suka buat. Apa yang zalim sangat kerajaan ini? Apa yang jahat sangat kerajaan? Mutaah pun boleh. Selepas itu hendak buat muka pun boleh, hendak buat badan pun boleh. Saya tidak perlu, saya terlampau sihat.

Akan tetapi inilah negara demokrasi. Kalau jahat sangat lah Barisan Nasional ini Tuan Pengerusi, takkan lah kerajaan pembangkang negeri Selangor, negeri Pulau Pinang, negeri Kelantan boleh mendapat dan memajukan ekonomi negeri mereka, macam-macam mereka dapat. Berdiri sebelah Sultan, berdiri di sebelah Speaker, dapat Datuk, dapat Dato' Sri, macam-macam dapat tetapi bila pilihan raya, kita menang dekat negeri, dia kata kita tipu. Dia menang, dia tidak tipu. Itu saya tidak mahu cakaplah. Akan tetapi saya cakap seperti Yang Berhormat Seremban cakap, jangan kita membuat tuduhan sehinggalah habis penyelesaian. Kalau agensi itu tidak mahu bertindak, mereka ini ramai peguam buat lah tindakan dekat luar saman lah agensi itu sampai kiamat. Akan tetapi janganlah sebabnya kita Barisan Nasional minyak wangi pun busuk. Pembangkang ini dia kentut tidak berbau. Saya menyokong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Yang Berhormat Lumut.

2.56 ptg.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin membawa perhatian Ahli mesyuarat sekalian ke muka surat 14 dan 15 iaitu maksud B.60 Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini belum masuk lagi. Kita masuk B.1, B.6, B.7, B.9.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Okey minta maaf tarik balik. Cepat sangat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey wanita kita bagi. Sila Kulai.

2.56 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Beberapa perkara, satu B.1 Parlimen. Saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat Pengerang bahawa Parlimen memang lah satu institusi tertinggi di dalam negara kita. Jadi di sini pada mulanya saya juga ingin lah ucap tahniah dan juga syabas kepada Parlimen kerana mewujudkan satu bilik laktasi untuk lah bukan sahaja Ahli Parlimen wanita tetapi juga untuk juga kakitangan wanita dan juga wartawan-wartawan wanita yang bertugas di Parlimen semasa sidang Parlimen. Jadi di sini saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih dan juga tahniah dan syabas. Saya rasa tahun depan saya akan gunalah fasiliti ini juga.

Akan tetapi saya rasa walau pun begitu, saya juga ada teguran sedikit. Satu adalah saya rasa ini memanglah zaman bahawa kita hendak memperdayakan wanita kita supaya mereka boleh meningkatkan lagi tenaga kerja untuk wanita. Akan tetapi sampai sekarang walau pun ini sudah menjadi satu hasrat untuk Kementerian Wanita untuk lah mewujudkan taska di sektor awam dan sektor swasta tetapi sampai hari ini di Parlimen kami masih tidak ada fasiliti sebegini.

Jadi saya harap bahawa pada masa yang akan datang sebuah taska bolehlah diwujudkan untuk bukan sebenar untuk Ahli-ahli Parlimen kerana kita hanya datang ke Parlimen lebih kurang 100 hari dalam satu tahun untuk bersidang. Akan tetapi untuklah penjawat-penjawat awam supaya mereka boleh bawa anak mereka ke Parlimen supaya mereka boleh semasa waktu rehat pergi tengok anak mereka. Itu teguran pertama.

Teguran atau permintaan yang kedua adalah tentang internet. Saya rasa di sini kita mintalah satu bajet tambahan sebanyak RM1.3 juta. Ini bukan satu angka yang sangat besar tetapi juga bakal satu angka yang kecil. Akan tetapi saya rasa sejak lah hari Isnin saya balik ke Parlimen ini saya rasa internet atau *WiFi* di Parlimen ini tidak berapa stabilah. Saya rasa..

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tidak boleh pakailah.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Okey, saya minta masukkan komen daripada Yang Berhormat Segambut. Memang saya rasa, kita hendak cakap hendak wujudkan, menjayakan Parlimen kita yang setaraf dunia, satu *first class Parliament* tetapi akhirnya internet ini pun tidak berapa stabil dan tidak boleh pakai.

Saya rasa kita Ahli Parlimen, kita datang ke Parlimen kita bersidang di sini. Kadangkala saya rasa minggu ini kita sidang sampai lah 5.30 tetapi saya percaya pada minggu depan sidang Parlimen akan dilanjutkan mungkin lah sampai pukul 9.00 malam

10.00 malam pun mungkin. Saya rasa pada zaman ini kita banyak guna internet untuk buat *research* tetapi sebaliknya. Selalu saya hendak buat kerja di Parlimen ini atau pun saya hendak cari satu isu hendak buat sedikit *research* melalui internet, internet ini tidak berapa berfungsi punya. Kadang-kadang okey, kadang-kadang langsung tidak tahu perlu tunggu berapa lama untuk mendapat laman web itu yang saya mahu lawat. Jadi saya harap bahawa kita juga memberi sedikit perhatian supaya kita sama-sama menaiktarafkan perkhidmatan internet ini di Parlimen.

Juga untuk B.7. saya hendak tanya di sini kerana satu angka yang begitu besar telah dimintakan untuk menampung itu bantuan khas kewangan kepada pesara.

■1500

Jadi, saya nak tanya di sini pada Oktober 2011, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita membentangkan Bajet 2012, dia ada sebut tentang satu dasar keluar untuk penjawat awam, yang mana prestasi mereka yang tak cukup memuaskan ataupun mereka yang berprestasi rendah ini ada satu dasar keluar untuk mereka supaya mereka bolehlah mereka pergi ke sektor swasta.

Jadi saya nak tanya, sekarang sudah lebih daripada dua tahun sejak pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, saya nak tanya di sini berapa banyak ataupun berapa orang penjawat awam yang telah bersara ataupun keluar daripada sektor awam ini dan pergi ke sektor swasta di bawah dasar keluar. Ini kerana saya rasa kalau kita menambah baik elaun untuk penjawat awam ini bukan satu masalah tetapi yang paling penting pada masa yang sama, kita juga mestilah meningkatkan prestasi penjawat awam kita.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya, boleh Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Minta laluan, minta laluan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini bukan soal kurus gemuk ya?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kulai setujuakah dengan saya kalau sekiranya penjawat awam ini, mereka-mereka yang bekerja kontrak perlu diterap sebagai pekerja tetap, yang telah bekerja lebih tiga tahun, enam tahun, 10 tahun, 12 tahun, 20 tahun. Apakah pandangan Yang Berhormat Kulai? Bersamaan dengan Kuala Langat. Ada dua lagi, itu satu. Nombor duanya ialah oleh

kerana mereka ini penyumbang utama, ini sebab Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ada di sini, yang keduanya adalah apa yang dipanggil bonus.

Setelah kita tengok pendapatan negara, tugas mereka sumbangkan kepada negara, meningkatkan prestasi penjawat awam dan memberikan pengiktirafan. Apakah Yang Berhormat Kulai bersetuju kalau mereka juga diberi bonus yang boleh memberikan mereka motivasi supaya mereka lebih efisien, lebih berdaya saing ataupun meletakkan diri mereka dihargai. Oleh sebab Menteri ada di sini, saya cakap macam tu. Bagaimana Yang Berhormat Kulai punya pandangan dengan Yang Berhormat Kuala Langat ini?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya amat setuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat, ha! Yang Berhormat Kuala Langat. *[Ketawa][Dewan riuh]* Jadi, saya mintalah masukkan ucapan beliau dalam ucapan saya dan saya amat setuju bahawa mereka yang kerja, yang berkhidmat untuk negara kita dengan kontrak, saya harap mereka diberi satu peluang tetapi saya juga harap bahawa untuk golongan segelintir daripada mereka yang berprestasi rendah ini, kita pun perlulah ambil tindakan terhadap mereka. Isu terakhir adalah B.9 SPRM, Butiran 050000 yang mana RM3.6 juta telah diminta untuk menampung keperluan tambahan utiliti dan juga untuk elaun perjalanan dan sara hidup pegawai SPRM semasa PRU Ke-13.

Jadi, saya nak tanya di sini bahawa RM3.6 juta ini bukan satu jumlah yang kecil, jadi saya percaya bahawa SPRM sudah banyak menghantar pegawai-pegawai mereka untuk menjalankan tugas semasa PRU Ke-13. Jadi, di sini saya nak tanya, daripada *observation* ataupun apa yang dilihat oleh pegawai-pegawai SPRM, berapa banyak kesalahan PRU yang telah didapati oleh mereka kerana saya rasa semasa PRU Ke-13, banyak cerita tentang calon-calon yang memberi makanan percuma kepada pengundi-pengundi. Ada juga banyak cerita yang cakap tentang calon-calon ataupun rakyat jelata pergi ke pejabat parti politik untuk mendapatkan wang tunai dan juga ini bukan sahaja ini pertanyaan daripada saya sendiri tetapi ini adalah daripada laporan yang dibuat oleh satu gabungan NGO yang bernama PEMANTAU.

Dalam laporan ini mereka cakap MCA Subang Jaya semasa PRU Ke-13 mengadakan jamuan makan malam percuma untuk pengundi-pengundi dan juga mereka sebut ada orang yang pergi ke pejabat parti politik UMNO di Pasir Gudang untuk mendapat wang tunai daripada pejabat itu. Saya rasa kalaulah rakyat jelata yang biasa boleh mendapati insiden-insiden sebegini, jadi saya nak tanya di sini, banyak lagi yang berlaku di Selangor, banyak lagi yang berlaku di Pulau Pinang, banyak lagi yang juga berlaku di Johor. Saya nak tanya SPRM, berapa banyak kesalahan yang mereka dapati dan saya minta tanya mereka...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Sekejap, sekejap. Saya minta tanya mereka apa tindakan yang akan diambil oleh pegawai SPRM ini.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Kulai, saya nak tanya, kalau dekat Pasir Gudang itu, saya pun orang Johor. Dekat mana dibayar? Berapa dibayar, dimana dibayar, siapa dibayar dan siapa yang terima? Jangan main cakap sahaja.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tadi saya sudah sebut, ini adalah kenyataan yang keluar dari...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Mana bukti Yang Berhormat Kulai? Yang Berhormat Kulai, bukti? Yang Berhormat Kulai kata kita dalam Dewan tertinggi, mana bukti Yang Berhormat Kulai?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Biar saya habiskan, biar saya habiskan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Yang Berhormat Kulai, bukti Yang Berhormat Kulai. Saya tanya bukti, Yang Berhormat Kulai. Tak payahlah angkat tangan, saya mintak bukti.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Okey, duduk, duduk. Biar saya jawab, biar saya jawab. Bukan saya nak elak, saya nak jawab sekarang tetapi kenapa tak sabar sedikit?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kulai gulung. Sila gulung.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya betul, ini ayat terakhir. Ini adalah keluar daripada laporan yang dibuat oleh PEMANTAU. Kalau memanglah Yang Berhormat Pengerang amat minat nak dapat bukti, saya bolehlah cadangkan kepada Yang Berhormat dapatkan bukti daripada mereka.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Eh! Apa pula? *[Dewan riuh]*

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Kalau Yang Berhormat tidak puas hati...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Tuan Yang di-Pertua, mana boleh. Dia buat tuduhan dalam Dewan, dia dapat imuniti dalam Dewan. Cakaplah dalam Dewan sebab bila rakyat tengok, rakyat percaya. Kita nak dia beritahu dalam Dewan. Saya cabar dia beritahu di mana, berapa, siapa dan siapa yang beri.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya merujuk kepada satu laporan yang dibuat oleh NGO. Kalau UMNO boleh rujuk kepada laporan yang dibuat oleh *Utusan*, kenapa saya tak boleh rujuk kepada laporan yang dibuat oleh NGO? Jadi sabar sedikit. *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]: Mana bukti? Bukti, bukti, bukti! Yang Berhormat Kulai, bukti.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Kalaulah UMNO bolehlah bagi *Utusan* buatlah satu laporan yang salah, yang memfitnah, kenapa saya di sini tak boleh rujuk kepada satu laporan yang dibuat oleh NGO? Jadi, saya hanya nak minta penjelasan daripada pihak SPRM. Biarlah Menteri yang jawab sama ada SPRM setuju dengan pandangan PEMANTAU ataupun mereka rasa laporan yang dibuat oleh PEMANTAU ini semua *rubbish*. Biar Menteri yang jawab. Saya rasa Yang Berhormat Pengerang bukanlah Menteri lagi, tak perlulah cepat-cepat nak mempertahankan Menteri. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Gerik.

3.07 ptg.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, saya pun sama...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Di peringkat Jawatankuasa ini semua Yang Berhormat, bila peringkat Jawatankuasa, Speaker disebut sebagai Pengerusi.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Oh! Pengerusi. Kadang kita selalu bincang dalam peringkat yang besar kan. Maksud yang B.7, saya nak menyentuh Butiran 040300, sebanyak RM126 juta untuk menampung keperluan tambahan perbelanjaan biasiswa dalam dan luar negara bagi tahun 2013. Agak besar juga jumlah tersebut tetapi dalam masa yang sama, kerajaan kita selalu menyatakan Malaysia akan menjadi hab pendidikan dunia. Sudah tiba masanya kerajaan memikirkan kaedah supaya biasiswa yang besar dibelanjakan ke luar negara ini kita tampung untuk dalam negara. Cumanya, di peringkat dalam negara kita boleh cari kaedah, *student* yang cukup pandai kita boleh pilih, yang menjadi pakar-pakar untuk dihantar ke luar negara. Bukan macam sekarang, diberi peluang peringkat awal, setengah-setengah itu menyusahkan balik kerajaan.

Pergi dahulu memang pelajar yang baik akhirnya mereka tak dapat biasiswa, memberi masalah kepada kerajaan sedangkan kita memanggil pelajar-pelajar luar negara datang ke Malaysia. Kalau satu orang pelajar kita berbelanja beratus-ratus ribu tetapi kalau biasiswa tadi dibagi kepada pelajar yang belajar dalam negara, mungkin boleh melibatkan lebih ramai pelajar-pelajar yang bijak dalam negara. Perkara yang kedua, saya ingin bertanya kepada kerajaan, dalam tempoh lima tahun ini berapakah sebenarnya kuota biasiswa yang dibagi kepada pelajar-pelajar mengikut bangsa? Kalau dahulu kita tahu kuota biasiswa yang dihantar ke luar negara hampir 100% untuk bumiputera tetapi kita nak dengar daripada kerajaan pada hari ini, dalam tempoh lima tahun ini, mengikut

bangsa-bangsa berapa kerajaan sudah buat sesuai dengan dasar liberalisasi negara kita pada masa ini.

■1510

Dalam masa yang sama, kepentingan pendidikan memang kita tidak boleh lupakan. Kita berharap bukan sekadar diperkasakan universiti dalam negara, perkasa segala-gala, belanja yang besar ini boleh membuahkan hasil yang amat besar untuk negara.

Saya juga ingin menyentuh tentang Jabatan Perdana Menteri, TV AlHijrah. Dalam sini kita membelanjakan RM30 juta dalam B.6 perkara yang pertama. Setakat ini sejauh mana TV AlHijrah ini ditonton oleh masyarakat? Berapa dia punya dapat tarik untuk melihat TV AlHijrah? Kita pun sendiri kadang sekali-sekala saja buka TV AlHijrah. Maka Jabatan Perdana Menteri yang menjaga TV AlHijrah perlu meningkatkan lagi program-program yang ada untuk memastikan supaya rakyat memberi tumpuan juga kepada TV AlHijrah.

Bersesuaian dengan masalah fahaman-fahaman antara Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan Syiah, maka kita kena banyak penerangan dalam TV AlHijrah kerana kesilapan ataupun fahaman-fahaman tersebut kadang-kadang kita boleh melihat perbalahan antara keluarga, antara ibu bapa dengan anak. Maka belanja yang besar ini biarlah pulangnya kepada masyarakat besar juga di peringkat TV.

Perkara yang seterusnya dalam Jabatan Perdana Menteri, penjenamaan negara. Banyak rakan sudah sebut, kita percaya untuk menduniakan negara kita, pelbagai benda perlu diperkasakan untuk menjenamakan negara. Persoalan kita, kadang-kadang kita memberi peruntukan yang banyak kepada kementerian, kepada jabatan. Apakah sebenarnya pegawai-pegawai kita, saya minta maaf, pegawai-pegawai kita memahami maksud misi yang kita hasratkan. Apakah kadang-kadang peruntukan yang besar diperturunkan tetapi sampai ke peringkat yang melaksanakan tadi, tidak memahami hasrat kerajaan, sekadar hendak menghabiskan peruntukan. Maka berlakulah perbalahan di peringkat bawah. Oleh sebab itu pada saya, saya mohon pihak kerajaan supaya memastikan matlamat kita menyediakan bajet turun ke bawah difahami oleh semua pegawai-pegawai pelaksana supaya matlamat yang kita hendak tercapai. Perkara yang seterusnya...

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya sila.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tuan Pengerusi, setujukah Yang Berhormat Gerik kalau kita minta pihak kerajaan memberikan perincian kepada kita

tentang aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan bagi maksud 422300 Unit Penjenamaan Negara tadi bagi kita mendapat satu gambaran yang jelas tentang peruntukan yang diminta. Terima kasih.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tolong masuk dalam ucapan saya. Pihak kerajaan seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor, biar kita bentangkan perincian tentang penjenamaan semula ini satu persatu kerana jumlahnya yang agak tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya RM7 juta kita sediakan Institut Wasatiah Malaysia dan juga Suruhanjaya Pendatang Asing Tanpa Izin. Kadang-kadang kita bertujuan untuk mengendalikan supaya tidak ramai pendatang asing dalam negara tetapi mereka dilayan seperti seorang raja yang dapat makan, selimut, tempat tidur elok-elok. Akhirnya bagaimana suasana negara? Kita elok masuk depoh, depa boleh keluar ikut pelabuhan-pelabuhan tertentu pasal dia ada kaedah boleh angkat tangan keluar masuk ada negara hari ini nama dia CA, masuk hari berikut dia hendak masuk ke negara kita jadi B.

Tolong tengoklah perkara ini supaya tidak berulang kali mereka yang ditahan di depoh dengan pengenalan yang berubah-ubah masuk semula ke negara walaupun kerajaan telah menyediakan program 6P cap tangan pakai apa nama saya hendak sebut pun tidak tahu. Akan tetapi biarlah kita hendak menjadikan negara kita satu yang perkasa bertaraf dunia, jangan digelak oleh orang lain. Kita cerita bukan main hebat dalam surat khabar untuk mempengaruhi rakyat percaya kepada dasar yang kita buat, tiba-tiba selepas kita buat, kita boleh tahu orang yang sama ini dia dapat masuk balik ke negara kita. Kalau dulu rambut dia warna hitam, dia tukar warna oren. Dia boleh ada kaedah. Saya pun tidak tahu macam mana boleh senangnya rakyat asing keluar masuk ke negara kita menukar nama, menukar identiti tanpa kita ada ini.

Begitu juga hari ini kita lihat jenayah yang kalau kita tengok ini Suruhanjaya Pendatang Asing ini, kita tengok sempadan kita. Sejauh mana kerajaan mengawal kemasukan senjata api ini ke dalam negara? Di *border* bukan susah kalau orang hendak bawa masuk pistol, dia bukan ada hendak *scan* ataupun ada satu alat untuk menjaga kita. Jadi oleh sebab itu tolong perhatikanlah benda tersebut.

Dalam masa yang sama maksud B.01 Parlimen. Macam yang kata tadi kita berterima kasih kepada pihak pentadbiran Parlimen banyak dah kemudahan diberikan kepada kita Ahli-ahli Parlimen. Cumanya kita tengok kadang-kadang walaupun pihak kerajaan, pihak pembangkang bertelagah, kita kena cari satu identiti sekurang-kurangnya kita buat *tie* yang sama, yang dikeluarkan oleh pihak pentadbiran.

Maknanya yang dipersetujui kalau depa tidak berani *color* biru, kita carilah satu *color* yang boleh diterima oleh pihak Parlimen supaya nampak satu hari ini kita boleh bersama, pakai *tie* yang serupa, ada boleh tanda nama yang sama menandakan kita ialah Ahli Parlimen kerana kita satu identiti yang tertentu di Parlimen kerana yang penting ialah kita hendak memperkasakan Ahli Parlimen kita.

Dalam masa yang sama SPRM. Saya cukup seronok dengan hujah daripada pihak lawan kita. Diberitahu sudah jumpa dengan SPRM sebab saya tengok sebelum pilihanraya pihak pembangkang tibai SPRM ini bagaikan seolah-olah kita ini tidak menghormati SPRM. Akan tetapi hari ini saya percaya cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pihak pembangkang kalaulah pihak SPRM bawa rang undang-undang untuk perubahan tersebut, pihak mereka akan terima.

Sebenarnya, kita pun memahami perkara yang tersebut sebab pihak kerajaan percaya SPRM adalah satu badan. Cumanya saya bersetuju tadi mereka tidak boleh hendak buat pendakwaan, kena rujuk dulu dengan Peguam Negara. Akhirnya ini jadi masalah. Maka fikir-fikirkanlah jabatan berkenaan supaya bagaimana sebab kita percaya pihak kerajaan tidak berlakon untuk mencegah rasuah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya gulung.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Ya, tidak lamalah itu. Kena gulunglah itu. Dalam masa yang sama pihak SPRM bolehlah diperkasakan. Pihak pembangkang pun sudah bersetuju cumanya satu undang-undang negara kita ini yang perlu kita tengok semula baru pertuduhan kita telah menjatuhkan kesalahan kepada mereka. Adakah baru pertuduhan, kita gari orang tersebut? Pihak surat khabar tangkap gambar, tiba-tiba dibicarakan dalam tempoh lima tahun, orang tersebut tidak bersalah.

■ 1520

Maka pihak SPRMkah, pihak poliskah, pihak yang berkaitan mesti cari jalan. Waktu pertuduhan, janganlah menampakkan orang yang kena tuduh tadi seolah-olah dia sudah bersalah semacam mana tadi. Saya pun ada pengalaman soal dalam pilihan raya macam mana Yang Berhormat Kulai sebut tadi. Ada satu SMS beredar dalam Parlimen kita. Entah-entah pembangkang yang buat. Pergi ke peti undi sekian. Kami hendak bayar ini, ini, ini, ini.

Akan tetapi kita bukan buat benda tersebut. Bermakna, ada satu kumpulan buat tuduhan palsu konon-konon Barisan Nasional hendak bayar. Sebenarnya bukannya Barisan Nasional hendak bayar. Tidak ada. Bukannya perangai Barisan Nasional hendak membayar duit kepada pengundi-pengundi tersebut. *[Tepuk]* Itu bukan perangai kita. Saya percaya. Akan tetapi ada sekumpulan. Maka, di Dewan yang mulia ini, kalau kita

buat tuduhan macam ini, sama macam orang yang kena tuduh tiba-tiba digari dan pihak surat khabar tangkap gambar seolah-olah sudah bersalah. Maka pihak kerajaan, SPRM...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: *[Bangun]*

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: ...Mana-mana juga kena fikirkan satu kaedah supaya tidak memalukan individu tersebut. Bayangkan mereka yang sudah berjasa kepada negara tiba-tiba digari.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kulai bangun. Yang Berhormat Kulai bangun. Hendak bagi laluan?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Saya menyokong dalam Jawatankuasa ini. Saya menyokonglah kepala-kepala yang berkaitan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kulai bangun. Hendak bagi laluan?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Siapa dia? Oh, minta maaf. Saya ingat sudah hendak gulung tadi. *Sorry, sorry.*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Hanya hendak tanya satu pandangan Yang Berhormat. Saya masih ingat pada sesi yang lalu. Yang Berhormat Simpang Renggam menuduh bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh mempunyai 20 akaun bank di luar negeri dan beliau merujuk kepada satu *blog* yang tidak tahu ditulis oleh siapa. Saya hendak tanya. Kalau perkara macam itu, bolehkah kita terima dalam Parlimen ini?

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Kalau faham cakap saya, kalau faham cakap saya, benda yang belum bersalah. Akan tetapi saya rasa dalam Parlimen dulu, saya ada sekali. Pihak Yang Berhormat Simpang Renggam bukan kata dia bersalah. Bukan kata Yang Berhormat Permatang Pauh bersalah. Pihak Yang Berhormat Simpang Renggam kata ini ada tuduhan-tuduhan. Minta kerajaan buat siasatan sama ada benda itu betul atau salah. Betul atau tidak? *[Tepuk]*

Saya masih ingat benda tersebut.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya. Gulung, gulung.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Berkaitan dengan pertanyaan dari Yang Berhormat Kulai tadi.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Jadi samalah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya merujuk kepada laporan pemantau yang cakap ada tuduhan sebegini. Jadi, saya hendak tanya betul atau tidak.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Dia tidak buat tuduhan. Dia tidak buat tuduhan tetapi Yang Berhormat Kulai tadi seperti mana kata Yang Berhormat Pengerang, bila minta nama apa semua, pihak Yang Berhormat Kulai kata hendak mengalih isu. Cari orang lain pula hendak bagi dakwaan. Jadi, tuduhan itu yang kita tidak hendak di dalam Dewan. Macam sekarang. Kita didengari oleh pelajar-pelajar. Mereka orang pertama dengar dalam Parlimen. Apakah yang kita bahas tadi, kita buat tuduhan tadi. Kalau mereka salah faham, mereka menganggapkan benar apa yang kita katakan tadi. Ini yang kita kata kita hendak jaga. Hendak jaga kehebatan supaya bukan Dewan yang mulia ini, Parlimen ini tempat kita buat tuduhan yang menyebabkan orang beranggapan benda tersebut betul berlaku. Itu maksud saya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Gerik.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Jadi, saya pun tidak boleh cakap panjang. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana melepaskan saya bercakap lebih daripada masa. Dengan ini saya menyokong.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, Yang Berhormat Ampang.

3.24 ptg.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Saya juga mengambil bahagian dalam perbahasan bekalan tambahan ini, Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh Kepala B.06 – 421800.

Seperti apa yang kawan-kawan tadi ada sebut, daripada Yang Berhormat Pokok Sena dan Yang Berhormat Gerik juga tadi, ingin mempersoalkan ataupun bertanya mengenai RM30 juta yang dibelanjakan untuk operasi Televisyen Al-Hijrah yang mana saya minta Yang Berhormat Menteri mengemukakan jumlah kos yang telah dibelanjakan oleh kerajaan semenjak Televisyen Alhijrah dilancarkan pada tahun 2010. Saya juga ingin bertanya mengapakah Televisyen Alhijrah tidak dikendalikan oleh Jabatan Penyiaran Malaysia seperti RTM tetapi dikendalikan oleh Jabatan Perdana Menteri? Saya juga

hendak bertanya tentang jumlah *viewership* ataupun penonton yang menonton Televisyen Al-Hijrah ini dan apakah keberkesanan program-program dalam Televisyen Al-Hijrah ini dan apakah pengisiannya?

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Gerik yang ini kerana ingin mengangkat isu-isu pemahaman agama, pemahaman antara mazhab-mazhab agar rakyat Malaysia lebih faham tentang kedudukan agama ini. Ia lebih besar dan tidaklah jumud dan tidaklah *rigid* dan pemahaman di antara agama dalam Televisyen Al-Hijrah ini. Saya membuat tambahan sedikit, Yang Berhormat Gerik. Saya percaya dan saya rasa Televisyen Al-Hijrah ini juga boleh menjadi platform untuk kerajaan yang ada sekarang yang mengatakan bahawa negara Malaysia adalah negara Islam.

Bilakah masanya lagi kerajaan ini betul-betul ingin membawa agenda hukum hudud yang termaktub dalam Al-Quran yang mana dalam Televisyen Al-Hijrah ini boleh digunakan sebagai satu platform untuk memberikan satu penerangan dan penjelasan kepada kedua-duanya. Orang Islam dan juga bukan Islam agar mereka faham apa itu hukum hudud. Jadi, kalau tiba masanya untuk kita mengimplementasikan, melaksanakan hukum hudud ini, semua rakyat Malaysia faham tentang kebaikan hukum hudud.

Ini masih lagi tidak dilaksanakan oleh kerajaan yang ada yang tidak mengaku, yang tidak pernah mengaku bahawa mereka akan melaksanakan hukum hudud manakala kita mengaku bahawa Malaysia ini adalah sebuah negara Islam. Jadi itu saya harap Jabatan Perdana Menteri boleh memberikan saya pencerahan dalam isu ini.

Selain usaha melancarkan Televisyen Al-Hijrah untuk menyebarkan ajaran agama, saya juga hendak bertanya bagaimana kedudukan tangga kita ke tangga 145 daripada 175 buah negara dalam indeks kebebasan akhbar tahun ini. Jadi, inilah kedudukan kita. Kita kata kita negara yang demokrasi dan sebagainya tetapi kita punya kedudukan, kebebasan media masih lagi di tahap yang sangat-sangat rendah.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga Kepala B.6 – Penjenamaan Negara, 422300. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dalam penjenamaan negara ini, menjelaskan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Unit Penjenamaan Negara sehingga perbelanjaannya melebihi perbelanjaan asal sebanyak 140% dan apakah skop kerjanya? Apakah pecahan-pecahan perbelanjaan dalam penjenamaan negara ini. Tadi kawan-kawan kita ada sebut mengenai pembangkang ini membuat cerita-cerita buruk tentang negara ini. Saya hendak membuat *quote* satu perkara yang fakta yang mana FBC Media telah diambil tindakan oleh BBC dan CNBC kerana memaparkan cerita-cerita yang buruk, yang palsu

mengenai Pakatan Rakyat di Malaysia. Ini adalah fakta yang mana BBC dan CNBC menamatkan kontrak FBC Media kerana melanggar etika.

Perdana Menteri mengakui bahawa telah berbelanja sebanyak RM94 juta kepada FBC Media. Ini bukan bohong. Ini ternyata dan terbukti sampai diambil tindakan kepada FBC Media kerana digunakan oleh Kerajaan Malaysia untuk memalukan atau memburukkan Pakatan Rakyat terutamanya Yang Berhormat Permatang Pauh.

Yang Berhormat Pengerang, memang kita tidak pernah. Yang Berhormat Pengerang menuduh pembangkang keluar negeri untuk memburuk-burukkan negara. Itu bukan agenda kita. Agenda kita adalah untuk menambahbaikan *governance* negara ini, *ambitious* di negara ini kerana kita percaya kalau 20 tahun negara ini ditadbir dengan baik, hidup rakyat Malaysia akan jauh lebih hebat daripada apa yang ada sekarang. [Tepuk] Itu yang kita perjuangkan. Orang Sabah tadi bising tidak ada air, tidak ada api, tidak ada jalan, tidak ada apa. Orang Sabah tadi bising. Inilah yang kita perjuangkan. Bukan merupakan hasrat kita untuk memburukkan negara ini kerana satu hari apabila kita mengambil alih negara ini, kita juga akan memperjuangkan hak orang Malaysia. Itu yang kita harapkan.

Jadi, Tuan Pengerusi, itu yang ingin saya sebutkan dan saya juga hendak tanya penjenamaan negara ini. APCO. Adakah kita membelanjakan wang itu kepada APCO satu lagi? Satu lagi skandal yang dulu kita keluarkan dan kita bongkar bagaimana Kerajaan Malaysia ini membelanjakan wang berjuta-juta kepada APCO.

■1530

Ini tidak perlu! Wang ini patut dibelanjakan untuk rakyat kita sendiri tetapi sampai kita kena gunakan untuk orang luar, untuk belanja wang ini dan merugikan rakyat Malaysia sendiri.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh B.6 juga mengenai isu *wasatiyyah* yang mana membelanjakan wang sebanyak RM7 juta. Adakah wujudnya operasi sulit yang dikenali sebagai Projek IC sejak tahun 1980-an lagi yang ditugaskan mengendalikan projek pemberian kad pengenalan kepada warga asing di Sabah? Ini satu lagi isu di negara ini di mana RCI dibentuk dan sebagainya yang kita lihat bagaimana rakyat Sabah daripada orang luar diberikan IC untuk memenangkan Kerajaan Barisan Nasional dan UMNO. Adakah ini satu daripada bahagian atau aktiviti-aktiviti yang dilakukan melalui penubuhan institusi *wasatiyyah* ini untuk melindungi kerja-kerja yang tidak beretika, sengaja untuk memenangkan Kerajaan Barisan Nasional yang ada untuk mengekalkan pemerintahan kerajaan yang ada? Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Sebelah kanan saya. Bagi Yang Berhormat Kota Raja dahulu.

3.31 ptg.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengemukakan dengan ringkas mengenai Butiran 601000 – Pentadbiran Am Perkhidmatan dan Perbekalan.

Saya cuma ingin bertanya dan rasa agak terkilan terlalu banyak majlis keraian yang diadakan dalam negara kita. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri membelanjakan lebih daripada RM2 juta untuk majlis keraian hari raya. Bukan setakat Perdana Menteri, Menteri-Menteri lain juga mengadakan majlis-majlis keraian. Jabatan-jabatan kerajaan juga buat, PBT-PBT juga buat. Saya merasakan ini adalah satu pembaziran yang kita rasakan patut dalam keadaan rakyat terpaksa ditarik subsidi, kerajaan perlu menjalankan langkah penjimatan. Kalau kita singkap balik sirah sahabat-sahabat Khulafa ar-Rasyidin bagaimana hatta penjimatan, amanah itu yang dilakukan oleh pimpinan-pimpinan Islam.

Saya rasa terkilan setiap kali jabatan kerajaan membuat hari terbuka, hari keraian hari raya dan sebagainya, diambil hari bekerja. PBT-PBT buat hari kerja sedangkan kita sudah ada dua hari cuti iaitu Sabtu dan Ahad. Kalau boleh ini perlu dipantau dan dikurangkan perbelanjaan rakyat walau pun kita kata kita buat ini untuk rakyat tetapi masih lagi ruang-ruang untuk kita menjimatkan wang rakyat itu sendiri.

Keduanya, saya ingin menyentuh tentang Butiran 030500 – Pembangunan Modal Insan. Saya tahu kebanyakan daripada pembayaran tambahan ini sebanyak RM126 juta adalah untuk biasiswa. Namun saya ingin juga menanyakan apakah usaha kita untuk memastikan bahawa kakitangan kerajaan, modal insan yang dibiayai oleh kerajaan ada rasa tanggungjawab dan *sense of urgency* apabila melakukan tanggungjawab ataupun melayan aduan-aduan rakyat. Seseengah jabatan kerajaan mengambalnya sambil lewa.

Oleh itu kita lihat apabila jabatan-jabatan kerajaan tidak ada rasa yang mereka ini digaji oleh rakyat, maka mereka tidak melayan kehendak rakyat. Akhirnya, perkara-perkara yang paling mudah yang rakyat adu pun perlu dibawa kepada Ahli-ahli Parlimen. Kita tidak ada masalah untuk membawa tetapi kalaulah lampu jalan atau pun— ini PBTlah kalau saya sebut di sini, juga kakitangan kerajaan. Mereka tidak merasakan itu tanggungjawab mereka. Jadi, sampai bila kita yang sepatutnya Ahli-ahli Parlimen dan ADUN-ADUN mengambil lebih banyak masa untuk kita berbincang dan mengkaji tentang

polisi-polisi kerajaan tetapi pusat aduan kita sibuk dengan aduan-aduan yang sepatutnya tidak datang kepada kita.

Terus kepada PBT, terus kepada jabatan-jabatan kerajaan. Akan tetapi apabila ditanya kepada rakyat kenapa bawa kepada saya? Bukankah kita ada *hotline*? Bukankah kita ada e-mel? “*Yang Berhormat, kami bawa pada Yang Berhormat sebab aduan kami tidak diendahkan*”. Bagaimana kita hendak tanam kepada kakitangan kerajaan kita? Kita menerima hakikat betapa banyaknya jasa mereka, khidmat mereka yang cemerlang tetapi masih ada di dalam jabatan kerajaan kita kakitangan yang tidak mengambil endah, tidak sedar diri yang mereka telah menerima banyak manfaat daripada rakyat kerana mereka berpeluang bekerja di dalam jabatan kerajaan. Kalau kita ikut peratus per *principle* hanya 20% yang buat kerja betul untuk menghasilkan 80% daripada kesan atau pun akibat daripada kerja itu. Jadi, apa yang dibuat oleh 80% lagi?

Seterusnya, saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 09000 - Rasuah. Saya ingin bertanya tentang pendidikan kepada kakitangan kerajaan lagi. Saya berasal daripada kakitangan kerajaan. Saya tahu bagaimana corak kerjanya. Kadang-kadang saya lihat bagaimana jabatan-jabatan kerajaan, kakitangan kerajaan meletakkan tekanan ke atas pembekal-pembekal yang membekal jabatan-jabatan dengan membuat *demand* atau pun meminta derma, sumbangan dan sebagainya. Sekiranya syarikat-syarikat yang membekal, yang datang untuk *promote* barang mereka dan sebagainya tidak memberi sumbangan-sumbangan untuk hari keluarga, hari sukan atau apa-apa yang dibuat oleh jabatan, maka syarikat-syarikat ini tidak diberi kesempatan atau tidak diberi peluang yang sebaiknya untuk menjual barang-barang mereka kepada jabatan-jabatan.

Ini sebenarnya menyebabkan harga barang meningkat. Di dalam industri perubatan kita tahu jurujual-jurujual atau lebih dipanggil sebagai *sales executive* ini akan datang untuk menjual barang-barang mereka, mempromosi barang-barang mereka. Akan tetapi akhirnya di hujung sana ada selalunya, okey kalau beli barang kita ini, maka kita akan hantar ke seminar. Kita akan hantar ke sana dan ke sini. Jadi, adakah ini rasuah?

Kakitangan kerajaan yang terutamanya bekerja, misalnya mereka boleh buat lokum secara sah atau tidak, saya bagi contoh misalnya *audiologist* yang ahli dalam bidang bantuan pendengaran. Mereka juga bekerja di syarikat-syarikat menjual alat bantu dengar contohnya. Jadi, bila mereka bekerja dengan syarikat-syarikat ini, maka mereka dengan sendirinya akan melayan dan menghantar pesakit-pesakit untuk membeli alat bantuan dengar ini daripada syarikat-syarikat yang mengambil mereka sebagai pekerja sambilan. Jadi, adakah ini juga rasuah?

Persoalannya sejauh mana kakitangan kerajaan dan rakyat kita faham apa maksud rasuah itu kerana ia sudah menjadi satu budaya. Saya takut saya dahulu belajar di Mesir. Setiap pintu hendak masuk ada *bakshis*. *Bakshis* ini makna dia duit kopi. Saya takut Malaysia pada suatu hari nanti akan jadi begitu. Hendak buat satu *favor* bagi duit, kena hulur itu dan ini. Sudah tidak ada lagi keikhlasan kita bekerja dan tidak cukup lagi gaji yang kita dapat sehinggakan ia menjadi satu budaya rakyat kita. Saya harap SPRM akan berusaha, sedikit sebanyak saya sudah tengok di TV ada, beli nasi lemak sebungkus pun kalau tujuannya untuk mendapat undi, itu adalah rasuah. Mungkin perlu diperluaskan lagi di kalangan kerajaan terutamanya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, berapa orang lagi? Satu, dua - lima. Yang Berhormat Seputeh. Selepas itu Yang Berhormat Bakri. Selepas Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat Bayan Baru. Selepas itu Yang Berhormat Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Parit Buntar. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila Yang Berhormat Seputeh.

3.40 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada perempuan dahulu ya. Terima kasih.

Saya hendak rujuk kepada Butiran 01000 berkenaan dengan Perkhidmatan Kakitangan di bawah Suruhanjaya Pasukan Polis.

■ 1540

Semalam apabila saya tanya tentang sama ada kerajaan ada bayar insurans bagi polis dan sebagainya walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ada jawab tetapi masih saya hendak tanya lagi tentang sekiranya kita lihat insiden di Lahad Datu itu. Selepas lapan orang pegawai polis terkorban di dalam serangan itu dan kita lihat banyak NGOkah sama ada kerajaan negeri dan juga Kerajaan Pusat sama-sama kita bagi derma kepada keluarga mereka dan juga untuk tabung pendidikan anak-anak mereka.

Jadi sebenarnya saya ada— soalan saya ialah adakah kita kena tunggu insiden macam ini berlaku dan kadang-kadang kita juga lihat macam pegawai polis terkorban kerana cuba menangkap penjenayah dan sebagainya. Selepas itu apa yang kita baca ialah yang pegawai polis itu dinaikkan pangkat dari Koperal ke Sarjan dan sebagainya.

Akan tetapi saya rasa adakah kita akan adakan satu tabung untuk jaga keluarga mereka sekiranya mereka ada orang tua, keluarga mereka yang perlu tanggungan yang si mati itu. Ada mungkin anak-anak yang kecil yang perlu perbelanjaan pendidikan pada masa yang akan datang adakah kita ada macam satu bentuk insurans yang kita boleh

jaga kebajikan keluarga mereka? Siapakah yang membayar insurans itu? Adakah polis itu yang membayar kah ataupun pihak Kerajaan Pusat yang bayar? Bagi saya, saya rasa bagi anggota menjaga keselamatan masyarakat dan negara haruslah kerajaan yang bayar. Jadi saya hanya mahu butiran yang lebih terperinci tentang soalan ini.

Kedua ialah kita sudah bacalah sebelum pilihan raya yang mana soalnya ialah tentang *postal voters* (pengundi pos). Kenapakah isteri polis boleh diberi status sebagai pengundi *poster voters*. Ini adalah satu soalan yang ditanya oleh banyak pihak. Apakah ini patut, adakah ia masih dilaksanakan? Ini soalan saya.

Selepas itu saya hendak pergi ke Butiran 010000 di bawah Maksud B.1 di bawah Parlimen. Yang Berhormat Menteri saya tadi berada di *tower* blok di bangunan. Tingkat 17 bila saya mahu datang ke sini ambil 10 minit. Kenapa 10 minit? Semua orang tunggu dalam lif. Tiap-tiap tingkat dia berhenti, berhenti, selepas itu diberitahu ada salah satu lif kena disimpan untuk kerana Timbalan Perdana Menteri datang. Hanya satu lif ramai pegawai kongsi satu. Jadi kalau ada apa-apa berlaku susahlah.

Jadi saya cadangkan memandangkan kita buat *renovation*, penambahbaikan bangunan Parlimen kita mungkin kita boleh buat dua lif lagi untuk kemudahan pegawai kita di *tower* blok sana. Mungkin satu lif saya rasa harganya lebih kurang RM250,000 - apa yang saya tahulah. Mungkin saya rasa ini kita masih mampu. Mungkin dua lif lagi untuk kemudahan khususnya bila adanya sidang Parlimen.

Soalan lagi ialah yang saya pernah tanya dalam sidang yang lepas ialah bilakah *renovation* itu siap? Kita sekarang pergi tengok Dewan Rakyat yang lama itu apa-apa pun tidak buat. Berapa orang pekerja dan Yang Berhormat Menteri pernah kata: "*Oh! Jikalau kita hendak ciptakan kita hendak tambah berapa juta lagi*" Saya rasa ini salahlah. Kalau yang kontraktor itu begitu tidak cekap, saya rasa ia haruslah dilucutkan daripada senarai kontraktor JKRLah.

Kita haruslah tukar oranglah. Kalau tidak cekap kita, tidak memenuhi keperluan kita ini tukarlah. Saya cadangkan kerana saya lihat kami beberapa Ahli Parlimen masuk tengok apa-apa pun tidak dibuat. Sebenarnya Parlimen, bangunan Parlimen kita ini bukan berada di kawasan kediaman. Jikalau berada di kawasan kediaman, jadi kena kerja berhenti pada pukul 6 petang yang hujung minggu tidak boleh buat kerja kerana tidak mahu ganggu orang di kejiranan kita. Akan tetapi, Parlimen satu institusi tengah-tengah tidak ada orang duduk berdekatan sepatutnya satu minggu, tujuh hari ia haruslah cepat-cepat siapkan semua kerja ini.

Saya rasa ini semua jikalau ada sidang Parlimen saya boleh faham. Akan tetapi malam mereka masih boleh buat. Hujung minggu pun boleh buat dan kita lihat ia begitu

lambat. Saya sekarang masuk yang Dewan Rakyat itu bagi kebanyakan kita ini ia masih macam apa-apa pun tidak buat. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri kaji semulalah tentang keberkesanan ataupun *efficiency* yang kontraktor kita ini. Jikalau tidak dapat habiskan kerja tukarlah.

Ini saya juga hendak sebut tentang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia B.9 yang saya ada terima satu aduan. Aduan itu adalah tentang seorang peniaga dia disyaki melibatkan membabitkan kesalahan di dalam syarikat-syarikat swastanya. Jikalau ikut pengadu ini ia adalah *suffrage* uplah daripada anggota lembaga pengarah di dalam syarikat itu. Jadi apabila ia dipanggil dia dipanggil ke SPRM di Putrajaya bila dibuat soal siasat dia petang baru dipanggil. Selepas itu dia ada dokumen ada banyak perkara yang dia tidak ingat yang dia perlu rujuk dan sebagainya.

Dia minta direman, dimasukkan reman hendak *stay overnight* dan sebagainya. Ada satu kali yang pegawai SPRM itu kata: "*Oh! Dia akan didakwa ke mahkamah keesokan hari*" Jadi pengadu itu dia memang tidak bersiap sedia tiba-tiba dipanggil masuk dan tanya banyak soalan ada kalanya dia tidak ingat. Jadi saya pun selepas itu saya pun *argue* dengan seorang pegawai saya kata kalau keesokan hari dia akan didakwa ke mahkamah kenapakah hendak reman dia masuk dalam lokap SPRM di Putrajaya? Apakah ini perlu? Kalau hendak tangkap hendak dakwanya buatlah dan dia tidak akan lari, dia tidak boleh lari.

Selepas itu tidak ada apa-apa berlaku dan kali kedua bila dia dipanggil lagi yang wang jaminannya adalah RM40,000 pada hari Ahad dan perlunya bayar *cash*. Saya rasa yang cara SPRM menangani kes semacam ini sama ada seseorang itu salahkah tidak salah kita tidak tahu sehingga dia didakwa ke mahkamah. Selepas melalui perbicaraan barulah kita tahu sama ada dia betul-betul bersalahkah ataupun tidak mungkin adakah kesilapan dari segi *accounting* dan sebagainya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Kapar. Okey.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Tertarik juga apabila bercakap tentang SPRM. Akan tetapi bersetujukah Yang Berhormat bahawa siasatan SPRM ke atas Ketua Menteri Sarawak yang didakwa oleh media-media antarabangsa memiliki kekayaan melebihi pendapatan sebagai Ketua Menteri Sarawak adalah terlalu lembap, siasatan mereka terlalu lembap. Apakah yang dimaksudkan penyiasatan terpilih? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Sila gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Gulungkah? Belum lagilah. Dia yang tentang kalau hendak celah sikit Ketua Menteri Sarawak itu bila pegawai SPRM itu ditanya sama ada apakah siasatan itu pegawai SPRM yang junior kata: "*Oh! Masih dalam siasatan*", yang cakap itu bukan Ketua Pengarah SPRM tahu. Seorang junior tidak tahu siapa selepas itu yang kita lihat tidak ada apa-apa yang berlaku. Jadi kita lihat pilih kasihlah. Bagi orang biasa macam ikan bilis kita lihat, Wah! Kena remanlah. Pada malam hari Ahad ada orang minta RM40,000 *cash* (wang tunai) supaya tidak di reman dalam lokap. Supaya keesokan hari yang orang itu boleh didakwa ke Mahkamah.

Saya rasa semua perkara yang macam ini adalah cuba menyeksa orang dan sebelum seseorang itu dijatuhkan hukuman dia masih tidak bersalah (*innocent*). Satu lagi ialah selepas kali pertama yang pengadu kepada saya dia disoal siasat oleh SPRM selepas itu dia tidak diberitahu bahawa yang dia sudah di seranai hitamkan oleh imigresen. Dia tidak boleh pergi ke luar negara, dia tidak tahu dia dan isterinya hendak pergi ke luar negara hendak menghadiri satu jamuan bila sampai kapal terbang baru tahu, Oh! Dia yang pasport mereka itu tidak dibenarkan untuk keluar negara.

■1550

Saya rasa perkara macam ini kalau pengadu itu ingat, dia bukan hendak lari. Ini kerana amaun yang terlibat itu memang kecil sangat dan bagi dia, dia tidak tahu dia sudah disenaraikan oleh pihak imigresen kerana SPRM tidak memberitahu. Jadi saya juga hendak tanya adakah bagi SPRM, adakah sesiapa disoal siasat oleh SPRM di mana orang itu tidak dibenarkan ke luar negara. Kalau ini adalah di bawah peraturan soal siasat SPRM, saya rasa mereka harus memberitahu bahawa orang yang mereka sedang jalankan soal siasat itu supaya mereka tahu. Saya juga hendak tanya, adakah ini dalam peraturan SPRM? Kalau ini berlaku, kenapa Ketua Menteri Sarawak masih tidak ada apa-apa yang berlaku. Boleh pergi ke sana sini dan boleh cakap apa-apa pun, semua ini tidak ada masalah. Ini memang *double standard*, mungkin Menteri boleh menjelaskan apakah yang berlaku sebenarnya dari segi soal siasat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, gulung-gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sama-sama. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Seputeh pun pandai gulung. Yang Berhormat Bakri, sila. Lima minit Yang Berhormat Bakri.

3.51 ptg.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Lima minit sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada Ahli Parlimen Bakri mengambil bahagian dalam membahaskan mengenai Maksud B.7 – Jabatan Perkhidmatan Awam, Butiran 040000 – Pengurusan Sumber Manusia.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bakri, sumber manusia tidak ada biawak, buaya pun tidak ada.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Ini isu lain.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Isu yang baru, tahun baru isu baru. Saya ingin merujuk kepada tawaran oleh Petronas kepada penduduk Pengerang yang terlibat dengan projek RAPID dalam siri dialog berhubung dengan laporan DEIA di mana Petronas menawarkan untuk membina lebih banyak SRJK(C) sekiranya waris-waris ini...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bakri, butiran berapa?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: ...Ada kena mengena dengan perbelanjaan tambahan bantuan mengurus jenazah untuk pesara. Butiran 040000. Di sini saya hendak tanya Menteri tentang projek RAPID dalam siri dialog berhubung dengan laporan DEIA di mana Petronas menawarkan untuk membina lebih banyak SRJK(C) sekiranya waris-waris ini bersedia membenarkan tanah perkuburan Cina diambil untuk projek RAPID. Adakah Petronas mempunyai bidang kuasa untuk membina dan menubuhkan sekolah-sekolah baru?

Tambahan lagi, pendidikan dan tanah perkuburan merupakan dua perkara yang berbeza sama sekali. Tanah perkuburan sinonim dengan warisan legasi keluarga yang begitu penting bagi masyarakat Cina. Begitu juga dengan bidang pendidikan. Ia tidaklah boleh dijadikan sebagai satu alat tawaran bagi memenuhi kehendak yang satu lagi. Malahan tidak keterlaluan juga ia adalah satu tawaran yang menghina tahap intelektual masyarakat di Pengerang. Terutamanya semenjak dari merdeka hingga kini, tidak ada SRJK(C) baru dibuka di sana sedangkan hakikatnya kekurangan SRJK(C) ini sebenarnya diakui oleh Petronas apabila membuat tawaran sedemikian.

Saya mohon agar Yang Berhormat Menteri dapat mengambil serius berhubung dengan tawaran Petronas tersebut dan seterusnya tidak membenarkan Petronas untuk meneruskan tawaran mereka. Petronas harus peka akan sensitiviti setiap kumpulan masyarakat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya jemput Yang Berhormat Bayan Baru. Lima minit.

3.54 ptg.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.6, 29000 – Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). Pengerusi PERDA adalah kawan baik saya, Yang Berhormat Tasik Gelugor dan saya yakin bahawa di bawah kepimpinan beliau, saya rasa bolehlah membuat sesuatu yang baik untuk Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, saya juga meminta supaya PERDA memberikan penerangan sedikit tentang projek-projek pembangunan di Daerah Barat Daya Pulau Pinang kerana buat masa sekarang ada banyak tanah tetapi tanah dibangunkan dengan perumahan. Akan tetapi masalahnya adalah projek-projek itu perlu ditingkatkan kerana buat masa sekarang mereka hanya menjual rumah sahaja. Di kawasan Barat Daya Pulau Pinang ada ramai rakyat yang miskin terutamanya di kalangan bumiputera Melayu yang memerlukan sewa beli. Saya rasa kalau boleh adakan skim untuk sewa beli dan jangan terhadkan kepada bumiputera Melayu sahaja, tetapi juga kepada orang India dan Cina yang juga cukup miskin, bagilah sewa beli untuk mereka. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri membuat penjelasan tentang isu ini.

Kedua adalah isu tentang B.6 – Unit Penjenamaan Negara. Sebanyak RM21 juta, bilangan yang cukup besar. Tahun lepas juga ada *supplementary budget* yang memberikan RM30 juta belanjawan tambahan. Saya hendak tanya, apakah projek-projek yang dijalankan? Adakah ia digunakan untuk seperti beberapa tahun yang dahulu, digunakan untuk membuat iklan di *New York Times* untuk Datin Seri Rosmah, *our first lady*. Di *New York Times* berbelanja berjuta-juta ringgit, mungkinlah saya tidak tahu berapa duit yang digunakan ataupun digunakan untuk membayar konsultan-konsultan APCO yang dibawa masuk ke Malaysia untuk penjenamaan logo 1Malaysia yang meniru Israel. Ini yang kita hendak tanya, adakah sekarang ia digunakan untuk penjenamaan *Endless Possibility* yang meniru pula sekarang ini negara kawan baik kita Mongolia. Ini adalah persoalan yang kita timbulkan.

Adakah ia juga digunakan untuk mendirikan *billboards* besar barisan 1Malaysia sebelum pilihan raya dan semasa Pilihanraya Umum ke-13 yang lalu. Jadi ini duit rakyat, berjuta-juta ringgit dan kita mahu Menteri bagi satu jawapan yang jelas. Apakah pembiayaan secara teliti untuk Unit Penjenamaan Negara.

Isu yang ketiga adalah SPRM B.9. Kita ada isu yang besar sebab tahun ini dalam Bajet 2013. Kita membelanjakan RM276 juta ringgit untuk SPRM. Sekarang ditambahkan

pula dengan RM3.6 juta. Jadi kita mahu prestasi yang lebih baik, kita *expect more from* SPRM sebab buat masa sekarang kita nampak bahawa baru-baru ini Global Corruption Barometer Malaysia jatuh lagi. Hanya 31% rakyat Malaysia yakin dengan usaha pencegahan rasuah di Malaysia. Jadi kita mahu meningkatkan prestasi dan kalau kita nampak memerlukan RM3.6 juta untuk tugas semasa Pilihanraya Umum ke-13, maka timbullah banyak persoalan sebab kita tahu bahawa semasa Pilihanraya Umum ke-13, banyak isu beli undi berlaku di merata tempat.

Saya beri contoh, baru-baru ini dalam Bersih Tribunal – baru-baru ini dianjurkan, minggu lepas. Seorang pengarah dari National Oversight & Whistleblower Centre (NOW), Encik Ahmad Nasir telah *testify* bahawa sebanyak 1,705 kes diadukan kepada mereka bahawa penyelewengan semasa Pilihanraya Umum ke-13 dan termasuk pengerusi JKKK memberi *cash* kepada pengundi dan minta mereka mengundi Barisan Nasional dan juga janji kepada pengundi bahawa selepas Barisan Nasional menang, mereka akan dapat *holiday*, dapat melancong, akan dibawa melancong ke tempat lain jika Barisan Nasional menang.

■1600

Saya rasa, jadi ini adalah isu *corruption*. Di Pulau Pinang pula yang saya ulangkan isu tentang pembelian undi secara terbuka semasa pilihan raya yang lepas melalui *lucky bonus* dengan Barisan Nasional punya bendera, logo dan sebagainya, pengundi diberikan *lucky bonus*. Di kawasan-kawasan Barisan Nasional menang, dapat duit *cash*. Saya dengan Dato' Halim, *former Speaker* telah pergi ke tempat menyiasat dan kita dapat ambil *evidence* dan kita telah serahkan kepada MACC. Malangnya MACC kata kes ini tidak ada kes, tutup. Saya hendak tahu sebenarnya isu ini...

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sebenarnya isu ini seluruh Pulau Pinang tahu. Semua orang boleh nampak dan ini *very clear cut case*, tidak mungkin MACC boleh tutup begitu sahaja. Saya mintak kes ini dibuka semula. Kalau tidak setiap Parlimen saya akan bangkitkan kes ini...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Bangun]*

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sehingga ia dibuka semula.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Last* sekali. Ya, okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh lagilah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hah!

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masa sudah tidak ada, tidak akan *you* beri peluang lagi.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Sedikit sahaja. Saya tinggal sedikit sahaja.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Beri laluan? Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan apa yang dinyatakan tentang SPRM.

Saya hendak beri satu fakta bahawa pada pilihan raya tahun 2004, berlakunya satu tangkapan ke atas dua orang ejen daripada Barisan Nasional yang telah menyogok duit kepada bekas calon PAS, Sanip bin Ithnin bagi Parlimen Tenggara yang melibatkan salah seorang daripada Ahli Parlimen di sini. Di mana yang berlaku dalam kes itu, tangkapan dapat dibuat dengan orang ditangkap dengan duit sendiri dapat di— kata orang, *caught red-handed* dan kes itu telah dibawa ke SPRM. Akan tetapi sampai sekarang, tidak ada tangkapan. Saksi-saksi telah dipanggil, ada rakaman video, ada wang sogokan, orang yang ditahan itu juga masuk surat khabar sebab dia ditangkap dalam waktu pilihan raya. Saya bawa kes ini ke Mahkamah Persekutuan untuk cabar Peguam Negara supaya dakwa tetapi dikatakan bahawa Peguam Negara ini ada imuniti. Dia ada kuasa hendak dakwa atau tidak dakwa di bawah Artikel 145.

Persoalannya, dalam kes sebegini terang, dengan ada *hard evidence*, dengan *evidence* yang begitu kuat, mengapakah tidak ada pendakwaan dibuat sedangkan kita tahu kes jenayah tidak ada had masa. Jadi saya minta supaya mungkin sebagai tambahan daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bayan Baru. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya hendak minta ucapan Yang Berhormat Sepang itu dimasukkan ke dalam ucapan saya juga. Jadi, boleh Menteri jawab. Satu lagi ialah isu...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskanlah Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya, sama punya. Isu dakwat hitam yang tidak kekal, dakwat kekal yang tidak kekal. Kita hendak tahu apakah siasatan SPRM tentang *direct negotiation* tentang dakwat hitam. Adakah unsur-unsur rasuah berlaku?

Akhir sekali, adalah isu tentang '*I help you, you help me*' semasa *Sibu by-election*. Saya menyokong Perdana Menteri kata, dia kata hendak menjadikan *corruption* ini satu

perkara yang silam, *think of the past*. Saya sokong tetapi saya mintak kalau boleh, SPRM bantu Perdana Menteri, jayakan hasrat beliau dan *investigate 'I help you, you help me'*, tentang adakah kes ini dibuka? Bagaimanakah siasatannya? Apakah kesimpulan daripada kes tersebut? Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah. Lima minit Yang Berhormat, ya.

4.04 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada dua perkara untuk dibangkitkan dan saya akan cuba habiskannya dalam masa yang singkat.

Pertama sekali kita semua tahu bahawa Parlimen adalah institusi tertinggi ataupun forum tertinggi yang mana segala pertikaian atau masalah rakyat yang kita bawa, kita berhujah dan kita cuba dapatkan maklumat supaya kita boleh beritahu maklumat yang kita peroleh daripada kerajaan kepada rakyat. Kita sebagai wakil rakyat memang mengharapkan jawapan-jawapan yang diberikan oleh Parlimen itu adalah jawapan-jawapan yang tepat, betul dan konkrit. Oleh sebab itu semua Ahli Parlimen yakin bahawa soalan-soalan yang kita kemukakan dalam Parlimen itu diberi jawapan yang betul.

Bagi soalan-soalan lisan yang kita kemukakan, apa sahaja soalan lisan yang tidak dapat dijawab dalam Parlimen akan diberi jawapan secara bertulis. Jawapan bertulis itu juga seharusnya memberi satu jawapan penuh apa yang kita minta, kita perlu dapatkan jawapan supaya kita dapat membawa jawapan itu balik kepada rakyat. Ini disebabkan kita tidak menanyakan soalan itu sewenang-wenangnya. Setiap soalan, setiap wakil rakyat yang mengemukakan soalan itu mempunyai tujuannya yang tersendiri. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menjawab dengan betul.

Di sini saya ada satu soalan dan saya tidak tahu kenapa saya tidak mendapat jawapan yang penuh, jawapan yang tepat untuk soalan saya. Saya tidak tahu kenapa kerajaan cuba mengelak daripada menjawab soalan tersebut. Kenapa saya bangkitkan perkara ini, ini kerana ia ada kena-mengena dengan B.1 - Parlimen dan juga belanja Pengurusan. Apabila kita membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk Parlimen dan kalau Parlimen itu tidak dapat berfungsi dengan baik, maka itu adalah satu kerugian. Itulah sebabnya saya mahukan supaya jawapan-jawapan yang diberikan oleh kerajaan kepada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen ataupun wakil rakyat sepatutnya tepat dan kena pada tempat.

Di sini ada satu soalan. Soalan yang saya kemukakan adalah terlalu mudah dan saya tidak tahu mengapa kerajaan mahu mengelak daripada menjawab soalan ini. Saya meminta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia terhadap pembunuhan etnik Tamil di Sri Lanka [*Disampuk*] Ini ada kena-mengena dengan perbelanjaan pengurusan Parlimen. Kita menggunakan berjuta-juta ringgit untuk pengurusan Parlimen. Jadi, saya hendak tahu sama ada Parlimen diuruskan dengan betul ataupun tidak. Untuk itu, ini adalah soalan yang kita tanya dan kita perlu dapatkan jawapan yang betul daripada pihak kerajaan. Untuk bahagian pertama soalan, saya menyatakan pendirian Malaysia terhadap pembunuhan etnik Tamil di Sri Lanka, saya dapat jawapan tersebut sama ada saya terima jawapan itu ataupun tidak, itu lain perkara tetapi saya terima jawapan untuk bahagian itu.

Akan tetapi bahagian kedua, soalannya adalah begini, "*Berapakah jumlah pelarian Tamil dari Sri Lanka yang kini masih berada di Malaysia dan apakah bantuan-bantuan yang diberikan kepada mereka oleh kerajaan*". Untuk bahagian yang kedua ini saya tidak mendapat jawapan. Tidak ada apa-apa jawapan diberikan oleh kerajaan. Saya tidak tahu mengapa. Mengapa kerajaan hendak mengelak daripada menjawab soalan ini? Kenapa saya timbulkan soalan ini? Sebab saya terdorong apabila ada seorang pelarian dari Sri Lanka berjumpa dengan saya dan memberitahu saya dia menunjukkan satu kad kepada saya, kad daripada *United Nations*.

Dia kata saya adalah seorang pelarian dan saya berada di Malaysia dan saya tidak dilindungi oleh sesiapa. Saya terpaksa hidup sendiri dan saya terpaksa mencari kerja sendiri dan saya tidak mendapat bantuan daripada mana-mana pihak. Itu yang mendorong saya untuk menanyakan satu soalan, betul kah apa yang dikatakan oleh pelarian itu ataupun dia sengaja mereka cerita. Apabila saya tanyakan soalan dan saya tidak mendapat jawapan daripada Parlimen, di mana saya akan dapatkan jawapan untuk soalan ini? Kalau Parlimen tidak boleh memberikan jawapan kepada saya, di mana saya boleh dapatkan jawapan untuk soalan-soalan seperti ini. Itu adalah perkara pertama.

Kedua iaitu berkaitan dengan B.6 iaitu berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak imbas kembali sebelum pilihan raya, ada satu MoU telah ditandatangani di antara pihak kerajaan dan juga dengan satu pertubuhan NGO **Hindraf**. Dalam perjanjian itu, kerajaan bersetuju untuk mengiktiraf pelan tindakan lima tahun. Itu adalah perjanjian yang dibuat dan saya hendak tahu, apakah setakat ini pelaksanaan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan untuk pelan tindakan lima tahun ini? Kononnya pada masa itu telah diuar-uarkan dalam semua media massa mengatakan bahawa dengan perjanjian ini, maka ini akan membawa masyarakat India ke mercu kejayaan.

■1610

Itu yang diuar-uarkan dalam semua media massa tetapi selepas perjanjian itu dibuat, selepas pilihan raya, hari ini semuanya diam. Tidak ada apa-apa berita. Kami tidak mendapat apa-apa maklumat sama ada betul atau tidak pelan tindakan lima tahun ini sedang dilaksanakan ataupun tidak. Jadi untuk itu, saya hendak tahu apakah sebenarnya yang telah digariskan untuk masyarakat India melalui pelan tindakan lima tahun? Apakah program-program yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan di bawah pelan tindakan lima tahun untuk membantu tahap sosial ekonomi masyarakat India? Sebab ini diletakkan, sebab apa saya bawa isu ini? Ini kerana ia ditandatangani di antara pimpinan pemimpin Hindraf dan pihak kerajaan. Pemimpin Hindraf itu hari ini menjadi seorang Timbalan Menteri di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Oleh sebab itu saya hendak tanya. Apakah peruntukan-peruntukan yang telah diberikan kepada beliau ataupun untuk unit beliau untuk membantu masyarakat India? Itu sahaja, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Parit Buntar. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

4.11 ptg.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada hendak sentuh Parlimen. Mudah sahaja, dalam Butiran 010200 ini, saya hanya minta untuk memberikan keberkesanan kepada Ahli-ahli Parlimen melalui satu ruang, yang mana kalau kita tengok Ahli Parlimen di negara lain akan ada tempat untuk dia bekerja. Jadi, apa yang kami ada pada hari ini adalah tingkat 14 dibahagi dua. Kalau kami daripada PAS terpaksa bersesak-sesak di dalam bilik itu. Apabila hendak buat kerja dan sebagainya timbul masalah hendak *share* komputer dan sebagainya.

Jadi, saya hanya minta dalam pengurusan ini kalau boleh dibuatkan ruang, bukan kami sahajalah, semua Ahli Parlimenlah. Malah kalau ada seorang pegawai yang boleh jadi kami punya pembantu pun adalah sesuatu yang boleh menaikkan taraf bagi memberi keberkesanan [*Tepuk*] Oh! Terima kasih. Malah, kalau tidak ada keberatan macam tidak ada sidang Parlimen, Yang Berhormat Arau, jadi kami harap boleh datanglah ke Parlimen untuk buat kerja, duduk di pejabat kami.

Itu dalam melahirkan Ahli Parlimen yang lebih berkesanlah. Kemudian, dari sudut pengurusan juga, kalau boleh buku-buku laporan tahunan yang kita terima termasuklah SUHAKAM dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Kadang-kadang kita tidak sempat

hendak bahas benda itu. Jadi, kalau boleh laporan-laporan itu kita adakan jawatankuasa untuk meneliti satu per satu dan dibuat pertanyaan kepada agensi tersebut kalau ada apa-apa persoalan yang kita hendak timbulkan dalam *committee* tersebut, jawatankuasa tersebut...

Jadi adalah ruang untuk kita meneliti laporan-laporan tahunan itu. kalau tidak, kita hanya memenuhi ruang pejabat dengan laporan yang menambun. Nanti kita akan dapat cerita, wakil rakyat mati kerana tertimbus dengan buku-buku laporan itu [Ketawa]

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Minta laluan.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ya, ya, sila.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Tadi Yang Berhormat ada membangkitkan isu dengan laporan-laporan SUHAKAM dan sebagainya untuk membolehkan Ahli-ahli Parlimen berbahas dengan lebih berkesan. Dalam tahun 2012, *International Budget Partnership* ada mengemukakan satu *survey*, *Open Budget Survey 2012*, yang mana satu *survey* telah pun dilakukan atas *budget transparency* dan *budget process* di seluruh dunia. Untuk Malaysia, Malaysia mendapat markah 39 daripada 100 iaitu adalah satu markah yang cukup rendah dan telah pun dikritik kerana tidak memberikan maklumat yang cukup kepada rakyat dan juga Ahli-ahli Parlimen supaya mereka boleh bersedia membahaskan bajet dengan lebih berkesan.

Antara satu daripada permintaan dalam *survey* ini adalah supaya kerajaan membekalkan satu *pre-budget report* yang boleh diberikan kepada rakyat lebih awal. Sekurang-kurangnya satu bulan sebelum *proposal* cadangan bajet dicadangkan ataupun dibentangkan di parlimen untuk Ahli-ahli Parlimen membahaskan bajet dengan lebih berkesan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan ini?

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Amat bersetuju dan masukkan dalam saya punya ucapan. Kemudian, lagi-lagilah kalau isu itu yang disebut, lagi-lagilah keperluan kita untuk mengemaskinikan pengurusan. Malah, kalau tanya saya, saya mencadangkan lebih radikal daripada itu. Kalau boleh *pre-budget* itu juga melibatkan pembangkang di sebelah sini supaya kita boleh sampaikan apa juga hasrat-hasrat yang mengimbangi soal dasar dan keperluan.

Contohnya, Pakatan Rakyat, dia ada fiskal bajet bagi kita mengawal perbelanjaan. Jadi, boleh dimasukkan ke dalam *pre-budget* tetapi tidak ada begitu. Oleh sebab itu kita berbalah berjam-jam di dalam parlimen. Kemudian, saya hendak sentuh Tuan Pengerusi tentang isu... Saya tidak tahu Tuan Pengerusi, waktu saya sudah agak...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya pun susah hendak cakap Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Mencemburui saya sebenarnya. Saya tidak mahu melengah-lengahkan yang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat. Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya bacakan ya. Isu PERDA, ada Yang Berhormat Tasik Gelugor adakah? Oh! Ada, ada. Saya tengok isu PERDA di Pulau Pinang ini kadang-kadang dia jadi lebih politik daripada isu pembangunan. Milik projek PERDA. Tanah dan kemudian timbul isu majlis perbandaran, kelulusan dan sebagainya. Ada beberapa kali kerajaan negeri terpaksa bertembung dengan PERDA dan PERDA terpaksa bertembung. Sepatutnya benda itu tidak berlakulah. Saya harap kalau boleh kurangkan politik tetapi tumpukan kepada keperluan kenapa PERDA dibuat dan bagaimana kerajaan negeri boleh 'memudahcarakan' urusan-urusan tersebut? seterusnya saya hendak..

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Boleh minta laluan sedikit?

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya tak minta komen, saya cuma minta dengar sahaja. Terima kasih.

Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Okey, tak apa.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ambil *note* sahaja, ambil *note* sahaja. Nanti kita sembang masa minum kopi sekejap lagi. Seterusnya ialah perkhidmatan awam. Habis, yang ini *last* dah Tuan Pengerusi, tidak ada dah selepas ni. Tentang pegawai-pegawai perkhidmatan awam, ada satu laporan yang menyatakan bahawa ramai pegawai khidmat awam ini yang tidak berapa *passion* ataupun tidak berapa menunjukkan minat bekerja. Mereka duduk di situ kerana menjalankan tugas sahaja.

Jadi, ada satu aspek yang lebih utama iaitu kepuasan kerja. Dalam pembangunan modal insan ini, kita kena ingat bahawa kepuasan kerja adalah lebih utama daripada sekadar tanggungjawab dan banyak telah disentuh. Jadi, saya hendak tanya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, sejauh manakah usaha menitikberatkan kepuasan kerja ini dilakukan? Kedua ialah tentang isu PTD. Saya tidak tahu sejauh manakah perkembangan selanjutnya yang telah menimbulkan agak kekecohan di kalangan para guru yang dalam Kementerian Pendidikan, yang mana PTD dibenarkan mengisi jawatan Penolong Kanan Gred DG48. Hal ini telah menimbulkan bantahan hampir 27 buah Kesatuan Kebangsaan Guru.

Saya tidak tahu bagaimana keadaannya sekarang? Adakah telah sampai satu penyelesaian kepada persoalan tersebut kerana pihak guru kompelin dengan kemasukan PTD ini, seolah-olah menceroboh bidang kerja mereka sedangkan PTD bukan di dalam

pendidikan. *Last* sekali, satu sahaja lagi saya hendak tanya pasal ada peruntukan yang agak besar bagi tambahan bantuan mengurus jenazah untuk pesara. Apa ini? Jenazah apa ini? Hendak urus siapa dia mati ini sampai RM712 *million* ini? Saya minta penjelasan. Sekian terima kasih Tuan Pengerusi kerana bersabar dengan ucapan saya.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Pengerusi...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh Tuan Pengerusi? Tak sempat...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, ya. Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

4.19 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita akan melalui proses yang panjang untuk membahaskan bekalan tambahan ini. Ini baru JPM dan dengan empat orang Menteri, selepas itu kementerian-kementerian. Saya hendak menarik perhatian Tuan Pengerusi mengenai Peraturan Mesyuarat 67(9). Sekarang ini saya tidak boleh bercakap. Saya akan bawa peraturan mesyuarat.

■1620

Peraturan Mesyuarat 67(9) dengan terang menyebutkan bahawa, “Perbahasan atas Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan dalam Jawatankuasa adalah terhad kepada butir-butir yang terkandung dalam Anggaran Belanja yang diminta untuk belanja tambahan.”...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Memang betul Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya tengok perbahasan dasar telah dibuat dengan berleluasa. Jadi saya ambil *ruling* daripada Dewan Rakyat ini daripada masa yang lepas iaitu yang dikeluarkan oleh - saya tidak pasti sama ada yang dikeluarkan oleh Timbalan Speaker ataupun Tuan Speaker yang menyebut bahawa, sekiranya perkara itu ditanya Menteri, boleh membuat tiga pilihan iaitu menjawab dengan berhemah, ataupun menjawab dengan helah, ataupun tidak payah jawab langsung.

Sebab ini ialah perkara khusus 69, dan saya tengok semua kawan-kawan telah membicarakannya dengan bebas tanpa melihat perincian daripada apa yang telah diminta oleh pembekalan tambahan. Maaf Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi pun saya tersilap bukan “Tuan Yang di-Pertua”, “Tuan Pengerusi”. Kita kena bincang tajuk itu sahaja. Macam Parlimen dibincangkan, tidak apalah dibincangkan dengan cara meluas dan sebagainya tetapi yang kita minta di sini ialah berhubung dengan perbelanjaan mengenai

Persidangan CPA yang ke-54, yang diadakan di KLCC. Kita minta tajuk itu dia tidak pergi kepada tajuk yang lain.

Jadi kalau saya ambil pendekatan *ruling* daripada Dewan Rakyat dahulu bahawa berhemah, berhelah, tidak payah jawab langsung, jadi saya boleh berbuat sedemikian kerana tidak ada satu orang pun yang bertanya soalan ini. Ini kerana bila kita sebut Perbekalan Tambahan di bawah Jawatankuasa, kita kena ubah ayat sama ada kita hendak tambah duit ataupun hendak kurangkan duit ataupun hendak ubah perkataan.

Ada beberapa perkara yang akan timbul pada minggu hadapan. Kita akan membuat pindaan di dalam Jawatankuasa mengenai perkataan-perkataan di dalam rang undang-undang yang kita bentangkan. Itu boleh tetapi kalau kita bincang secara umum pada pandangan saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat itu masih terpakai dan memang pun perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dipohon dalam peringkat Jawatankuasa ini tidak perlu disentuh oleh Ahli Yang Berhormat tetapi sukar bagi Tuan Yang di-Pertua, atau siapa-siapa pun yang duduk atas ini untuk memberhentikan mereka. Mereka seperti lazimnya akan menggunakan tajuk pertama bukannya Parlimen.

Dikatakan Parlimen tetapi dia tidak melihat pengurusan Parlimen. Selepas itu digunakan Parlimen itu untuk menghurai perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan apa yang sepatutnya di bincang dalam peringkat Jawatankuasa. Jadi Yang Berhormat boleh gunakan budi bicara untuk tidak menjawab perkara-perkara itu kerana ia tidak bertentangan dengan peraturan mesyuarat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya memilih untuk benda yang agak *detail* itu saya akan memilih untuk jawab bertulis tetapi bagi perkara yang ditimbul yang boleh saya menjawab kerana saya ada maklumat saya akan menjawab sekarang. Itu berhemah bukan, kalau saya ambil peraturan tiga tidak perlu jawab. Yang Berhormat tidak boleh marah dekat saya tetapi semua kawan-kawan saya ini adalah kawan-kawan yang saya sayangi maka saya jawablah dengan cara yang berhemah.

Saya tidak perlu untuk... Akan tetapi saya hendak maklum bahawa semua Ahli Yang Berhormat kena ingat bahawa bila kita berucap, kita jangan lupa perkataan ini, 67(9) ini mesti duduk di dalam kepala kita ke mana kita pergi tetapi kalau Speaker dia terlalai sedikit, kita boleh kecohlah. Itu hak Ahli Parlimen. Kita terus bercakap macam bercakap sampai tajuk "Pembunuhan Etnik Tamil", itu tidak masuk langsung bawah ini. Akan tetapi Speaker tidak boleh biarkan dia bercakap 5 minit...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sebagai contoh, sebagai contoh...!

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Sebab menyentuh tentang apa yang saya bangkitkan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Saya tidak minta tentang isu itu, saya minta kenapa tidak jawab soalan itu sahaja. Bukan saya minta tentang isu itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sudah jelas tadi Yang Berhormat.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Bukan saya hendak bahaskan tentang isu itu. Saya hanya hendak tahu, kenapa soalan yang saya tanya di Parlimen tidak dijawab itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sudah jelas sudah ini. Itu yang saya katakan tadi Yang Berhormat gunakan perkataan Pengurusan Parlimen dalam Butiran Pengurusan Dewan dalam butiran tetapi soalan Yang Berhormat itu menuju kepada Kementerian Luar Negeri. Itu yang dikatakan tadi, jika kita ikut kepada Peraturan 67(9), ianya terkeluar daripada skop perbincangan itu walaupun dikatakan ada perkataan "Pengurusan Dewan 010200".

Akan tetapi secara *detailnya* itu tidak dijawab oleh Parlimen, dijawab oleh Kementerian Luar itu yang saya katakan tidak berkaitan. Akan tetapi sukar untuk kita untuk sebagai Tuan Yang di-Pertua untuk berhentikan Yang Berhormat pada ketika itu. Seperti yang saya katakan terserah kepada budi bicara Yang Berhormat Menteri sama ada untuk menjawab atau tidak kerana tidak bertentangan dengan peraturan mesyuarat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun saya ingat Yang Berhormat bersabar tunggu di bawah Kementerian Luar sekejap lagi. Yang Berhormat timbulkan kepada Yang Berhormat Menteri, sudah pasti ianya akan mendapat jawapan yang cukup baik.

Bagi saya ialah apa sahaja yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat kita hendaklah bertanggungjawab untuk menjawab sebab kita kerajaan yang bertanggungjawab. Walaupun ianya memang tidak berkaitan langsung macam SPRM ini dia minta untuk membina bangunan. Kita pi buat hendak bina seksyen itu seksyen ini dalam SPRM, tidak ada. Dia tidak minta itu, hendak minta bina bangunan. Yang Berhormat boleh minta supaya bangunan itu condong, bengkok dan sebagainya, boleh. Bukan pinda seksyen beritahu Menteri Besar itu RM10 juta, Ketua Menteri Sarawak dia tidak termasuk di bawah itu tetapi di bawah dasar dalam Bajet Belanjawan bulan Oktober

nanti Yang Berhormat timbullah dunia ini, segala-galanya. Daripada ceruk-ceruk Seputeh pun boleh ditimbulkan sampai ke sebesar-besar wilayah. Jadi boleh timbulkan.

Akan tetapi untuk perbahasan begini kita kalau boleh sebab kita hendak tengok dia belanja ini buat apa ya. Jadi yang ini dia hendak bayar CPA, dia hendak bayar belanja CPA tetapi kita timbulkan, saya hendak jawab. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Parit Buntar yang penghabisan sekali. Jadi Ahli Yang Berhormat yang saya tidak sebut saya tolong maklumkan. Ini adalah semua yang menyentuh fasal JPM.

Okey ada beberapa perkara yang bila saya datang sini saya adalah manusia yang lagi gelisah bila melihat sesuatu itu tidak sempurna. Saya orang yang pertama kali bertanya bila bangunan ini hendak siap. Saya pun geram saya kata mana dia pekerja, kenapa pekerja tidak bekerja 24 jam. Semua saya telah tanya. Soalan-soalan Yang Berhormat itu semuanya saya sudah awal tanya.

Hari yang pertama saya datang itu saya sudah awal tanya. Hari yang pertama saya datang sini saya tanya itu kenapa bangunan tidak siap. Jadi dia kata Pengarah JKR pun kita panggil dan sebagainya ini adalah bangunan *heritage*. Mesti dibina sendiri oleh JKR. Saya tanya lagi sampai habis. Saya kata sekarang ini tengah buat apa? Dekat penjuru mana mereka buat kerja sebab saya tidak nampak pekerja, saya tanya. Mereka kata sekarang mereka memperbaiki bumbung itu. Bumbung yang tajam itu supaya bila kita berbahas, kita tidak hendak bumbung itu jatuh atas kepala kita sebab bumbung itu sudah agak lama. Hak yang itu dijaga dahulu sebab dia sudah berlaku keadaan di mana ada bumbung yang pernah serpihannya pernah jatuh.

Jadi yang itu yang diperbaiki dan kalau ikut jadual dia mesti siap dalam bulan September dan selepas itu kerjanya telah diatur bertingkat-tingkat di mana sampai bulan Februari barulah mula kerja. Saya telah membuat keputusan yang muktamad dan Menteri Kerja Raya pun tahu bahawa semua kerja tidak termasuk bangunan, termasuk bangunan baru, termasuk bangunan sementara mesti dimulakan dalam bulan Januari. Sebab saya pun tidak sanggup dan tidak sabar menunggu. Bangunan *heritage* itu tidak apa kita boleh maafkan.

Akan tetapi bangunan empat tingkat itu tidak *heritage*. Ini bangunan baru saya kata boleh mulakan serta-merta dan mereka sedang bekerja keras sama ada sampai malam ataupun

tidak tetapi mereka kena pastikan sebab tender dikeluarkan dan selepas itu kita mulakan kerja. Pegawai-pegawai sebenarnya mereka cukup takut untuk melanggar satu hari pun sebab dia kata dia berurusan dengan Ahli Parlimen yang pandai-pandai belaka, menegur sana menegur sini. Dia hendak kena ikut peraturan. Kalau ikut peraturan dia kena buat bangunan itu dalam bulan Februari. Saya kata boleh yang dari segi masa itu dia ada peraturan untuk membolehkan kita mempercepatkan. Saya kata kalau boleh Parlimen ini mereka kerja 24 jam satu hari. Mereka boleh buat *shift* sebagaimana yang kita buat bangunan yang pertama kita buat dahulu yang pertama kita buat hanya sebelas bulan. Kita boleh berbuat demikian dan mereka sudah melihat aspek-aspek ini.

■1630

Kalau ikut *progress* yang telah diberikan yang saya jawab dalam bulan Julai yang lepas bahawa tidak ada *delay* cuma mata kita tidak sanggup melihat, tidak ada orang buat kerja. Padahal orang bekerja ini ramai dan sebagainya. Jadi, kita bincang pasal pekerja asing, pekerja cukup semua cukup cuma ianya mengikut jadual, lambat, memang lambat sikit. Walau bagaimanapun, saya ingat tiga bulan untuk kita sampai ke Januari, kita harap kita semua bersabar.

Jadi, yang keduanya lif dan juga taska termasuk tempat Ahli-ahli Parlimen. Kalau kita hendak buat tempat Ahli Parlimen sementara, kita boleh buat demikian. Kalau semua Yang Berhormat mendesak supaya buat tempat sementara, kita boleh berbuat demikian, tidak ada masalah. Akan tetapi, dalam bangunan baru itu kita telah sediakan tempat untuk tiap-tiap Ahli Parlimen. Tempat yang paling selesa di antara yang paling selesa dalam dunia dan tidak boleh di banding dengan Zimbabwe ataupun Timbuktu dan sebagainya.

Ini tempat yang paling selesa yang telah kita disediakan tapi malangnya Yang Berhormat semua hanya kita boleh merasainya pada tahun 2016. Kita bersabar, kita berdoa supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri isytiharlah Parlimen bubar 2017 jadi kita sempat merasa bangunan ini. Bagi orang-orang yang menghabiskan, sempatlah rasa bau dia. Bagi orang-orang yang akan meneruskan tentulah mereka akan seronok melihat satu bangunan baru yang mempunyai jenama yang baru, hebat tersergam indah iaitu Parlimen.

Akan tetapi yang taska ini walaupun jawapan pegawai sediakan bahawa akan disediakan sama seperti bangunan Parlimen, saya juga tidak sabar. Saya minta yang ini disegerakan dibuat tempat sementara sebab orang tidak berhenti untuk beranak, orang tidak berhenti untuk melihat anaknya bertambah umur dan masuk taska.

Kalau kita tunggu bangunan siap, jadi anak itu sudah masuk mungkin darjah empat, tidak sempatlah merasai taska. Kita boleh buat tempat sementara untuk taska ini

dan *insya-Allah* kita harap akan menjadi kenyataan termasuk juga tempat-tempat sementara yang lain. Termasuk juga tempat-tempat sementara Ahli-ahli Parlimen. Kita akan memikirkan tempat sementara di sekeliling tempat yang ada di sini dan kalau boleh kita panjangkan sampai ke tempat rusa. Kita boleh selamat tinggal kepada rusa. Kita boleh ambil kawasan yang berkenaan untuk tempat-tempat sementara. Itu tidak masalah tetapi sama ada ianya sesuai ataupun tidak kita akan lihat benda itu nanti. Jadi, saya telah.....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan boleh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Penjelasan tidak ada masalah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri nampaknya yang bumbung *heritage* itu, bangunan *heritage* perlu dua tahun baru siap kah? Sampai sekarang bulan September, nampaknya pada 30 September baru siap. Sebenarnya dalam tempoh dua tahun yang lepas itu, bangunan lain yang sepatutnya didirikan haruslah buatlah. Jadi, bila saya dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, saya hanya hendak tanyalah, adakah ini menunjukkan bahawa bekas Menteri yang *sign* kontrak itu tidak cekap? Sama ada Menteri dulu yang jaga Parlimen atau Menteri JKR itu yang mereka saya tidak faham kenapa mereka perlu bagi kontrak selama lima tahun. Banyak *concurrently* mereka sebenarnya boleh buat tapi ia tidak dijalankan. Apakah soalan saya ini benar?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang ini minta maaf kena sebut sedikit. Saya rasa Yang Berhormat ini di antara Yang Berhormat yang disenangi oleh semua orang. Yang Berhormat sering berada di luar Dewan sana, berinteraksi. Malah Yang Berhormat berinteraksi dengan mereka lebih daripada saya. Saya Yang Berhormat macam pinggir-pinggirkan saja...

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Akan tetapi dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lepas, saya tengok Yang Berhormat cukup rapat. Tidak akan Yang Berhormat hendak tanya soalan demikian rupa. Kalau ia pun Yang Berhormat semua boleh tanya dalam Parlimen yang lepas sebab di Dewan ini sudah ditutup dua tahun lebih. Saya rasa kalau Yang Berhormat tanya pada Parlimen yang lepas itu lebih baik. Hendak jawab sekarang, amat sukar sebab Yang Berhormat sudah dapat jawapan cuma hendak uji saya. Hendak uji saya sudah pasti saya akan kata, kawan-kawan saya adalah menteri-menteri yang terbaik malah di antara menteri yang terbaik di dunia.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Jadi itu jawapan saya. Mereka tidak tergesa-gesa untuk *sign* kontrak, untuk *sign* apa-apa sahaja sebab kami tidak mahu dituduh bahawa kami ini terlibat untuk bagi kepada kroni dan sebagainya. Kita ikut peraturan supaya benda itu tidak timbul benda yang tidak elok di belakang hari. Kita ikut peraturan. Tambah dengan Ahli Parlimen, kita kena berhati-hati supaya apa yang kita buat pun biarlah ianya mengikut peraturan.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Jadi, apa Yang Berhormat yang lepas buat....

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Boleh mencelah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kangsar bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Jadi, Yang Berhormat Menteri Parlimen masuk...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Pengerusi, boleh saya mencelah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: ...Dan Yang Berhormat Seputeh telah maklum bahawa Yang Berhormat yang jaga Parlimen yang lepas adalah yang terbaik dalam dunia. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim Sekarang ini fasal....

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Pengerusi, boleh mencelah sikit.?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Saya hendak bagi pandangan. Terima kasih Tuan Pengerusi tentang kerja-kerja bangunan lama terutamanya *heritage building*. Kita tahu bahawa kerja-kerja menaik taraf ataupun membaiki pulih bangunan lama khususnya bangunan *heritage* memerlukan masa yang begitu lama kerana panduan untuk kerja-kerja bangunan lama ini begitu rumit. Bukan sahaja dari segi strukturnya tetapi juga dari segi kemas, jenis catnya, jenis simennya semua diperlukan.

Jadi masa dua tahun itu sebenarnya amat-amat singkat. Jadi, mungkin tiga hingga empat tahun untuk kita lihat ataupun memulihkan bangunan-bangunan *heritage*. Ini pandangan saya sebagai seorang arkitek. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Terima kasih. Jawapan Yang Berhormat itu juga boleh di masuk sebagai jawapan saya. Akan tetapi, saya hendak maklum di sini Yang Berhormat, kita ada fasa-fasa yang mana fasa yang terakhir akan siap pada tahun 2016. Baik pulih blok menara juga pada 2016. Baik pulih dan naik taraf blok utama serta kerja-kerja berkaitan 2016 tetapi bangunan bumbung *panicle* blok utama ini siap dalam bulan ini. Jadi, saya ingat selepas itu kawasan tersebut akan ditutup dan kita akan memang ada masalah sikit lagi sebab apa pergerakan kita lagi jauh di antara menara ke sini.

Sekarang ini Yang Berhormat kata mengambil masa sepuluh minit. Sebenarnya saya bersama Yang Berhormat tetapi saya laju sikit, saya ambil masa lima minit. Akan tetapi kalau lima minit pun Yang Berhormat mungkin tidak sanggup berjalan di jarak yang jauh. Kita boleh sediakan kenderaan di masa akan datang bila kita tutup bangunan ini. Akan tetapi, saya percaya di atas saranan Yang Berhormat Pengerang tadi kerana kita menghadapi masalah berat badan, eloklah kita jalan ke sana ke sini. Semoga berat badan Ahli-ahli Parlimen menjadi contoh teladan kepada rakyat Malaysia.

Okey, kemudian yang lain-lain saya jawab secara bertulis dan termasuk yang disentuh tentang beberapa peraturan Parlimen. Sebenarnya yang ini kita sudah maklum. Saya maklum kepada pihak yang berwajib. Mereka berjanji kepada saya akan selesaikan kali ini tetapi tidak sempat juga dinaiktarafkan. Saya berharap bulan Oktober nanti sebab dalam sesi yang panjang, kita punya *WiFi* dapat ini dapat diperbetulkan dan kita bolehlah berada lama dalam Parlimen. Saya tahu kalau kita tidak tahu hendak menghadap apa, hanya mendengar ucapan, kadang-kadang menghiris perasan. Jadi, yang ini boleh menolong kita.

Kemudian Yang Berhormat juga telah menimbulkan banyak perkara lain tentang Parlimen, saya rasa perkhidmatan yang dibagi oleh pegawai-pegawai Parlimen sekarang ini cukup baik dan mereka ini bagi perkhidmatan yang baik kepada semua, semua Ahli Parlimen. Jadi Ahli Parlimen sekarang ini cukup *comfortable* dengan perkhidmatan yang telah diberi oleh pihak pegawai termasuk klinik. Klinik kita bagi tahu bahawa kalau sekiranya klinik yang ada sekarang ini tidak mencukupi, kita boleh sediakan tempat tambahan. Itu tidak ada masalah dan saya sudah bagi tahu pihak klinik kalau apa yang mereka perlukan, kita kena sediakan. Akan tetapi, bangunan kita ini yang ada. Kalau kita hendak tambah, kita kena buat bangunan sementara, khemah dan sebagainya.

Jadi saya harap tentang Parlimen kita telah...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Beruas bangun.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Menteri boleh tanya satu hal yang tidak selesai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: *Sorry.*

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Yang Berhormat Beruas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: *Oh sorry.* Ahli perniagaan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu perkara yang memang tidak selesai kepada semua Ahli Parlimen di sini ialah komputer yang depan kita ini sejak dari mula lagi ia dipasang sampai hari ini tidak, memang terlalu lambat sangat hinggakan tidak boleh digunakan. Jadi, saya hendak tahu berapa jumlah wang yang kita belanja dari permulaan lagi sampai hari ini saya sudah tunggu-tunggu harap diperbaiki tetapi malangnya sudah bertahun-tahun tapi masih tidak berfungsi secara yang perlu. *Very slow access*, dengan izin. Kalau boleh diperbaiki. Bilakah kita boleh gunakan komputer ini?

■1640

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, saya setuju sebab Yang Berhormat juga banyak yang berniaga saham. Jadi, kalau sekiranya lambat, jadi kita lambat membeli dan sebagainya. Yang ini saya akan *supervise*, dengan izin, sendiri. Saya hendak pastikan supaya Parlimen yang akan datang, bulan Oktober nanti supaya kita akan dapat sesuatu yang baik, mungkin terbaik. Kalau sekiranya kita terpaksa buat apa-apa gantian, kita kena berbuat demikian.

Akan tetapi ada sesuatu di depan mata tidak boleh pakai. Itu lagi menyakitkan. Jadi, Yang Berhormat bagi peluang kepada saya...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Berapa jumlah yang telah dibelanjakan? Boleh dapat balik dari kontraktor tidak. Ini kerana kalau dari mula lagi, dari baru lagi tidak boleh digunakan *as expected*, boleh dapat balik wang yang telah kita bayar kerana mungkin tidak mengikut spesifikasi. *You buy a new product*, dari hari pertama pun tidak boleh digunakan, perlulah dapat balik duit untuk rakyat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang itu akan saya maklum dalam pertanyaan-pertanyaan yang saya akan buat nanti. Saya akan buat perbincangan dengan pegawai-pegawai Parlimen dan saya akan masukkan juga semua pemikiran daripada Ahli Yang Berhormat. Saya tahu semua Ahli Yang Berhormat kecewa sungguh dengan benda ini. Saya pun tanya berkali-kali. Saya tanya, *alright* tidak? Depa kata mungkin boleh *alright*.

Tidak *alright* juga sebab saya yang mula cuba hari pertama yang lepas tidak boleh. Malah, sekarang ini kami bertanding. Saya calon nombor satu [*Ketawa*]

Jadi, kita perlukan juga *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya. *Twitter* kita boleh gunakan telefon kita tetapi kita perlu menghubungi kawan-kawan dan juga lain-lain perkara. Jadi, sebenarnya keresahan Ahli Yang Berhormat, keresahan kami. Jadi, kita akan minta supaya pihak Parlimen untuk membetulkannya. Jadi, pihak kerajaan akan sama-sama dengan Parlimen untuk memastikan supaya benda ini menjadi kenyataan.

Ahli Yang Berhormat menimbulkan pasal TV Al-Hijrah. TV Al-Hijrah ini, pada masa sekarang kita berjaya mendapatkan jumlah penonton harian sebanyak 1.4 juta berdasarkan daripada laporan terkini, daripada ACNielsen. Kita berada di tahap untuk kita capai 1.5 juta penonton harian berdasarkan semua rancangan yang disiarkan. Kita sedar bahawa apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya kita ada masukkan dalam TV Al-Hijrah. Akan tetapi penjenamaan TV Al-Hijrah ini dia sedang berada dengan siaran-siaran yang lain. Jadi, kita hendak pastikan supaya orang masuk TV Al-Hijrah itu seperti dia hendak program-program dia yang dia pernah tengok.

Macam saya, RTM sahaja dengan TV3 sebagai contoh. Jadi, saya akan tekan RTM sebab itu ialah siaran yang terbaik dalam dunia. Tambahan pula semua Ahli Parlimen setuju. Kalau siapa tidak setuju, saya harap kamera pusing ke lain. Kalau setuju *alright*. Ini bukan ugut, cerita ya. RTM sekarang ini telah berjaya membawa kita kepada rakyat. Malah, Ahli Parlimen Pembangkang yang paling pandai mengambil kesempatan, belum lagi soal jawab mulut bermula, dia sudah ganggu dah. Kelmarin 25 minit. Yang Berhormat, 25 minit. Saya soalan yang pertama. Saya terpaksa jawab 10.26 minit saya mula jawab. Jadi, lepas itu berlaku - bukan hambat menghambat, berlaku Yang Berhormat dikeluarkan. Jadi, bayangkan masa kita 26 minit. Saya kalau hendak suruh ini, saya minta kawan-kawan saya bawa banyak kes-kes.

Macam polis di Melaka. Bayangkan tuan-tuan, dahulu kita takut orang tembak. Sekarang polis dihempuk dengan batu. Bawalah keluarga yang kena hempuk dengan batu itu ke Parlimen kalau kita betul-betul hendak perjuangkan hak rakyat. Ambil kes di mana satu orang datuk dengan cucu dok jaga lembu. Tiba-tiba datang pencuri, bunuh datuk dan cucu, ambil lembu. Bawa sini! Kita tidak boleh perjuangkan satu kaum sahaja. Ini banyak kes-kes yang derita, yang sepatutnya dibawa. Peristiwa datuk dengan cucu itu, menggigil saya. Masa itu saya cuma wakil rakyat biasa.

Saya mencari siapa yang sanggup bunuh datuk dengan cucu kalau hendak ambil lembu. Kita tidak bawa publisiti yang berlebihan, kita takut berlaku isu perkauman. Bunuh datuk dengan cucu sebab hendak ambil lembu. Ambillah lembu, takkan hendak bunuh

orang. Akan tetapi mereka sanggup berbuat sedemikian. Demikianlah kita hadapi manusia yang demikian rupa.

Ini kita bawa keluarga, lepas itu kita cerita keluarga kena aniaya dan kita tidak *declare* kita punya *interest* sama ada kita adalah peguam kepada kes yang berkenaan. Kita kena cerita. Kalau semua Ahli Parlimen bawa...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Menteri, boleh tanya sedikit.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sokong saya tidak?

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tidak, tidak. Hendak tanya sedikit sahaja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya dahulu bagi banyak peluang kepada pembangkang, lepas itu hentam saya sampai saya mendapat jenama yang kurang bagus. Kali ini, saya berhati-hati untuk bagi kepada pembangkang sebab bila mula minta mulut manis. Lepas itu hentam saya. Siapa hentam, saya tidak bagi.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Bukan hentam, kita kritik, kita bagi nasihat. Itu sahaja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat ...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh minta penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat sebagai seorang peguam...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat cuba fikir tengok ...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tadi Yang Berhormat Menteri gunakan istilah ganggu. Saya hendak minta penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kalau kita bawa keluarga, saya sedih lagi. Macam polis kena hempuk dengan batu di Melaka. Bawa keluarganya, minta siasat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tadi Yang Berhormat Menteri kata...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Datuk dengan cucu kena bunuh. Bunuh curi lembu.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Boleh? Yang Berhormat Menteri, boleh minta penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sekali ya. Kalau sekali Yang Berhormat *misbehave*, tiada peluang ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tidak, kita tidak akan *misbehave*. Apa ini? Jangan tuduh macam itu. Ini Parlimen, kita boleh berbahas secara sopan. Tidak payah gunakan istilah *misbehave* dan sebagainya. Semalam, tadi Yang Berhormat Menteri kata ada Ahli Parlimen yang ganggu. Yang Berhormat Menteri gunakan istilah ganggu. Pasti Yang

Berhormat Menteri rujuk pada Ahli Parlimen Padang Serai yang bangun sebelum soalan dimulakan. Akan tetapi adakah Yang Berhormat Menteri tahu perkara yang dia bangkitkan adalah petisyen yang dia bawa dan petisyen itu...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, perkara ini telah pun dihuraikan panjang oleh Tuan Yang di-Pertua. Tidak payah lah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Akan tetapi dia mesti faham ini. Dia mesti faham ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Telah dibuat keputusan dan dihuraikan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Jangan cakap istilah ganggu sebab ini bukan...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, sebenarnya...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *You* kena baca *standing order* juga. Ini *standing order* semua tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Semua sekali petisyen dan segala-galanya kita bawa selepas soal lisan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Standing Order* kita memperuntukkan bahawa petisyen dibangkitkan sebelum soalan. Baca dahulu, baca aturan 14.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak, tidak. Akan tetapi Parlimen sudah setuju, *ruling* sudah bawa...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Baca Peraturan 14, baca Peraturan 19, baru kita boleh cakap lah. Yang Berhormat itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, saya rasa tidak masuk lah Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tengok itu. Orang bagi peluang hendak buat macam itu. Tidak apa.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *So*, kena baca itu juga. Jangan kata ganggu, jangan kata *misbehave*.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tak kan dapat dah seumur hidup. Tengok lah.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dia gunakan hak dia untuk cakap. Profesional.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dia gunakan hak dia untuk bercakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Jangan gunakan istilah ganggu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Cuma, kita sudah setuju. Tuan Yang di-Pertua sudah buat *ruling*, semua sekali petisyen dan lain-lain perkara dibawa selepas soalan jawab mulut.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *Ruling stay* tetapi jangan gunakan istilah ganggu macam itu. Ini kena jagalah bahasa.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak, tidak. Telah kita setuju.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Gunakan bahasa yang [*Dewan riu*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini saya hendak beritahu Yang Berhormat,

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Cerita kita boleh dengar [*Dewan riu*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Katalah mereka ini,...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Janganlah macam ini juga, jangan macam ini juga.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sebagai contoh, sebagai contoh...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Dia boleh *defend*, bagi dia *chance*, dia boleh *defend*.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sebagai contoh, tiap-tiap Ahli Yang Berhormat bawa kes yang sama tiap-tiap hari.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Okey, dia boleh *defend himself*.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya rasa mereka mewakili kawasan mereka, rakyat mereka. Ada macam-macam masalah. Semua orang tiap-tiap hari bawa satu orang untuk cerita dan bawa cerita sebelum soal jawab lisan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Susah lah macam itu Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua punya kerja susah lah macam itu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Kalau semua bawa, susah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kalau semua orang bawa seorang satu keluarga tiap-tiap hari, habis soalan lisan kita. Yang Berhormat Seputeh pun tidak setuju sebab kita sudah tanya banyak soalan. Akan tetapi walau bagaimanapun, sebagai peguam saya tahu Yang Berhormat kena buat sesuatu. Kami pun ramai peguam tetapi bagus peguam kami ikut peraturan. Selepas soalan lisan, kita akan bawa. Tuan Yang di-Pertua sudah bersiap sedia untuk menjawab soalan yang berkenaan.

Jadi, cadangan dan pandangan Yang Berhormat supaya TV ini jenamanya diambil setaraf macam RTM, macam TV3 dan lain-lain lagi. Jadi, setaraf dengan RTM supaya bila orang hendak pegang tengok TV, RTM. Macam ada kawan saya itu, kalau buka TV dia tidak peduli dah. Dia akan buka 431, 433 yang tengok wayang, *movie* itu. Macam saya kadang-kadang 501 tetapi saya akan tengok berita yang berulang.

Jadi, kita biar orang kata kalau sebut TV Al-Hijrah ada dalam kepalanya. Yang itu yang kena buat dan TV Al-Hijrah kena berbelanja sedikit.

■1650

Jadi dalam otak orang sebut TV Hijrah. Biar Yang Berhormat Shah Alam pun tengok TV Hijrah. Semua orang tengok TV Hijrah dan TV Hijrah itu biarlah ia merupakan satu saluran yang memberi ilmu kepada mereka. Yang Berhormat Menteri kirim salam. Dia sekarang terpaksa melaksanakan tugas negara, urusan rasmi dan dia juga maklum nombor 31.

Okey, berbalik kepada tajuk ini balik berhubung dengan TV ini harus adil kepada semua supaya rakyat faham tentang isu yang berlaku. Saya pernah menonton TV di Indonesia. Dia selalunya buat *live* tentang isu-isu yang berlaku, di antaranya isu Muhamadiyah bunuh orang seramai 156 orang. Dia bunuh dan bakar kampung. Dia terus masuk dalam TV, dia buat *live* dan Muhamadiyah memberi hujah mereka, orang-orang Sunni juga memberi hujah mereka dan mereka buat cara terbuka dan rakyat faham apa itu Muhamadiyah dan apa itu Sunni. Akhirnya rakyat menolak Muhamadiyah sebab kehadiran mereka boleh mencetuskan huru-hara masyarakat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ha, ini pun sorang lagi juga dok buat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak, tidak. Tadi fasal Muhamadiyah itu, saya hendak tanya, adakah betul Muhamadiyah ataupun Ahmadiyah sebab ada beza itu. Kalau Muhamadiyah, satu pertubuhan yang sah di sisi politik termasuk Gus Dur dahululah. Jadi saya hendak tanya, adakah Ahmadiyah ataupun Muhamadiyah. Jadi fakta itu kena betul. Takut salah nanti bahaya. Hendak tanya itu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bagus. Saya hendak tengok Yang Berhormat hendak bangun ataupun tidak. Bila Yang Berhormat bangun, bagus. Yang Berhormat cakap betul. Saya hendak beritahu saya cukup memahami apa itu Ahmadiyah, apa itu Muhamadiyah, apa itu Salafiyah, apa itu Wahabiah, apa itu Sunni dan sebagainya.

Jadi apa yang berlaku di Indonesia ialah Ahmadiyah bukan Muhamadiyah. Saya tersilap sebut, tetapi hendak perbetulkan Yang Berhormat sudah bangun tadi. Ahmadiyah. Jadi fahaman Ahmadiyah ini tidak bersesuaian untuk berada di sana kerana kehadiran tokoh-tokoh Ahmadiyah itu melihat agama itu dipermudahkan. Islam ini agama mudah tetapi tidak boleh dipermudahkan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi dengan ada siaran terus-menerus tersebut membolehkan rakyat mengetahui apa itu Ahmadiyah, apa itu Muhamadiyah, apa itu Syiah dan sebagainya.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya rasa TV Hijrah akan menjurus ke arah tersebut di mana kehadiran mereka akan membolehkan rakyat melihat jenama TV Hijrah itu setanding dengan TV yang lain. Akan tetapi untuk membolehkan mereka berbuat demikian...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Boleh dapat penjelasan?

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ada Yang Berhormat yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Penjelasan.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Jerlun.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerlun dan Yang Berhormat Beruas.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bagi puak-puak ini sekejap boleh tidak, dia tunggu lama.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Isu ini penjelasan dalam TV.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: TV okey, tetapi tunggu sekejap Yang Berhormat Jerlun. Sekejap lagi bagi banyak tidak apa.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya dahulu. Terima kasih Tuan Pengerusi. Memandangkan di Indonesia mereka menggunakan TV untuk memberikan penjelasan, saya juga harus di Malaysia ini kalau kita boleh menggunakan cara mendidik rakyat kita secara betul supaya mereka tahu pilih mana yang lebih baik. Akan tetapi sebagai seorang peguam dan Ahli Parlimen yang sudah bersumpah untuk mempertahankan Perlembagaan Persekutuan ini, baru-baru ini di Parlimen dinyatakan bahawa ada tangkapan dan penahanan mereka Muslim yang Syiah, saya rasa ini melanggar Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan kita yang memberi kebebasan kepada semua untuk beragama sama ada Muslim atau bukan Muslim.

Jadi harap dalam perkara ini saya rasa lebih baik kita gunakan cara yang lebih baik dan tidak melanggar Perlembagaan negara kita agar, saya takut kalau ada perbalahan, ini tidak akan mendatangkan kebaikan kalau ada permusuhan antara mana-mana mazhab ataupun mana-mana agama. Apa yang saya nampak di luar negara kadangkala hingga bunuh-membunuh. Jadi saya harap kerajaan dalam isu ini boleh

menangani cara ini dengan lebih baik untuk memberi penjelasan dan pujukan. Apa pandangan? Adakah ia melanggar Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Saya sengaja hendak tambah, adakah TV Hijrah ini sebagai saluran TV yang baru oleh kerajaan berhasrat untuk bersaing dengan RTM. Itu pertama.

Kedua, apabila kita tambah belanjawan tambahan ini, adakah ianya akan menjadi perkara yang berterusan ataupun adakah pihak TV Hijrah ini sendiri ini akan mencari *revenue* atau hasil melalui iklan dan sebagainya.

Jadi, kita melihat bahawa di Malaysia kini sudah banyak sangat siaran TV sama ada yang rasmi pihak kerajaan mahupun pihak swasta. Kita melihat TV Hijrah ini yang telah diluluskan oleh kerajaan sudah mula beroperasi sudah tentulah apabila kita tambah RM40 juta ini, ianya diharapkan dapat lagi meningkatkan rating seperti yang dibuat oleh ACNielsen. Namun untuk pelan jangka panjang, adakah kerajaan berhasrat untuk terus-terusan membiayai segala perbelanjaan yang dibuat melalui TV Hijrah ataupun TV Hijrah itu sendiri juga mempunyai perancangan untuk membahagi-bahagikan segmen melalui hasil pengiklanan dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jerlun dan Yang Berhormat Beruas. Pertama sekali ialah fasal Syiah. Syiah tidak boleh diamalkan di Malaysia. Ini Menteri sudah jawab. Akan tetapi kalau dia berfahaman Syiah, dia boleh buat amalan sendiri di rumah dia. Akan tetapi dia tidak boleh mengembangkannya kepada orang lain sebab Malaysia ini adalah negara Islam Malaysia Sunah Waljamaah. Dia tidak boleh. Sunah Waljamaah ini, Syiah tidak termasuk dalam sunah Waljamaah.

Jadi siapa yang berfahaman Syiah, Menteri kata dia boleh tetapi dia buat di rumah dia. Dia tidak boleh mengembangkan di tempat lain. Kalau tidak, kita akan timbul masalah di antara Syiah dan juga mazhab lain seperti yang berlaku di luar negara. Kita hendak bendung. Sebelum apa-apa jadi, kita bendung dahulu dan kita tidak perlu pembunuhan dan sebagainya seperti yang berlaku di luar negara.

Oleh sebab itu, Syiah tidak dibenarkan diamalkan di negara ini. Kalau dia Syiah, dia buatlah di rumah dia apa yang patut tetapi dia tidak boleh kembangkan di luar. Akan tetapi walaupun ada usaha untuk mengembangkannya di luar dan orang cerita bahawa Syiah ini ada pengikut dan sebagainya kerana membenarkan perkahwinan mutaah, tidak perlu. Tanpa Syiah pun kita boleh berkahwin dan Islam membenarkan perkahwinan yang tidak perlu disusahkan. Jadi amalan Syiah tidak termasuk dalam senarai yang dibenarkan

oleh Kerajaan Malaysia. Ada soalan, saya tahu bahawa kenapa agama lain yang bukan Islam dibenarkan mengamalkannya aman dan damai. Itu Perlembagaan. Kita ikut Perlembagaan. Untuk Islam, kita ada peraturan kita yang ketat mengenai perkara tersebut. Kalau tidak, nanti lebih banyak ajaran sesat yang masuk.

Berhubungan dengan sama ada TV Hijrah akan menyaingi RTM dan sebagainya, kita berharap TV Hijrah akan meningkatkan prestasi mereka. Akan tetapi kita tahu bahawa permohonan peruntukan yang dipohon itu terlampau kecil untuk satu *channel* TV untuk berbuat demikian. Mereka memohon peruntukan yang diberi kepada mereka ialah RM86 juta dan mereka telah diberi peruntukan RM40 juta selama ini. Jadi sekarang ini mereka minta peruntukan tambahan RM30 juta. Peruntukan ini terlampau kecil untuk sebuah siaran TV untuk mengembangkannya lebih besar. Akan tetapi mereka telah berusaha untuk mendapatkan iklan dan sebagainya. Kita lihat ada peningkatan dari segi iklan dalam TV Hijrah dan kita berharap semua ini akan menjamin supaya TV Hijrah dapat berada di arus perdana negara.

Ahli Yang Berhormat, sekarang kita pergi kepada apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat Kinabatangan berhubung dengan ICU. Kerajaan ada melakukan *poverty mapping* berdasarkan kajian pendapatan isi rumah atau HIS iaitu *Household Income Survey* yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Negara (DOS) dan Unit Perancang Ekonomi. *Poverty mapping* juga boleh dilihat dalam dapatan insiden kemiskinan yang didaftarkan di dalam e-Kasih yang dibangunkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

■1700

Kita hendak bagi tahu bahawa hasil daripada *property mapping* dan juga e-Kasih serta lain-lain program yang masuk banyak di bawah kementerian-kementerian lain. Saya telah sebut tadi senarai kementerian yang terlibat untuk membasmi kemiskinan tidak termasuk program kerajaan negeri. Itu sebab sekarang ini saya baca sekali lalu supaya benda ini menjadi peringatan kepada semua iaitu:

Negeri (Kadar kemiskinan)	2002 (%)	2012
Johor	2.5	0.9
Kedah	9.7	1.7
Kelantan	17.8	2.7
Melaka	1.8	0.1
Negeri Sembilan	2.6	0.7
Pahang	9.4	1.3

Perak	6.2	1.5
Perlis	8.9	1.9
Pulau Pinang	1.2 (usaha Kerajaan BN)	0.6
Sabah termasuk Wil. Per. Labuan	16.0	3.8
Sarawak	11.3	2.4
Selangor	1.1 (usaha Kerajaan BN)	0.4
Terengganu	14.9	1.7
Wilayah Persekutuan	0.5	0.8
Malaysia (keseluruhan)	6.0	1.7

Jadi berhubung dengan pelbagai agensi yang terlibat dengan untuk membasmi kemiskinan, pada pandangan saya biarlah kepelbagaian itu menjurus kepada satu yang terbaik. Jadi kalau kita hendak keluarkan kementerian supaya hentikan usaha mereka untuk membasmi kemiskinan, kita hanya bagi satu kementerian saya ingat tidak wajar.

Ini kerana kadang-kadang ada usaha di kementerian yang berkenaan untuk kita basmi kemiskinan, contohnya macam dia hendak buat projek pelancongan, sudah pasti melibatkan Kementerian Pelancongan dan Kementerian Pelancongan boleh bagi bantuan untuk dia berniaga dalam bidang pelancongan. Jadi demikian juga kementerian-kementerian yang lain. Jadi biarlah dia menjadi usaha bagi kementerian yang berkenaan.

Berhubung dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Suruhanjaya Pilihan Raya di sini, Yang Berhormat ada timbulkan tentang dakwat dan sebagainya. Sekali lagi Yang Berhormat, dia tidak masuk di bawah mana-mana peruntukan, di bawah mana-mana kepala. Saya tidak pasti Yang Berhormat ini timbul yang ini, dia tidak ada kepala di sini. Jadi dengan itu saya jawab secara keseluruhannya bahawa dakwat kekal, lebih kurang kita sudah selesai cuma kita tingkatkan sedikit di Besut baru-baru ini. Kita lihat cuma dakwat itu kekal agak lama sangat. Sampai sekarang ini orang Besut beritahu tidak dapat dikeluarkan. Akan tetapi semua sekali spesifikasi untuk dakwat yang berkenaan telah pun dipersetujui oleh semua agensi yang berwajib di negara ini. Jadi soal dakwat kekal tidak menjadi masalah...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Cuma yang jadi masalah yang saya sedang fikirkan dari segi Suruhanjaya Pilihan Raya ini, bagaimana saya boleh tutup buku tuduhan pembangkang yang mengatakan bahawa 40,000 orang Bangladesh datang mengundi. Itu saya tidak boleh, tidak boleh tidur.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Menjadi mimpi yang sukar...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Mimpi ngeri kerana bagaimana dia orang ini datang 40,000 datang mengundi. Tuduhan itulah yang dibuat *road show* sehingga pemikiran rakyat Malaysia menjadi kelim kabut kerana memikirkan bahawa 40,000 orang asing datang mengundi. Lagi pun kita tahu bahawa macam KLCC itu, macam bukan kita punya sudah. Kalau hari cuti kita hendak masuk kawasan sana cukup sukar kerana orang asing yang duduk di sini juga pergi ke situ, orang asing sana yang berniaga di sana, cukup sukar. Jadi bayangkan tiba-tiba 40,000 pula Bangladesh dibawa masuk untuk mengundi, untuk menanda Barisan Nasional.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Penjelasan Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akan tetapi tuduhan mereka telah meleset di mana yang menang cemerlang ialah DAP. DAP menang kepada 38 kerusi tetapi PAS dan PKR telah turun. PAS telah turun kepada 21 daripada 23, dan PKR turun daripada 32 kepada 30.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih Menteri. Saya bangkitkan isu tentang dakwat hitam sebab saya tanya, saya bukan tanya keberkesanan. Saya tanya siasatan SPRM terhadap pembekal dakwat hitam sebab...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah sebut sudah tadi benda itu tidak masuk dalam butiran.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: SPRM itu adalah siasatan SPRM. Saya hendak tanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak masuk dalam butiran, tidak payah lagi dipanjangkan isu yang tidak masuk. Menteri sudah jawab tidak masuk.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya jawab pada Yang Berhormat bahawa apa telah kita timbulkan kita telah buat laporan kepada SPRM dan SPRM pun ambil tindakan yang sewajarnya. Kita hendak bagi tahu bahawa dalam usaha untuk memberi tender ataupun kontrak secara langsung yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya tidak langsung melanggar peraturan kewangan.

Akan tetapi macam mana pun kita serah kepada SPRM untuk mengambil tindakan selanjutnya. Walau bagaimanapun, saya hendak bagi tahu perkara ini berlaku dari semasa ke semasa sebab Suruhanjaya Pilihan Raya tidak tahu tarikh pilihan raya. Bila diumumkan tarikh pilihan raya, mereka terpaksa buat sesuatu itu dengan tergesa-gesa. Jadi, itu saya menjawab soalan berhubung dengan Suruhanjaya Pilihan Raya yang saya

ingat Menteri sekejap lagi pun dia tidak akan jawab sebab apa, ini tidak termasuk dalam butiran yang telah disebutkan di sini.

Ada dua lagi perkara iaitu berhubung dengan penjenamaan. Tujuan penjenamaan '*endless possibility*' kononnya disamakan dengan Israel. Akan tetapi sebelum itu biarlah saya jawab yang ini *wasatiyyah* dahulu. Maaf saya jawab yang itu sekejap lagi. *Wasatiyyah* ini ialah berasal daripada perkataan Arab iaitu berasal daripada perkataan '*al wasad*' bermaksud pertengahan. Perkataan lain dalam bahasa Arab yang sama dengannya ialah *iktidal*, bererti tidak melampau dan tidak cuai. Jadi *wasatiyyah* menurut Al-Quran dan hadis ialah kesederhanaan, keseimbangan, keadilan dan kecemerlangan.

Jadi berdasarkan kepada apa yang telah kita bentangkan, tidak ada sebab mana-mana pihak untuk menentanginya terutamanya PAS. PAS sepatutnya bangun melompat, menyokong kerana *wasatiyyah* ini bersesuaian dengan tuntutan Islam. Akan tetapi kalau sekiranya orang PAS cuba pertikai, jadi satu benda yang kurang manis.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Parit Buntar bangun.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tidak, fasal sebut orang PAS itu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *Wasatiyyah* ini ialah untuk kita bayar gaji...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tidak. Sebut orang PAS, berdirilah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Sewaan utiliti dan juga program. Jadi perbelanjaannya untuk itu sahaja.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Fasal *wasatiyyah* sedikit hendak tambahlah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: [*Bercakap dalam bahasa Arab*]

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Oh! Cakap Arab pula. Itu kena minta izin. Saya setuju *wasatiyyah*, mana boleh orang Islam tidak setuju. Akan tetapi kita kena ingat, *wasatiyyah* ini dia kena bukan sahaja cakap tetapi kena buat. Itu baru betul kita seronok [*Tepuk*]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat supaya biar ini seluruh negara mendengarnya bahawa Barisan Nasional melalui UMNO dan juga melalui kawan-kawan kita yang lain telah membuat yang terbaik kepada semua orang termasuk kepada ulama-ulama. Yang Berhormat, ulama-ulama sekarang ini kita kalau ulama itu dia betul-betul ulama berdasarkan kepada agama, untuk tujuan agama, kita tidak pernah menolak mereka. Cuba lihat saya tahu di

sesetengah daripada ulama yang masuk TV itu setengahnya saya tidak puas hati sebab apa, dia lawan pilihan raya dengan saya. Akan tetapi mereka dan mengatakan dia ulama masuk saya pun tidak ada masalah sebab *al-ulama' warasatul Anbia'*.

Kita kena terima ulama dan ini dipegang oleh kita. Akan tetapi pihak PAS kadang-kadang, ulama dia kadang-kadang dia ada eksklusif sedikit. Kalau ulama ini dia macam tidak boleh sentuh, apa ulama itu cakap macam kadang-kadang sampai hampir maksum. Akan tetapi kita tidak, kita kalau boleh kita tegur kita tegur. Macam hari ini Dr. Asri sedang menyampaikan kertas kerjanya kepada satu forum yang dianjurkan oleh Kerajaan Saudi dan juga Universiti Malaya. Sekarang ini mereka membincangkan tajuk ulama dan mereka macam sependapat mengatakan ulama yang di bawah Kerajaan Barisan Nasional ini lebih terbuka, lebih senang didekati, lebih *inclusive*, tidak eksklusif. Ini kerana kalau sebut ulama kadang-kadang dia macam tidak boleh bercampur orang, jalan tunduk-tunduk sedikit macam ada janggut misai macam itu, itu bukan caranya. Kita ulama, kita bagi ruang yang luas untuk ulama mengembangkan pemikiran mereka. Malah Yang Berhormat Parit Buntar seorang PAS, saya orang Barisan Nasional, saya bukan ulama tetapi dekat-dekat ulama agaknya jadi sebab dia panggil saya bersama dengan Yang Berhormat Parit Buntar dalam TV, kita berhujah bersama.

■1710

Padahal televisyen itu di bawah kawalan Kerajaan Barisan Nasional. Kita hendak beritahu, sudah pasti kalau dalam PAS, Keadilan dan DAP langsung puak-puak Barisan Nasional tidak ada tempat langsung. Cuba tengok *Harakah*, *DAP Rokat* dan cuba lihat berita Keadilan. Berita kami tidak pernah dimasukkan malah kami dicaci dan dibenci tanpa kami mengetahui apakah kami membuat perkara itu. Kita tidak tahu Yang Berhormat. Jadi apa Yang Berhormat sebut itu, *wasatiyyah* bagus laksanakan itu. Lebih baik daripada cakap, kami telah laksanakan baik daripada cakap. Jadi Yang Berhormat, saya minta semua pihak menyokong Program Wasatiyyah ini dan sekiranya ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat PAS yang layak yang tidak terlibat dengan maki hamun orang mungkin juga boleh dimasukkan untuk bersama-sama dengan Program Wasatiyyah. Jadi, kalau ikut kepala ini, kita lihat *wasatiyyah* membincang tajuk itu dan mereka minta tidak banyak.

Kemudian, berhubung dengan RCI. Kita telah maklumkan perbelanjaan RCI ini lebih kepada pembayaran emolumen, tuntutan dan sebagainya. Jadi saya ingat tidak ada masalah. Yang Berhormat setuju dan kita akan menunggu laporan yang akan disampaikan oleh RCI dalam bualan Disember nanti.

Kemudian, ada Yang Berhormat minta perincian berhubung dengan RM4.7 juta untuk menanggung kos operasi dan juga kelengkapan. *Insyallah*, saya akan beri laporan bertulis nanti.

Kemudian, akhir sekali berkenaan *endless possibilities*, ya. Jadi, kita kena ingat bila kita memperkenalkan jenama 1Malaysia, 1Malaysia ini lebih kepada orang Malaysialah. Akan tetapi sekurang-kurangnya orang Malaysia melihat bahawa kita macam sudah ada jenama. Kita pergi dekat mana-mana pun orang angkat tangan macam ini, bukan? 1Malaysia. *[Mengangkat jari telunjuk]* DAP pun, saya pergi ke rumah-rumah DAP, 1Malaysia. Rumah orang PAS pun 1Malaysia. Saya pergi kepada... Jadi, kita berbangga kita 1Malaysia. Apakah apabila Yang Berhormat hendak pergi ke luar negara, kami ini 1PKR, tidak boleh. Kita 1Malaysia. Kalau Yang Berhormat pada tahun 3000 nanti boleh memerintah, kita juga 1Malaysia. 1Malaysia adalah jenama yang boleh kita pegang bersama sampai bila-bila.

Yang Berhormat, ini Malaysia. Siapa yang duduk puji Chin Peng, duduk puji orang sana dan orang sini pergilah ke tempat yang mana kamu hendak pergi. Akan tetapi ini 1Malaysia dan kita lihat untuk membolehkan kita pergi ke luar, maka kita perkenalkan apa yang telah disebutkan oleh kawan-kawan tadi berhubung dengan *endless possibilities*.

Akan tetapi untuk Israel dengan Malaysia dan juga Mongolia orang kata macam-macam, kenapa kita mesti membawa tajuk-tajuk yang dengan niat hendak memperlekehkan? Kalau kita pergi ke luar negara kita tidak ada jenama ini. Macam Australia, New Zealand, Canada dan *maple leaf*. New Zealand 100% dan Australia *unlimited*. Semua ada jenama dan mereka belanja di antara 200 sehingga ke 300 juta untuk memperkenalkan jenama negara mereka. Mongolia walaupun dia perkenalkan pada tahun 2011, ia hanya masuk sekejap sahaja. Satu minggu dalam CNN.

Akan tetapi kita sekarang ini sudah berada dalam pasaran dan kalau kita bandingkan negara yang saya tidak mahu sebut negara itu, sebab saya tidak suka negara itu suka bunuh orang. Dengan negara itu, negara itu perkenalkan lambat daripada kita. Malah dia tambah pula "*One Place. Endless Possibilities*". Kita *endless possibilities*, kita lain dan kita ada penghayatan lain. Mereka lain dan kita lain. Jadi, bermacam-macam negara boleh perkenalkan jenama mereka untuk diperkenalkan di luar negara. Apa yang telah dibuat oleh Malaysia sudah pasti kita memerlukan pihak dan orang yang lebih pakar untuk memperkenalkan negara ini. Dia tidak boleh duta sahaja. Duta, dia ada tugasnya dan pesuruhjaya dia, ada tugasnya. Akan tetapi kita ambil konsultan untuk menguruskan penjenamaan Malaysia.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, sekejap. Soalan, saya hendak tanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Soalan yang terakhir boleh atau tidak? Sebab kita masa agak lewat sedikit.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Beri Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan *endless possibilities*. Saya ada satu perkara yang tidak disentuh dan harap mohon maaf tetapi kalau boleh demi semangat *endless possibilities*, beri saya satu *possibility* iaitu tentang bayaran tuntutan dan pampasan atas perintah mahkamah P.12. Kita sudah peruntukkan RM30 juta pada bajet yang lepas tetapi kali ini diminta tambahan RM88 juta. Boleh beritahu kenapakah tambahan ini begitu banyak? Adakah banyak kelalaian atau pun pecah kontrak yang dilakukan oleh kerajaan? Kenapa ditambah sebanyak RM88 juta sebagai pampasan tambahan atas arahan mahkamah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Itu kita akan jawab secara bertulis. Sekali lagi saya hendak maklumkan bahawa bila kita telah memperkenalkan – Saya jawab secara bertulis Yang Berhormat ya, sebab Yang Berhormat minta *detail* tadi. Akan tetapi apabila kita memperkenalkan jenama kita, kita lihat kita telah dapat meningkatkan pelabur asing, kita dapat meningkatkan bakat orang-orang kita, pelancong kita datang ramai-ramai dan juga ekspatriat juga datang ramai. Konsep *Malaysia My Second Home* juga. Jadi kita lihat dalam *Country Brand Index* (CBI) dalam 25 buah negara-negara di dunia, Malaysia termasuk dalam 25 buah tersebut. Jadi kita belanja sedikit tetapi kita untung besar. Orang lain belanja besar untung pun besar. Akan tetapi ini kita hendak tunjuk betapa kita terpaksa perah kain orang kata untuk berbelanja, untuk memastikan supaya apa yang kita belanja itu datang manfaat kepada Malaysia.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sebagai contohnya, Korea telah membelanjakan RM256 juta atau pun USD81 juta. India belanja USD38 juta, Germany USD85 juta dan antara contoh di mana mereka terpaksa membelanjakan dengan begitu banyak untuk memperkenalkan negara mereka. Kita juga membelanjakan demikian rupa tetapi tidak banyak tetapi untungnya banyak. Hasil daripada pendekatan 1Malaysia dan juga *endless possibilities*, kita lihat Malaysia sudah dikenal dan kita juga berbangga kita jadi rakyat Malaysia. Pergi ke luar negara berbanggalah kita jadi rakyat Malaysia dan jangan bantai kepada mana-mana individu kerana politik.

Kita berbangga kita pergi kepada rakyat Malaysia. Itu sebab selepas ini Ahli-ahli Parlimen pembangkang juga akan ikut program-program kita sebab ada beberapa negara yang minta supaya Ahli-ahli Parlimen pemerintah dengan pembangkang hadir sekali. Jadi kita *insya-Allah* kita akan hadir sekali tetapi jaga mulut masing-masing...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ikutlah seperti pembangkang negara yang lain. Mereka akan berbangga mereka datang dari Kazakhstan, datang dari Azerbaijan dan Uzbekistan. Kita juga berbangga tetapi apabila kita hendak bergaduh, kita bergaduh di Parlimen. Di luar kita bersama. Dengan itu orang akan sayang kepada Malaysia. Terima kasih kepada semua.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya ingat Speaker dia tidak beri, dia tidak mahu saya bercakap lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya jemput seorang lagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

5.18 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada seramai lapan orang Ahli Yang Berhormat termasuk enam celahan yang menyentuh tentang perkara B.9 - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Seperti juga perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, ada yang perlu saya perelaskan RM6.676 juta diperuntukkan bagi menampung kepada perkara yang sangat spesifik yang tidak semua disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangkit.

Namun begitu saya ingin mengambil kesempatan untuk menyatakan bahawa RM3.676 juta adalah digunakan untuk menyelenggarakan enam bangunan SPRM, di mana RM366,000 adalah untuk utiliti RM1.172 juta ada untuk menyelenggarakan, RM1.138 adalah untuk kawalan keselamatan dan RM1 juta adalah untuk perbelanjaan sara hidup pegawai SPRM termasuk ketika pilihan raya. Kemudiannya RM3 juta baki adalah untuk latihan, RM1 juta pencegahan dan RM1,500,000 untuk bilik gerakan operasi siasatan dan RM500,000 untuk makmal forensik digital.

Sepanjang perbincangan tadi saya dapat mengambil beberapa perkara yang telah dibangkitkan. Kalau dapat saya jawab terutama yang berkaitan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gombak tentang apakah – Beliau menyatakan bahawa jumlah RM6.6 juta itu sedikit.

■1720

Ini bukan perbelanjaan keseluruhan SPRM, ini hanyalah perbekalan tambahan yang digunakan untuk menjayakan apa yang saya nyatakan tadi. Yang Berhormat Gombak menyatakan tentang soal-soal mengenai pendakwaan, memberi kuasa pendakwaan kepada SPRM. Sebenarnya dalam negara kita tiada satu pun badan yang mempunyai kuasa siasatan dan mendakwa. Saya rasa di sebelah sana pun ramai peguam, kita mengamalkan konsep *separation of power* dan kita juga tidak menimbangkan untuk kita melakukan pindaan di bawah perlembagaan 145 untuk memberikan kuasa kepada satu badan untuk menyiasat dan juga mendakwa.

Saya percaya kalau kita buat sekali pun, nanti Yang Berhormat juga bangkit, beritahu kenapa ada satu badan, dia siasat, dia dakwa. Saya tidak mahu benda itu nanti, kita cakap ikut konteks. Hari ini dikatakan patut bagi tetapi saya boleh bayang satu hari nanti kalau ada badan dalam negara kita boleh siasat, boleh dakwa, Yang Berhormat juga bangun untuk memberitahu kenapa ada badan seumpama itu. Namun begitu, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Gombak yang membangkitkan tentang penubuhan sebuah suruhanjaya perkhidmatan khusus untuk SPRM kerana sekarang ini dia dilantik oleh badan lain dan mungkin tadi dinyatakan bila sudah tidak selera dia akan ditukar dan sebagainya, itu pada saya sangkaan.

Namun begitu, saya hendak menyatakan bahawa kerajaan pada dasarnya menyatakan persetujuan untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya perkhidmatan SPRM. Namun begitu ia dalam kajian dan penubuhan ini perlu saya nyatakan, perlu memperoleh sokongan dua pertiga daripada Ahli Dewan kerana dia melibatkan kepada pindaan kepada perlembagaan negara.

Tentang celahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Lembah Pantai, di sebut tadi bahawa dalam pemilihan UMNO banyak pemimpin terpalit atau dikenakan tindakan. Saya ingin nyatakan bahawa disebut tadi juga kenapa bila diambil tindakan di bawah peraturan UMNO mereka masih lagi bebas untuk menjadi Menteri, Ketua Menteri ataupun memegang jawatan-jawatan lain.

Pertama Yang Berhormat, saya hendak beritahu peraturan yang dibuat oleh UMNO adalah dibuat oleh satu badan dan ia bukan melanggar peraturan negara. Saya perlu nyatakan bahawa sekurang-kurangnya UMNO mengambil tindakan kepada ahli yang melanggar peraturan. Saya tidak dengar PAS ada ambil tindakan kepada ahlinya. Saya tidak pernah dengar DAP ambil tindakan kepada ahlinya.

Beberapa Ahli: Ada...

Dato' Razali bin Ibrahim: Nantilah dulu. [*Dewan riuh*] Nanti dulu! Dengar, dengar saya cakap, saya tidak habis lagi. Tadi Yang Berhormat cakap saya tidak ada jerit. Baru usik sedikit sahaja dah... Hendak cakap, relaxlah. Relaxlah, faham atau tidak saya kata satu peraturan parti, satu peraturan negara. Bila kita tidak ambil tindakan mengenai politik wang, ada?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ada...

Dato' Razali bin Ibrahim: Siapa?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dipecat, ahli majlis...

Dato' Razali bin Ibrahim: Di Bakri? Yang Berhormat Bakri? Itu bukan pemilihan. Saya cakap pemilihan. Ada? [*Dewan riuh*]

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Kita tidak ada rasuah dalam pemilihan. Tidak ada apa hendak cakap.

Dato' Razali bin Ibrahim: Dengarlah dulu Yang Berhormat, duduk, duduk. Ikut peraturan. *Lawyer* kalau tidak tahu ikut peraturan, jangan duduk sini. Yang Berhormat Lembah Pantai cakap waktu pemilihan UMNO. Saya jawab waktu pemilihan parti Yang Berhormat. Bukan waktu lain.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Razali bin Ibrahim: *No, no...* Kalau tidak ada, tidak bermakna tiada orang buat salah. Akan tetapi UMNO mengambil tindakan sebab itu peraturan kita buat. Oleh sebab kita ambil tindakan. Yang Berhormat tidak ambil tindakan tidak bermakna tidak ada orang buat salah, Yang Berhormat. Kita tunjukkan *political will* tetapi saya hendak beritahu, yang melanggar peraturan parti tidak melanggar peraturan negara.

Akan tetapi ada parti pembangkang yang langgar peraturan negara pun jadi pemimpin. Jadi kalau kita cakap itu, kalau boleh letak cermin depan mata, jangan tengok salah orang.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: [*Bangun*]

Dato' Razali bin Ibrahim: Jadi, saya hendak beritahu bahawa ada dua perkara yang sering diletakkan bersama tetapi tidak sama. Akan tetapi ini mengelirukan dan sebab itu saya setuju. Ramai Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional, bila dia cakap itu dia ambil satu konteks dan kalau orang tidak tahu tentang perkara ini, dia percaya yang ini mengelirukan dan ini boleh menimbulkan banyak masalah, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin minta sedikit pandangan daripada Yang

Berhormat Menteri. Banyak pihak-pihak kawan sebelah sana yang membangkitkan tentang ketirisan, penyalahgunaan kuasa kononnya. Akan tetapi sekurang-kurangnya Yang Berhormat Menteri telah pun buktikan. Sekarang saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah kedudukan parti pembangkang yang telah menggunakan janji pilihan raya, kononnya kalau dia menang akan mansuhkan semua hutang-hutang PTPTN. Hutang ini ada bersabit dengan kewangan. Kerajaan akan menanggung sebanyak RM40 bilion hutang-hutang ini. Adakah itu dijanjikan takrif rasuah? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya akan jawab, mungkin saya jawab awal sedikit. Yang Berhormat Kulai ada menyatakan tentang jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk pegawai SPRM ketika pilihan raya, saya jawab awal dulu sebab itu berkaitan dengan jawatankuasa, Tuan Pengerusi. Kita ada lebih kurang 82 aduan, yang mana tujuh daripadanya kita lakukan siasatan. Saya hendak cerita satu-satu mungkin akan melanggar dengan akta, kita tengah siasat, ada tujuh. Yang lain itu semua kita sudah beritahu, ada yang kita tolak.

Akan tetapi perkara-perkara tentang pelanggaran Akta SPR, itu saya rasa telah pun dijelaskan. Contoh, macam juga diumumkan pada ketika pilihan raya tentang pembayaran pengundi luar ataupun tadi di sebut tentang makan. Kita sudah pun ada jawapan di sini. Dia ada juga perkara-perkara, termasuk juga *weight* ataupun keberatan dari segi kes-kes yang dikendalikan, berjanji bukan dia mempunyai kuasa. Maknanya, dia tidak ada kuasa untuk mempengaruhi keputusan. Itu juga tidak dikira sebagai satu bentuk pelanggaran di bawah akta SPRM. Jadi, pada saya apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin ini boleh kita terjemahkan dalam pelbagai perkara. Namun begitu, tidak ada satu pun kes yang di rujuk kepada SPRM berkenaan dengan janji-janji sedemikian sepanjang tempoh pilihan raya umum yang lalu.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima Kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Pengerusi. Apabila kita membicarakan tentang kes-kes rasuah, kita selalu menganggapkan ataupun anggapan umum adalah kes-kes rasuah di kalangan rasuah politik, rasuah di kalangan kakitangan kerajaan. Apakah tidak terdapatnya kes-kes yang begitu yang berleluasa di kalangan swasta atau pun *white collar crime*? Jadi, saya mencadangkan supaya SPRM ini dipertingkatkan untuk melihat kepada rasuah di kalangan pihak swasta. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Buat masa ini memang kita akan ada beberapa pengumuman, malahan ada pun yang kita dapat lihat tentang tangkapan yang terbesar melibatkan *arbitration* ya. Ini semua tahu. Kita rasa dan saya sendiri percaya memang

perlakuan rasuah ini berlaku di semua tempat, saya boleh beri satu analogi walaupun perkara itu tidak berkaitan dengan rang undang-undang ini. Saya percaya kalau kita pergi makan dengan pegawai kerajaan yang boleh meluluskan satu proses tender, sering kali terlibat dalam satu siasatan rasuah tetapi belum pernah kita dengar ada orang yang dapat tender, tidak ada duit, makan dengan pegawai bank yang boleh meluluskan. Jarang sekali kita melihat itu sebagai rasuah.

Sebenarnya pada saya benda ini sama, siapa yang ada kuasa boleh lulus atau berada dalam kedudukan untuk meluluskan, sebenarnya boleh terjerumus dalam satu konteks apa yang dipanggil penyalahgunaan kuasa ataupun yang di panggil rasuah. Jadi saya setuju, kebetulan saya rasa ada soalan hari Isnin kalau naik, ia akan kita jawab. Kalau tidak kita akan ada masa lagi. Saya harap Yang Berhormat sama-sama tengok, kalau kita serius hendak cakap fasal rasuah, kita kena perangi bukan hanya untuk rasuah tetapi juga persepsi rasuah.

Oleh sebab itu ada dibangkitkan tadi kenapa, Yang Berhormat Seputeh. Saya hendak beritahu kita sering kali bercerita tentang rasuah, hanya tentang rasuah tetapi tidak cerita tentang persepsi ya. Persepsi ini membawa kedudukan negara kita sangat rendah. Bila ditanya di bawah satu barometer, persepsi rasuah tentang usaha kerajaan hanya 49% rakyat negara kita kata kerajaan berusaha. Sangat rendah tetapi kita kena tengok pula kenapa kita tidak cerita perlakuan rasuah, hanya kurang lima peratus rakyat kita ada pengalaman menyaksikan ataupun memberi rasuah.

Kita antara negara yang terbaik dalam *survey* yang sama. Bukan orang lain yang buat. Ini orang yang sama buat. Persepsi nampak macam tidak baik tetapi dari segi perlakuan, kita hanya kurang 5% rakyat yang pernah melihat, yang pernah memberi, yang pernah menerima apabila kajian dibuat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [*Bangun*]

Dato' Razali bin Ibrahim: Jadi pada saya, dua-dua ini kita ambil berat, cumanya kita kena bersama-sama, jangan kita hanya layan dan cerita dekat orang tentang persepsi tetapi kita *actual*, dengan izin, pemberian rasuah itu kita berada di tahap yang sangat baik. Jadi bila kita baik, kita kena terima hakikat kita baik tetapi rasuah saya setuju, dia ada elemen persepsi.

■1730

Ini nak tanya apa lagi?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Bagi *floor*?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Saya bagi dua sahaja sebab saya nak habiskan kita punya SPRM.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya nak tanya tentang isu rasuah tadi, nak tanya Timbalan Menteri. Nak tanya bagaimana MP Jempol yang disabitkan dengan rasuah dalam pemilihan UMNO.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Adakah dia tak terbabit dengan undang-undang?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Rasuah dalam parti tidak boleh diambil tindakan oleh SPRM, itu tak ada kaitan manakala MP Jempol digantung tiga tahun, dilucut jawatan Naib Presiden tetapi kini memegang jawatan Pengerusi FELDA. Di mana ketulusan Kerajaan BN?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar. Saya sudah beritahu Yang Berhormat tiga kali berhenti. Saya ingin Yang Berhormat alihkan kerana menyentuh hal yang tidak berkaitan dengan Ahli Parlimen, tak boleh kecuali bertugas dengan tugas.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: No, ini tadi kena mengena...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tak payahlah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini tadi kena mengena dengan parti, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tak payahlah sentuh contoh ahli, yang melibatkan ahli dalam Dewan. Dah Peraturan Mesyuarat, tak payah goyang kepala seolah-olah macam saya bercakap salah Yang Berhormat. Saya cakap betul.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tadi ada isu parti, tadi dibawakan isu parti.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat katakan jangan sentuh hal peribadi seorang Ahli dalam Dewan. Itu peraturan mesyuarat sebab itu saya bagi amaran, bagi *indication. Do not pursue the matter.*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Okey, saya akui. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi Yang Berhormat? Dah habis kah?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Okey. Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya nak minta pandangan Menteri. Tadi Menteri cakap bahawa kalau itu makanan percuma dan juga wang tunai untuk balik kampung, itu tak kira satu kesalahan di bawah Akta SPR. Jadi saya di sini nak tanya menurut satu laporan AC Nielson,

perbelanjaan kerajaan kita semasa PRU Ke-13 untuk iklan di TV, di surat khabar, televisyen, *Youtube* adalah sebanyak RM264 juta dan perbelanjaan ini adalah lima kali ganda daripada perbelanjaan kerajaan kita pada tahun 2012. Jadi saya nak tanya di sini bahawa apabila Kerajaan Barisan Nasional menggunakan duit kerajaan, sebenarnya itu adalah duit rakyat tetapi guna duit itu untuk mempromosikan parti, untuk kepentingan parti, untuk manfaat parti UMNO. Jadi saya nak tanya, ini adalah satu kesalahan di bawah Akta SPR atau bukan. Terima kasih.

[Dewan riuh]

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Yang Berhormat, kalau kita nak cakap itu tak selesai. Saya tengok pembangkang punya kali ini, yang lawan saya itu bukannya pangkat besar sangat. Poster dia sebesar-besar, mana dapat duit? *[Dewan riuh]*

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Nantilah, duduklah. Yang Berhormat cakap, saya ada berdiri ke? Saya tak bagi, duduk, duduk. Saya jawab.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Apa yang saya pasti adalah kita tak guna duit kerajaan.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Biar saya jawab, biar saya jawab. Duduk, duduk. Belum habis. Yang Berhormat ini telinga nipislah, saya cakap sikit sahaja Yang Berhormat bangun. Yang Berhormat beritahu saya ada poster yang tak ada lambang BN, itu kerajaan buat. Beritahu saya yang mana ada lambang BN, kerajaan bayar.

Beberapa Ahli: Ha jawab, jawab.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Ada bukti?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya boleh jawab.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Duduklah, ada bukti? Ada bukti?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: *You* suruh saya jawab.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Tak, tak saya tak suruh jawab. Saya kata ada bukti?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya boleh jawab sekarang.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Ada bukti tak?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Boleh tak saya jawab sekarang?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Ha, jawablah.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Okey, terima kasih. Kalau ikut Akta SPR, semua poster calon ataupun papan tanda calon perlulah diturunkan dalam tempoh masa 21 hari, betul tak? *[Dewan riuh]* Akan tetapi sampai hari ini kita masih ada pasang iklan Perdana Menteri kita di seluruh Malaysia. Ini adalah satu kesalahan SPR atau bukan?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Yang Berhormat, saya kadang malas nak layan juga. Yang Berhormat cuba cakap dengan saya berapa ramai calon yang duit deposit dia diambil oleh majlis perbandaran? Tak tahu jangan jawab sebab yang tak turun itu semua kena *profit*, duit itu semua diambil. Jadi janganlah kita tengok tak turun, itu peraturan majlis bandaran. Yang Berhormat bayar deposit tak? Dapat duit tak? Makna Yang Berhormat bawa turun, yang mana tak bawa turun itu majlis bandaran ambillah.

Jadi janganlah kita cerita macam budak-budak sangat, tak tahu. Sebab ini saya nak cerita. [*Dewan riuh*] Minta maaf, minta maaf Tuan Pengerusi. Saya bukan nak niat tetapi janganlah kita cerita di Dewan ini benda yang remeh-temeh, cerita dekat orang-orang kampung kita bawa ke Dewan. *Allahu Akbar*. Saya rasa tak patut saya buang masa banyak untuk ini. Saya cuma nak cakap ini satu lagi ini, ini kena jawab ini sebab kasihan kawan saya, Yang Berhormat Bayan Baru. Tiap kali jumpa dia tanya saya.

Ini tentang apa yang disiasat ini, sebenarnya sudah pun kita tamatkan. SPRM telah pun beri kepada timbalan pendakwa raya dan timbalan pendakwa raya buat keputusan untuk tidak membuat dakwaan. Kemudian lagi, bulan November ini ada satu mesyuarat operasi penilai. Semua kes yang tidak didakwa akan dibawa ke jawatankuasa ini untuk dijawab satu persatu kenapa tak didakwa. Jadi Yang Berhormat boleh tunggu. Setiap kali kita jumpa, setiap kali ada dalam Dewan, tadi pun masa Menteri jawab, Yang Berhormat tanya kes *pool* bonus sewaktu pilihan raya di Bayan Baru.

Bulan November ini ada mesyuarat tiga bulan sekali, kes ini akan dibawa dan dia akan tanya kenapa tak didakwa. Kalau dia berpuas hati perkara itu tidak didakwa maka tamatlah usaha Yang Berhormat tapi kalau mungkin jawatankuasa ini kata bawa ke mahkamah, maka pihak AG Chambers atau Peguam Negara akan terpaksa untuk berhadapan lagi sekali kenapa dia tidak bawa dan memberi kepuasan kepada jawatankuasa tersebut.

Jadi yang ini ada *class* sikit Yang Berhormat Kulai, ha ini baru betul Yang Berhormat. Dia perjuang benda yang betul, saya nak jawab pun sedap sikit. Jadi kalau kita nak tanya, kita tanya benda betul, jangan buang masa kita, jangan buang masa semua sebab kita ada banyak urusan. Sekian Tuan Pengerusi, saya mohon untuk menjawab perkara B.9 berkaitan SPRM.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,370,000 untuk Maksud B.1; RM62,700,000 untuk Maksud B.6; RM298,200,000 untuk Maksud B.7; dan RM6,676,000 untuk Maksud B.9 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,370,000 untuk Maksud B.1; RM62,700,000 untuk Maksud B.6; RM298,200,000 untuk Maksud B.7; dan RM6,676,000 untuk Maksud B.9 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato’ Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Langkah Drastik Mempercepatkan Projek Pembinaan Sekolah dan Prasekolah di Negeri Sabah

5.37 ptg.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya membuat ucapan penangguhan meminta Kerajaan Persekutuan mengambil langkah-langkah drastik positif dan spesifik untuk mempercepatkan persiapan projek-projek pembinaan sekolah dan prasekolah di negeri Sabah yang lewat siap ataupun projek yang dianggap sakit. Di kawasan Parlimen Tuaran terdapat tiga pembinaan sekolah yang lewat pembinaannya ataupun sakit iaitu SMK Nabal, projek lewat dan SMK Pekan Telipok. Dan Pekan Telipok, projek sakit. Saya difahamkan banyak lagi projek-projek lewat dan sakit seperti yang kita alami di kawasan Parlimen Tuaran di negeri Sabah dan saya minta

Menteri Pendidikan menyatakan satu persatu projek-projek yang sedang yang sedemikian rupa termasuklah bangunan-bangunan prasekolah.

Saya membuat ucapan penangguhan ini sebagai langkah terdesak daripada rakyat khususnya di kawasan Parlimen Tuaran betapa pentingnya pembinaan SMK Nabalu, SMK Pekan Telipok dan SK Pekan Telipok disiapkan pembinaannya secepat mungkin. Pembinaan SMK Pekan Telipok pernah dilawati oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib pada ketika itu beliau menjawat Timbalan Perdana Menteri dan melihat keadaan bangunan sekolah yang daif dan membahayakan keselamatan warga sekolah, maka beliau mengumumkan kelulusan pembinaan bangunan baru. Walau bagaimanapun, sehingga pada hari ini apa yang dapat kita lihat hanyalah bekas papan tanda sahaja.

■1740

Begitu juga dengan SMK Nabalu. Seorang mantan Timbalan Menteri Pelajaran pernah berjanji di depan penduduk sekitar pekan Nabalu bahawa biarlah tangannya dipotong jika sekiranya tender yang dikeluarkan dalam masa dua bulan selepas beliau membuat pengumuman pada sekitar September 2010.

Walaupun kerja-kerja pembinaan sudah dimulakan tetapi kini sudah diberhentikan. Oleh itu, saya minta pihak kerajaan menyatakan apakah langkah-langkah positif yang bersasaran untuk menyelesaikan masalah tersebut. Minta juga pihak kerajaan menyatakan sebab-sebab serta faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan ataupun projek sakit dan bilakah tarikh sasaran siapnya setiap projek lewat dan sakit di negeri Sabah. Kita tidak boleh biarkan rakyat tertanya-tanya bilakah agaknya anak-anak didik kita mendapat peluang menikmati bangunan sekolah yang selesa, selamat dan lengkap.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua minta kerajaan menyatakan apakah langkah-langkah transformasi untuk memastikan agar masalah kelewatan dan projek sakit yang berleluasa seperti yang kita alami supaya tidak lagi berlaku di masa akan datang. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

5.41 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, saya amat menghargai keprihatinan Ahli Yang Berhormat Tuaran terhadap isu-isu pendidikan khususnya yang berkaitan pembangunan infrastruktur pendidikan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil berat dan memberi perhatian yang sewajarnya kepada setiap permasalahan dan tanpa mengira jenis sekolah dan lokasi. Agenda utama kerajaan adalah untuk menyediakan akses dan kualiti pendidikan yang terbaik untuk semua rakyat. Melalui penyediaan prasarana dan infrastruktur yang terbaik, merapatkan jurang pencapaian murid dan apa yang lebih penting adalah menyediakan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang lebih kondusif kepada semua rakyat.

Namun demikian, penyediaan segala kemudahan adalah berdasarkan kepada kemampuan kewangan yang telah diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Berhubung dengan pembangunan infrastruktur di Sabah, Kementerian Pendidikan Malaysia menyedari memang terdapat kelewatan dalam melaksanakan projek-projek pembangunan prasarana pendidikan di Sabah termasuklah isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Antara faktor yang menyebabkan kelewatan ini adalah berhubung dengan isu tanah termasuklah urusan pengambilan balik dan pindah milik tapak yang biasanya mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Faktor geografi dan bentuk muka bumi Sabah, urusan untuk mendapat kebenaran merancang daripada pihak berkuasa tempatan dan isu kemudahan asas seperti pembekalan air dan elektrik terutamanya pada kawasan luar bandar turut menyumbang kepada kelewatan ini. Namun begitu, kementerian telah mengambil inisiatif-inisiatif tertentu bagi menyelesaikan masalah tersebut. Antaranya termasuk:

- (i) memberi penekanan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025;
- (ii) melaksanakan transformasi pendidikan sekolah pedalaman Sabah dan Sarawak dengan menekankan tujuh teras utama termasuklah meningkatkan pembangunan infrastruktur fizikal, akses internet dan persekitaran maya;
- (iii) menubuhkan cawangan pembangunan dan pemantauan projek di Sabah dan Sarawak;
- (iv) mewujudkan jawatankuasa projek sakit; dan
- (v) mengadakan mesyuarat khas penyelarasan pelaksanaan projek-projek pembangunan pendidikan di Sabah yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian atau Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian yang dihadiri oleh wakil pejabat Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Sabah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Sabah dan syarikat bekalan iaitu Sabah Electricity Sdn. Bhd. Untuk membincangkan dan menyelesaikan isu-isu pembangunan pendidikan yang berbangkit dari semasa ke semasa.

Di samping itu Program Tindak Susul isu yang dibangkitkan di Parlimen juga diadakan bagi melihat dan membincangkan isu-isu berkaitan termasuk isu pembangunan sekolah terbelakang seperti yang terkini di Parlimen Kinabatangan dan kawasan-kawasan Sandakan pada minggu lepas. Saya sendiri telah turun ke padang untuk melihat sendiri apa yang berlaku dan seterusnya mengambil tindakan yang lebih progresif bagi mengatasi masalah yang berlaku.

Pada masa yang sama, satu perbincangan di antara Yang Berhormat Besut, Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Haji Idris Jusoh telah diadakan bersama dengan Yang Berhormat Datuk Bung Moktar, Ahli Parlimen Kinabatangan bersama-sama dengan Jabatan Pendidikan Sabah pada 16 September 2013 bagi mengatasi masalah yang berkaitan dengan pembangunan infrastruktur pendidikan di Sabah.

Beberapa siri lawatan juga telah diadakan oleh Yang Berhormat Tawau, Timbalan Menteri Pendidikan I di kawasan Papar, Kota Belud dan Tawau daripada 19 hingga 21 September 2013 bagi melihat sendiri keadaan sekolah-sekolah yang daif. Tindakan susulan dan siri lawatan ini akan dilaksanakan secara berterusan sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk merapatkan jurang antara sekolah bandar dan juga luar bandar.

Selain daripada penelitian setiap permohonan yang dikemukakan melalui *Rolling Plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan juga menunjukkan kesungguhannya melalui janji dalam manifesto Barisan Nasional semasa Pilihan Raya Umum Ke-13 iaitu memperbaiki akses untuk pendidikan berkualiti bagi komuniti kecil dan kawasan luar bandar terutama Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengharapkan dengan usaha yang dilakukan ini pembelaan terhadap pendidikan di Sabah dapat dilakukan dengan jayanya. Sekian terima kasih.

**Sebab Kerajaan Tidak Mematuhi
Hak Asasi Manusia Sedunia PBB Secara Penuh**

5.47 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan salah satu anggota dalam *Human Rights Council*, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Anggota *Human Rights Council* PBB dikehendaki mematuhi banyak konvensyen ataupun persetujuan antarabangsa yang berkaitan dengan hak asasi manusia. Saya difahamkan bahawa Malaysia telah mengambil pendirian yang tidak komited dan telah tangguh sokongan terhadap beberapa konvensyen antarabangsa yang berkaitan dengan hak asasi manusia seperti hak pelarian, hak golongan yang mempunyai kecenderungan seks yang tidak normal ataupun LGBT, hak Orang Asli Semenanjung Malaysia, hak kanak-kanak dan sebagainya.

Saya difahamkan bahawa PBB akan menjalankan *universal periodic review* terhadap semua anggota negara di bawah PBB terhadap konvensyen antarabangsa pada bulan Oktober tahun ini. Di sini saya ingin minta kerajaan memberitahu Dewan yang mulia ini tentang sebab kerajaan menangguh persetujuan penuh terhadap beberapa konvensyen antarabangsa yang berkaitan dengan hak asasi manusia tersebut. Selain itu, saya juga ingin minta pihak kerajaan menyatakan undang-undang kita yang kena dipinda sekiranya kita memberi sokongan penuh kepada konvensyen antarabangsa berkenaan. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

5.48 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum, kerajaan sentiasa komited dalam memastikan kepatuhan terhadap prinsip-prinsip hak asasi manusia termasuklah memberi pertimbangan sewajarnya dalam menyertai konvensyen-konvensyen antarabangsa berkenaan hak asasi manusia.

Perkara-perkara berkaitan hak kanak-kanak, wanita, golongan kurang upaya, Orang Asli dan golongan lemah yang lain selalu mendapat perhatian kerajaan. Ini terbukti dengan penyertaan Malaysia ketiga-tiga konvensyen antarabangsa berkaitan dengan hak wanita, hak kanak-kanak dan juga hak orang kurang upaya.

Selain itu, hak-hak asasi manusia lain seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia turut dititikberatkan oleh kerajaan. Dalam hal ini kerajaan tidak pernah membezakan mana-mana golongan sekalipun. Sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama, hak-hak asasi manusia yang dipraktikkan tidaklah bersifat mutlak. Di Malaysia, sensitiviti serta norma-norma baik dari segi agama, peradaban atau budaya yang telah sekian lama menjadi amalan masyarakat yang tidak boleh diketepikan begitu sahaja dan perlu diambil kira.

Sehubungan ini, kerajaan tidak boleh menyokong ataupun bertoleransi dengan apa-apa perkara yang tidak bermoral serta bertentangan dengan undang-undang, etika dan nilai-nilai agama serta budaya yang diamalkan di negara ini seperti kecenderungan seks yang tidak normal, LGBT sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh.

Ingin saya tekankan di sini bahawa kerajaan sentiasa peka dan mengambil serius tanggungjawab untuk melindungi hak asasi manusia termasuklah melalui penyertaan Malaysia ke konvensyen-konvensyen antarabangsa berkenaan hak asasi manusia. Sebelum Malaysia menyertai mana-mana konvensyen antarabangsa ini, kajian menyeluruh dan terperinci perlu dilaksanakan bagi memastikan semua peruntukan konvensyen berkenaan boleh dilaksanakan melalui rangka perundangan negara yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Proses mengkaji konvensyen-konvensyen hak asasi manusia antarabangsa ini merupakan satu proses yang berterusan kerana kerajaan perlu memastikan sistem perundangan negara adalah selaras dengan artikel-artikel di dalam konvensyen-konvensyen antarabangsa sebelum menyertai konvensyen-konvensyen tersebut. Sebagai sebuah negara yang progresif dan prihatin, Malaysia sentiasa berusaha untuk menjaga dan melindungi hak asasi manusia yang sejajar dengan piawaian yang telah ditetapkan di dalam konvensyen-konvensyen antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 30 September 2013.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.52 petang]